




# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2015



PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2015

Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan  
Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA



# KANDUNGAN



# KANDUNGAN

## Muka Surat

<b>ix</b>	<b>KATA PENDAHULUAN</b>
<b>xv</b>	<b>INTISARI LAPORAN</b>
 <b>BAHAGIAN I</b>	
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	
3	1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015
 <b>BAHAGIAN II</b>	
PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	
7	2. Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh
48	3. Pengurusan Kewangan Di Kementerian/Jabatan Persekutuan (Indeks Akauntabiliti)
120	4. Pengurusan Kewangan Pejabat Perwakilan Malaysia Di Luar Negara
130	5. Pengauditan Secara Mengejut
 <b>BAHAGIAN III</b>	
PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PENILAIAN KHAS BAGI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN WANG AWAM	
135	6. Penilaian Khas Terhadap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi
 <b>BAHAGIAN IV</b>	
PERKARA AM	
139	7. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Serta Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2014
139	8. Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
:	

## KANDUNGAN

### Muka Surat

145	<b>PENUTUP</b>
149	<b>LAMPIRAN</b>
153	LAMPIRAN A1 - Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015
154	LAMPIRAN A2 - Pernyataan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Dan Akauntan Negara Malaysia
155	- Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2015
157	- Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015
158	- Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015
159	- Penyata Akaun Memorandum Pada 31 Disember 2015
	- Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015

# KATA PENDAHULUAN



## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 4 jenis pengauditan seperti yang berikut:

- 1.1. **Pengauditan Penyata Kewangan** - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;
- 1.2. **Pengauditan Pematuhan** - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;
- 1.3. **Pengauditan Prestasi** - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti/program/projek Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan; dan
- 1.4. **Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan cekap, teratur dan mencapai objektif penubuhannya.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 mengandungi perkara berikut:

- Bahagian I : Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015**
- Bahagian II : Pengurusan Kewangan Kerajaan Persekutuan**
- Bahagian III : Penglibatan Jabatan Audit Negara Dalam Penilaian Khas Bagi Meningkatkan Akauntabiliti Pengurusan Wang Awam**
- Bahagian IV : Perkara Am**

3. Pengauditan yang dijalankan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 mendapati penyata tersebut pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan

seperti pada 31 Disember 2015, hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut serta rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Hasil pengauditan terhadap pengurusan kewangan pula mendapati beberapa Kementerian dan Jabatan masih tidak mematuhi peraturan kewangan dengan sepenuhnya. Kelemahan ini antaranya adalah disebabkan oleh kecuaian dalam mematuhi peraturan/prosedur kewangan yang ditetapkan; kekurangan kakitangan dan latihan dalam aspek pengurusan kewangan serta ketiadaan penyeliaan dan pemantauan yang rapi.

4. Semua Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan ini untuk pengesahan mereka. Jabatan Audit Negara juga telah mengambil beberapa pendekatan untuk membantu Kementerian/Jabatan Persekutuan memperbaiki kelemahan pengurusan kewangan. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti yang berikut:

4.1. Melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (IA). Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi 8 aspek kawalan utama akan diberikan markah. Aspek tersebut ialah kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan perolehan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit, pengurusan aset dan stor serta pengurusan kenderaan Jabatan. Kementerian/Jabatan Persekutuan yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai *role model* kepada Kementerian/Jabatan Persekutuan yang lain. Ini boleh meningkatkan lagi tahap motivasi Kementerian/Jabatan Persekutuan agar lebih gigih memperbaiki dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing.

4.2. Menjalankan pengauditan pengurusan kewangan di Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara bagi menilai sama ada pengurusan kewangan di pejabat perwakilan tersebut adalah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan. Pada tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan di 8 pejabat perwakilan dengan memberi tumpuan kepada 5 elemen pengurusan kewangan iaitu kawalan pengurusan, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan deposit/pendahuluan serta pengurusan aset dan stor. Semakan juga telah dijalankan terhadap pengurusan Sistem Perakaunan Luar Negeri.

4.3. Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas lain. Ketua Kementerian/Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menilai sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara juga telah menjalankan pengauditan secara mengejut di 226 pejabat Kerajaan Persekutuan di seluruh negara.

4.4. Jabatan Audit Negara juga terus terlibat dalam membuat penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan Ketua Jabatan yang memegang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) bagi tujuan pengesahan jawatan mereka. Pada tahun 2015, penilaian telah dibuat terhadap pengurusan kewangan di bawah kawalan 29 Ketua Jabatan. Penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada pengukuhan pengurusan kewangan Kerajaan memandangkan urusan kenaikan pangkat Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan hanya akan dipertimbangkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam setelah Jabatan Audit Negara dan Perbendaharaan Malaysia mengesahkan bahawa pegawai berkaitan telah mengambil tindakan pembetulan terhadap kelemahan pengurusan kewangan yang dibangkitkan.

4.5. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) ditubuhkan untuk memeriksa dan memantau urusan kewangan negara bagi memastikan kewangan negara ditadbir dan diuruskan secara teratur, cekap dan telus. Mesyuarat PAC turut dihadiri oleh wakil daripada Jabatan Audit Negara, Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Pada tahun 2015, PAC telah mengadakan mesyuarat sebanyak 33 kali.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan ini dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha dengan gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



( TAN SRI HAJI AMERIN BIN ISMAIL )  
Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya

27 April 2016



# **INTISARI LAPORAN**



## INTISARI LAPORAN

### **PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

1. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan rekod perakaunannya juga telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

### **PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

#### **Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh**

2. Pada tahun 2015, Kerajaan Persekutuan (Kerajaan) memperoleh hasil berjumlah RM219.089 bilion iaitu berkurangan sejumlah RM1.537 bilion (0.7%) berbanding dengan tahun 2014 yang berjumlah RM220.626 bilion. Pada tahun yang sama, Parlimen telah meluluskan peruntukan mengurus berjumlah RM221.727 bilion dan sejumlah RM216.998 bilion (97.9%) daripada jumlah yang diperuntukkan telah dibelanjakan. Manakala bagi perbelanjaan pembangunan, secara keseluruhannya Kementerian/Jabatan Persekutuan telah membelanjakan sejumlah RM40.768 bilion (99.4%) daripada peruntukan yang diluluskan yang berjumlah RM41.025 bilion. Kerajaan mengalami defisit berjumlah RM37.194 bilion dengan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada paras 3.22%. Defisit tersebut ditampung dengan pinjaman dalam negeri dan luar negeri yang berjumlah RM121.364 bilion. Selain daripada membiayai perbelanjaan pembangunan, pinjaman ini juga digunakan untuk membayar balik hutang dan membiayai Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.

#### **Pengurusan Kewangan Di Kementerian/Jabatan Persekutuan**

3. Pada tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di 25 Kementerian, 18 Jabatan Persekutuan yang diaudit secara tahunan dan 22 Jabatan Persekutuan yang diaudit secara pusingan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan mereka telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Berdasarkan pengauditan tersebut, pada keseluruhannya berlaku penurunan prestasi pengurusan kewangan di peringkat Kementerian bagi tahun 2015 berbanding 2 tahun sebelumnya. Pada tahun 2015, sebanyak 16 (64%) daripada 25 Kementerian mencapai tahap cemerlang berbanding 20 (83.3%) dan 23 (95.8%) daripada 24 Kementerian pada tahun


2014 dan 2013 masing-masingnya. Prestasi pengurusan kewangan di 18 Jabatan Persekutuan yang diaudit secara tahunan pula menunjukkan peningkatan di mana 15 jabatan (83.3%) telah mencapai tahap cemerlang berbanding 13 jabatan (72.2%) pada tahun 2014 dan 14 jabatan (77.8%) pada tahun 2013. Manakala pada tahun 2015, sebanyak 7 (31.8%) daripada 22 jabatan yang diaudit secara pusingan mencapai tahap cemerlang. Analisis lanjut mendapat sebanyak 13 (59.1%) jabatan memperoleh markah yang lebih tinggi pada tahun 2015 berbanding tahun 2012/2013 iaitu pusingan pengauditan sebelum ini. Bagaimanapun, 9 (40.9%) daripada 22 jabatan yang diaudit mengalami penurunan markah pada tahun 2015 berbanding tahun 2012/2013. Pengauditan juga telah dijalankan di 14 Jabatan Akauntan Negara Cawangan Negeri dan 16 Jabatan Bomba Dan Penyelamat di seluruh negara. Bagi Kementerian Luar Negeri, pengauditan telah dijalankan di 8 buah pejabat perwakilan Malaysia di luar negeri.

4. Jabatan Audit Negara juga telah menjalankan pengauditan secara mengejut di 226 pejabat Persekutuan di peringkat Negeri dan Daerah. Hasil daripada pengauditan ini, beberapa kes telah dikesan seperti daftar setem, buku tunai dan buku panjar wang runcit tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini; pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan seperti yang ditetapkan dan penurunan kuasa tidak diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi. Laporan yang berkaitan telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan Peringkat Ibu Pejabat dan Negeri yang berkenaan untuk tindakan susulan.

5. Selain daripada menjalankan pengauditan bagi memenuhi kehendak undang-undang, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan Ketua Jabatan yang memegang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Bagi tahun 2015, penilaian khas telah dibuat di Kementerian/Jabatan/Agensi yang melibatkan 29 Ketua Jabatan.

### **Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara**

6. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) ditubuhkan untuk memeriksa dan memantau urusan kewangan negara bagi memastikan kewangan negara ditadbir dan diuruskan secara teratur, cekap dan telus. Mesyuarat PAC turut dihadiri oleh wakil daripada Jabatan Audit Negara, Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Pada tahun 2015, PAC telah mengadakan mesyuarat sebanyak 33 kali.



# **BAHAGIAN I**

## **PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN**

## **KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN**

## **BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**



## BAHAGIAN I

### PENGESAHAN TERHADAP PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

#### **1. PENGESAHAN TERHADAP PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

##### **1.1. PENDAHULUAN**

1.1.1. Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk pengauditan sebelum 31 Julai tahun berikutnya seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan oleh Akauntan Negara Malaysia berdasarkan perakaunan tunai ubah suai.

1.1.2. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah dikemukakan untuk pengauditan pada 26 Februari 2016. Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2015 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.1.2.1. Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am.

1.1.2.2. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar wang tunai serta kesetaraan tunai. Aliran Tunai Masuk terdiri daripada hasil, terimaan pinjaman dalam negeri dan luar negeri, bantuan luar negeri, terimaan modal dan terimaan amanah. Manakala Aliran Tunai Keluar adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, bayaran balik pinjaman dalam negeri dan luar negeri, bantuan luar negeri serta perbelanjaan amanah.

1.1.2.3. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan kedudukan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya.

1.1.2.4. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan sebahagian aset kewangan dan liabiliti Kerajaan Persekutuan. Aset kewangan Kerajaan terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Manakala liabiliti pula terdiri daripada Hutang Awam dan Pelbagai Liabiliti.

## 1.2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

1.2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen (pengauditan interim) telah dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2015. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan Kementerian/Jabatan Persekutuan yang berkenaan melalui surat pengurusan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

## 1.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

1.3.1. Bagi mengesahkan ketepatan baki sesuatu akaun, dokumen sokongan seperti Sijil Pengesahan Baki, Senarai Baki Perseorangan dan Penyata Penyesuaian yang menjelaskan perbezaan antara baki yang ditunjukkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dengan baki yang ada di rekod Kementerian/Jabatan Persekutuan adalah diperlukan. Sehubungan dengan ini, pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat telah mengemukakan dokumen sokongan berkenaan dan pengauditan yang dijalankan mendapati baki yang ditunjukkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah bersamaan dengan baki yang ditunjukkan di dokumen tersebut.

**1.3.2. Pada pendapat saya, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan pada keseluruhannya memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan seperti pada 31 Disember 2015 serta hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.**



## **BAHAGIAN II**

# **PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**



## BAHAGIAN II

### PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

#### **2. PRESTASI KEWANGAN SECARA MENYELURUH**

Di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015, Jabatan Audit Negara juga membuat analisis terhadap data kewangan tahun 2015 dan tahun sebelumnya bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan secara menyeluruh. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan pengesahan daripada pihak ketiga turut dijalankan bagi tujuan pengesahan maklumat kewangan. Hasil analisis Audit adalah seperti berikut:

##### **2.1. TERIMAAN DAN PENGGUNAAN DANA**

Sumber utama dana Kerajaan Persekutuan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman dalam negeri dan luar negeri serta terimaan lain. Dana ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan, bayaran balik pinjaman dan perbelanjaan lain. Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2015 adalah berjumlah RM219.089 bilion manakala terimaan balik pinjaman dan pelbagai terimaan adalah berjumlah RM1.483 bilion. Perbelanjaan mengurus dan pembangunan pula adalah berjumlah RM216.998 bilion dan RM40.768 bilion masing-masingnya. Bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM37.194 bilion dengan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada paras 3.22%. Defisit tersebut ditampung dari pinjaman dalam negeri dan luar negeri yang berjumlah RM121.364 bilion. Selain daripada membiayai perbelanjaan pembangunan, pinjaman ini juga telah digunakan untuk membayar balik hutang dan membiayai Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.

###### **2.1.1. Hasil**

2.1.1.1. Hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil Wilayah Persekutuan. Pada tahun 2015, hasil Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM219.089 bilion dengan pengurangan sejumlah RM1.537 bilion (0.7%) berbanding dengan tahun 2014 yang berjumlah RM220.626 bilion. Hasil cukai dan hasil Wilayah Persekutuan menunjukkan peningkatan manakala hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil menunjukkan pengurangan. Kutipan hasil bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti **Carta 2.1** manakala trend kutipan hasil bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015 mengikut jenis hasil adalah seperti **Carta 2.2**.

**CARTA 2.1  
KUTIPAN HASIL BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2015**



**CARTA 2.2  
KUTIPAN HASIL MENGIKUT JENIS HASIL  
BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2015**



2.1.1.2. Secara keseluruhannya hasil Kerajaan Persekutuan berkurangan sejumlah RM1.537 bilion (0.7%) berbanding dengan tahun 2014. Kutipan Cukai Pendapatan Individu menunjukkan peningkatan sejumlah RM1.899 bilion (7.8%) dan kutipan Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST) mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu RM27 bilion. Bagaimanapun, pengurangan hasil Cukai Pendapatan Petroleum sejumlah RM15.397 bilion, Cukai Pendapatan Syarikat sejumlah RM1.560 bilion dan Royalti Petroleum sejumlah RM1.389 bilion menyumbang kepada pengurangan hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2015. Kejatuhan harga minyak mentah dunia memberi kesan yang besar kepada kutipan hasil. Manakala kutipan cukai jualan dan perkhidmatan berkurangan apabila cukai ini digantikan dengan Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST). Pada tahun 2015, kutipan Cukai Barang Dan Perkhidmatan Tempatan berjumlah RM14.040 bilion dan Cukai Barang Dan Perkhidmatan Import adalah berjumlah RM12.973 bilion. Contoh hasil yang menunjukkan peningkatan/penurunan yang

ketara pada tahun 2015 berbanding dengan tahun 2014 adalah seperti jadual berikut:


**JADUAL 2.1**  
**PENINGKATAN/PENURUNAN HASIL YANG KETARA**

JENIS HASIL	PUNGUTAN HASIL (Tahun)		PENINGKATAN/ (PENURUNAN)		PUNCA PENINGKATAN/PENURUNAN
	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Cukai Pendapatan Individu	24,422.79	26,321.44	1,898.65	7.8	Peningkatan kutipan cukai melalui potongan cukai bulanan (PCB) dan ansuran anggaran cukai (CP500), peningkatan kutipan baki cukai serta keberkesanan aktiviti audit dan siasatan.
Cukai Pendapatan Petroleum	26,956.14	11,558.70	(15,397.44)	(57.1)	Pengurangan cukai petroleum (CP250) disebabkan kejatuhan harga minyak mentah dunia.
Cukai Pendapatan Syarikat	65,239.51	63,679.10	(1,560.41)	(2.4)	Kejatuhan harga minyak mentah dunia dan keadaan ekonomi semasa memberi kesan kepada kutipan cukai dari Kumpulan Syarikat Liquefied Natural Gas (LNG).
Royalti Petroleum	6,531.76	5,142.35	(1,389.41)	(21.3)	Kejatuhan harga minyak mentah dunia memberi kesan kepada kutipan royalti petroleum.
Cukai Barang Dan Perkhidmatan Tempatan	-	14,039.65	14,039.65	-	Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST) menggantikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan berkuat kuasa mulai 01.04.2015.
Cukai Barang Dan Perkhidmatan Import	-	12,972.70	12,972.70	-	
Cukai Jualan Atas Barang Perkilangan Dalam Negeri	6,130.39	3,207.06	(2,923.33)	(47.7)	
Cukai Jualan Atas Barang Import	4,808.99	2,015.95	(2,793.04)	(58.1)	
Cukai Perkhidmatan	6,277.60	3,038.23	(3,239.37)	(51.6)	

2.1.1.3. Hasil Kerajaan Persekutuan telah digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan sekiranya ada lebihan hasil, lebihan tersebut dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Adalah didapati lebihan hasil yang dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2011 hingga 2014 berkurangan setiap tahun. Bagaimanapun pada tahun 2015, lebihan hasil yang dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan telah meningkat sejumlah RM1.054 bilion (101.6%) kepada RM2.091 bilion berbanding dengan tahun 2014 yang berjumlah RM1.037 bilion. Jumlah hasil, perbelanjaan mengurus dan lebihan hasil yang dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan bagi tempoh tahun berakhir 31 Disember 2011 hingga 31 Disember 2015 adalah seperti carta berikut:

**CARTA 2.3**

**HASIL, PERBELANJAAN MENGURUS DAN PINDAHAN LEBIHAN HASIL  
KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN BAGI TEMPOH TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2011 HINGGA 31 DISEMBER 2015**



2.1.1.4. Pada akhir tahun 2015, Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM37.194 bilion dengan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada paras 3.22%. Nisbah defisit kepada KDNK ini menunjukkan trend penurunan setiap tahun iaitu daripada 4.82% pada akhir tahun 2011 kepada 3.22% pada akhir tahun 2015. Peningkatan KDNK pada tahun 2015 menyumbang kepada penurunan kadar defisit. Nisbah defisit Kerajaan Persekutuan kepada KDNK pada akhir tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.2**  
**NISBAH DEFISIT KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
**KEPADA KELUARAN DALAM NEGERI KASAR**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2011 HINGGA 2015**


PERKARA	TAHUN				
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
Hasil	185,418.92	207,912.75	213,370.21	220,625.67	219,088.76
Perbelanjaan Mengurus	(182,593.79)	(205,537.08)	(211,270.34)	(219,589.14)	(216,997.53)
<b>Lebihan Hasil</b>	<b>2,825.13</b>	<b>2,375.67</b>	<b>2,099.87</b>	<b>1,036.53</b>	<b>2,091.23</b>
Terimaan Balik Pinjaman Dan Pelbagai Terimaan	1,082.20	2,634.97	1,569.43	1,113.77	1,482.58
<b>Jumlah</b>	<b>3,907.33</b>	<b>5,010.64</b>	<b>3,669.30</b>	<b>2,150.30</b>	<b>3,573.81</b>
Perbelanjaan Pembangunan	(46,416.36)	(46,932.45)	(42,209.80)	(39,503.49)	(40,767.71)
<b>Defisit</b>	<b>(42,509.03)</b>	<b>(41,921.81)</b>	<b>(38,540.50)</b>	<b>(37,353.19)</b>	<b>(37,193.90)</b>
KDNK	881,080	937,532	984,453	1,070,008	1,156,881
<b>Nisbah Defisit Kepada KDNK (%)</b>	<b>4.82</b>	<b>4.47</b>	<b>3.91</b>	<b>3.49</b>	<b>3.22</b>

*Nota: KDNK - Keluaran Dalam Negeri Kasar*

### 2.1.2. Pinjaman Dan Jaminan Berkanun


2.1.2.1. Kerajaan Persekutuan telah membuat pinjaman dari dalam dan luar negeri bagi menampung defisit, membayar balik hutang dan membiayai Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan. Pinjaman dalam negeri terdiri daripada Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sukuk. Manakala pinjaman luar negeri terdiri daripada pinjaman multilateral, bilateral dan sukuk. Pinjaman yang diterima pada tahun 2015 adalah berjumlah RM121.364 bilion terdiri daripada pinjaman luar negeri berjumlah RM5.560 bilion (4.6%) dan pinjaman dalam negeri termasuk bagi membiayai pinjaman perumahan berjumlah RM115.804 bilion (95.4%). Secara keseluruhannya, pinjaman yang diterima telah meningkat sejumlah RM12.281 bilion (11.3%) berbanding dengan tahun 2014 yang berjumlah RM109.083 bilion. Butirannya adalah seperti carta berikut:

**CARTA 2.4**  
**PENERIMAAN PINJAMAN DALAM DAN LUAR NEGERI**  
**TAHUN 2011 HINGGA 2015**




2.1.2.2. Pada tahun 2015, Kerajaan telah membuat pelbagai bayaran balik pinjaman berjumlah RM77.621 bilion iaitu meningkat sejumlah RM11.126 bilion (16.7%) berbanding tahun 2014 yang berjumlah RM66.495 bilion. Sejumlah RM4.833 bilion (6.2%) adalah bayaran balik pinjaman luar negeri, manakala bakinya RM72.788 bilion (93.8%) adalah bayaran balik pinjaman dalam negeri. Butirannya adalah seperti carta berikut:

**CARTA 2.5**  
**BAYARAN BALIK PINJAMAN DALAM DAN LUAR NEGERI**  
**TAHUN 2011 HINGGA 2015**



2.1.2.3. Hutang awam terdiri daripada hutang dalam negeri berjumlah RM609.063 bilion (96.6%) dan hutang luar negeri berjumlah RM21.477 bilion (3.4%). Secara keseluruhannya hutang awam menunjukkan peningkatan daripada RM582.828 bilion pada akhir tahun 2014 kepada RM630.540 bilion pada akhir tahun 2015 iaitu meningkat sejumlah RM47.712 bilion (8.2%). Peningkatan jumlah hutang ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan hutang dalam negeri. **Nisbah hutang awam kepada KDNK pada akhir tahun 2015 adalah pada paras 54.50%.** Bagaimanapun, nisbah hutang awam kepada KDNK masih di bawah had 55% yang ditetapkan sebagai polisi Kerajaan. Kedudukan hutang awam Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti **Carta 2.6** dan nisbah hutang awam kepada KDNK pada akhir tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti **Jadual 2.3**.

**CARTA 2.6**  
**HUTANG AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2011 HINGGA 2015**



**JADUAL 2.3**  
**NISBAH HUTANG AWAM KEPADA KELUARAN DALAM NEGERI KASAR**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2011 HINGGA 2015**

<b>PERKARA</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>
	(RM Juta)				
Jumlah Hutang Awam	456,128	501,617	539,858	582,828	630,540
KDNK	881,080	937,532	984,453	1,070,008	1,156,881
<b>Nisbah Hutang Awam Kepada KDNK (%)</b>	<b>51.77</b>	<b>53.50</b>	<b>54.84</b>	<b>54.47</b>	<b>54.50</b>

*Nota: KDNK - Keluaran Dalam Negeri Kasar*

2.1.2.4. Perbelanjaan kerana hutang negara (kos bagi mendapatkan pinjaman dan faedah pinjaman) juga menunjukkan peningkatan bagi tempoh 5 tahun berturut-turut. Pada tahun 2014, perbelanjaan kerana hutang negara adalah berjumlah RM22.588 bilion dan meningkat sejumrah RM1.695 bilion (7.5%) kepada RM24.283 bilion pada tahun 2015. Kedudukan perbelanjaan kerana hutang negara pada tahun 2015 dan 4 tahun sebelumnya adalah seperti carta berikut:

**CARTA 2.7**  
**PERBELANJAAN KERANA HUTANG NEGARA**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2015**



2.1.2.5. Kerajaan Persekutuan juga memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh badan berkanun/syarikat seperti yang dibenarkan oleh Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965. Pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan juga menunjukkan trend peningkatan setiap tahun. Pada akhir tahun 2015, aman belum selesai pinjaman dalam dan luar negeri yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan bagi 3 badan berkanun dan 25 syarikat secara keseluruhannya adalah berjumlah RM177.728 bilion iaitu meningkat sejumrah RM5.709 bilion (3.3%) berbanding dengan tahun 2014 yang berjumlah RM172.019 bilion. Antara pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan yang menunjukkan peningkatan pada tahun 2015 adalah pinjaman oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN); Danalinfra Nasional Berhad; Pengurusan Air SPV Berhad [sebelum ini dikenali sebagai Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)] dan Prasarana Malaysia Berhad [sebelum ini dikenali sebagai Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB)]. Manakala pinjaman Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMP) dan K.L International Airport Berhad (KLIA) menunjukkan penurunan berbanding dengan tahun 2014. Kedudukan

pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2015 dan 4 tahun sebelumnya adalah seperti carta berikut:



### 2.1.3. Perbelanjaan Mengurus

2.1.3.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada perbelanjaan tanggungan (Vot T) dan bekalan (Vot B). Pada tahun 2015, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Waran Am Bil. 1 Tahun 2015 bagi tujuan perbelanjaan mengurus berjumlah RM223.440 bilion. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM3.378 bilion melalui peruntukan khas berjumlah RM2.288 bilion dan pendahuluan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka yang berjumlah RM1.090 bilion. Selain itu, Perbendaharaan Malaysia juga telah mengeluarkan waran penyekatan peruntukan berjumlah RM5.091 bilion. Dengan ini, peruntukan muktamad bagi tahun 2015 adalah berjumlah RM221.727 bilion. Manakala perbelanjaan mengurus pada tahun 2015 adalah berjumlah RM216.998 bilion (97.9%) daripada jumlah yang diperuntukkan. Peruntukan dan perbelanjaan mengurus pada tahun 2014 dan 2015 adalah seperti jadual berikut:


**JADUAL 2.4**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS**  
**PADA TAHUN 2014 DAN 2015**

PERKARA	TAHUN		PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>Peruntukan</b>				
i. Asal	217,651.00	223,440.00	5,789.00	2.7
ii. Tambahan Peruntukan	4,612.10	0.00	(4,612.10)	(100.0)
iii. Waran Khas Dan Pendahuluan Daripada Peruntukan Luar Jangka	1,992.97	3,377.57	1,384.60	69.5
iv. Waran Penyekatan Peruntukan	(2,174.80)	(5,090.81)	2,916.01	134.1
Jumlah Peruntukan Mengurus	222,081.27	221,726.76	(354.51)	(0.2)
Perbelanjaan Sebenar*	219,589.14	216,997.53	(2,591.61)	(1.2)
Lebihan Peruntukan	2,492.13	4,729.23	2,237.10	89.8

*Nota : (\*) - Tidak Termasuk Pindahan Kepada Kumpulan Wang Pembangunan*

2.1.3.2. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2015 berjumlah RM216.998 bilion meliputi pemberian dan kenaan bayaran tetap berjumlah RM107.744 bilion; emolumen berjumlah RM70.050 bilion; perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM36.373 bilion; aset berjumlah RM1.723 bilion dan perbelanjaan lain berjumlah RM1.108 bilion. Perbelanjaan bagi pemberian dan kenaan bayaran tetap merupakan perbelanjaan terbesar Kerajaan Persekutuan. Perbelanjaan mengurus bagi tahun 2011 hingga 2015 mengikut jenis perbelanjaan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 2.9**  
**PERBELANJAAN MENGURUS MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2015**



2.1.3.3. Analisis Audit selanjutnya mendapati Kementerian Luar Negeri telah berbelanja melebihi peruntukan yang diluluskan. Peruntukan muktamad perbelanjaan mengurus tahun 2015 bagi Kementerian Luar Negeri adalah berjumlah RM750.63 juta manakala perbelanjaan keseluruhan adalah berjumlah RM808.32 juta. Dengan ini berlaku perbelanjaan melebihi peruntukan berjumlah RM57.69 juta. Kementerian Luar Negeri memaklumkan bahawa terdapat peningkatan perbelanjaan operasi Perwakilan Malaysia di luar negara iaitu bagi bayaran gaji kakitangan ambilan tempatan, sewa bangunan pejabat dan kediaman, bil utiliti dan perhubungan serta bekalan pejabat yang dibayar dalam matawang asing. Walaupun secara keseluruhannya berlaku peningkatan kecil dalam perbelanjaan operasi pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 dalam matawang asing tetapi disebabkan kejatuhan nilai ringgit, ia memberi impak yang besar kepada perbelanjaan dalam Ringgit Malaysia.

### 2.1.4. Perbelanjaan Pembangunan

2.1.4.1. Rancangan Malaysia (RMK) merupakan perancangan lima tahun pembangunan Kerajaan. Sepanjang tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) iaitu bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM239.181 bilion sebagai peruntukan pembangunan dan peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM5.475 bilion melalui peruntukan tambahan pertama/pendahuluan daripada simpanan luar jangka. Dalam tempoh yang sama Kerajaan telah mengeluarkan Waran Penyekatan Peruntukan berjumlah RM22.568 bilion. Pada tahun 2013, Kerajaan juga telah mengeluarkan Waran Penguntukan Semula berjumlah RM2.096 bilion kepada 3 Kementerian yang terlibat dengan penyusunan semula fungsi Kementerian. Dengan ini, peruntukan muktamad untuk pembangunan bagi RMKe-10 adalah berjumlah RM224.184 bilion. Sehingga akhir tahun 2015 iaitu tahun terakhir pelaksanaan RMKe-10, secara keseluruhannya Kementerian/Jabatan Persekutuan telah membelanjakan sejumlah RM215.830 bilion (96.3%) daripada peruntukan yang diluluskan. Kedudukan peruntukan dan perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-10 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.5  
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DI BAWAH RMKe-10**

PERKARA	TAHUN 2011 (RM Juta)	TAHUN 2012 (RM Juta)	TAHUN 2013 (RM Juta)	TAHUN 2014 (RM Juta)	TAHUN 2015 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
<b>Peruntukan:</b>						
- Anggaran Asal*	49,181.89	49,248.90	47,750.00	44,500.00	48,499.99	239,180.78
- Tambahan Pertama/Pendahuluan Daripada Peruntukan Luar Jangka	1,999.41	513.47	649.38	1,921.99	391.00	5,475.25
- Penguntukan Semula Peruntukan	-	-	2,096.54	-	-	2,096.54
<b>JUMLAH</b>	<b>51,181.30</b>	<b>49,762.37</b>	<b>50,495.92</b>	<b>46,421.99</b>	<b>48,890.99</b>	<b>246,752.57</b>
Waran Penyekatan Peruntukan	(1,757.25)	(654.57)	(6,032.17)	(6,258.56)	(7,865.83)	(22,568.38)
<b>JUMLAH</b>	<b>49,424.05</b>	<b>49,107.80</b>	<b>44,463.75</b>	<b>40,163.43</b>	<b>41,025.16</b>	<b>224,184.19</b>
Perbelanjaan Sebenar	46,416.36	46,932.45	42,209.80	39,503.49	40,767.71	215,829.81
Peratus Perbelanjaan	93.9%	95.6%	94.9%	98.4%	99.4%	96.3%


*Nota: (\*) - Tidak Termasuk Peruntukan Simpanan Luar Jangka Yang Berjumlah RM2 Bilion.*

2.1.4.2. Analisis Audit terhadap jumlah perbelanjaan keseluruhan di bawah RMKe-10 mengikut tahun mendapati ada kelemahan dalam pengurusan peruntukan pembangunan iaitu peruntukan tidak dibelanjakan, peruntukan dibelanjakan kurang daripada 50% dan peruntukan tambahan/pindah peruntukan tidak dibelanjakan. Analisis selanjutnya mendapati kelemahan ini menunjukkan trend penurunan. Butirannya adalah seperti jadual dan carta berikut:

**JADUAL 2.6**  
**KELEMAHAN PENGURUSAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DI BAWAH RMKe-10**

TAHUN	PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN			PERUNTUKAN DIBELANJAKAN KURANG DARIPADA 50%			PERUNTUKAN TAMBAHAN/PINDAH PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN		
	BIL. KEM./JAB.	BIL. PROJEK	Jumlah Peruntukan Tidak Dibelanjakan (RM Juta)	BIL. KEM./JAB.	BIL. PROJEK	Baki Peruntukan Tidak Dibelanjakan (RM Juta)	BIL. KEM./JAB.	BIL. PROJEK	Jumlah Peruntukan Tambahan/Pindah Peruntukan Tidak Dibelanjakan (RM Juta)
2011	3	4	14.15	9	26	748.57	5	6	11.14
2012	3	5	29.27	11	22	694.19	9	17	102.88
2013	4	5	130.70	12	28	539.88	5	8	14.06
2014	3	4	2.19	7	15	31.38	6	9	9.48
2015	2	2	0.38	3	3	27.38			Tiada Kes

**CARTA 2.10**  
**KELEMAHAN PENGURUSAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DI BAWAH RMKe-10**



### 2.1.5. Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor

2.1.5.1. Wang pendahuluan kepada kontraktor adalah bayaran pendahuluan yang dibenarkan kepada kontraktor tempatan yang memerlukan modal untuk melaksanakan kerja awalan. Semua bayaran pendahuluan dicaj terus kepada vot projek berkenaan. Kementerian/Jabatan perlu menyelenggara akaun subsidiari mengenainya bagi merekodkan bayaran pendahuluan yang akan diselaraskan melalui potongan yang dibuat daripada bayaran kemajuan projek. Peraturan dan syarat bagi bayaran pendahuluan ini dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia 1PP-PK4.

2.1.5.2. Semakan Audit mendapati wang pendahuluan kepada kontraktor yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus, pembangunan dan akaun amanah yang belum diimbuh/dikutip balik pada akhir tahun 2015 adalah berjumlah RM939.01 juta iaitu berkurangan sejumlah RM9.96 juta (1%) berbanding tahun sebelumnya. Baki wang pendahuluan kepada kontraktor yang belum diimbuh/dikutip balik pada akhir tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.7**  
**BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR**  
**YANG BELUM DIKUTIP BALIK**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2011 HINGGA 2015**

TAHUN	BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADAKONTRAKTOR (RM Juta)	PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
		(RM Juta)	(%)
2011	1,535.76	-	-
2012	1,045.27	(490.49)	(31.9)
2013	1,106.32	61.05	5.8
2014	948.97	(157.35)	(14.2)
2015	939.01	(9.96)	(1.0)

### 2.1.5.3. Kutipan Balik Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor

- Pekeliling Perbendaharaan Malaysia 1PP-PK4 menyatakan bahawa Kementerian/Jabatan dinasihatkan supaya berhati-hati dan mengawasi kemajuan pelaksanaan sesuatu kontrak bagi memastikan semua pendahuluan kepada kontraktor dapat dikutip balik selewat-lewatnya semasa kerja siap pada tahap 75%. Sekiranya pihak kontraktor gagal melaksanakan projek, bayaran wang pendahuluan yang belum dikutip balik hendaklah dituntut daripada bank/syarikat kewangan/insurans/takaful yang mengeluarkan jaminan bagi maksud tersebut.
- Baki wang pendahuluan kepada kontraktor yang belum diimbuh/dikutip balik walaupun projek telah ditamatkan/terbengkalai atau kemajuan kerja telah melebihi 75% pada akhir tahun 2015 berkurangan sejumlah RM91.49 juta berbanding pada akhir tahun 2014. Kedudukan baki wang pendahuluan kepada kontraktor yang belum dikutip balik walaupun kemajuan kerja telah mencapai 75% atau projek terbengkalai/ditamatkan pada akhir tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti **Carta 2.11**. Manakala **Jadual 2.8** adalah senarai Kementerian yang masih belum mengutip balik baki bayaran pendahuluan berjumlah RM107.14 juta daripada 39 syarikat pada akhir tahun 2015 walaupun projek telah ditamatkan/terbengkalai atau kemajuan kerja telah melebihi 75%.

**CARTA 2.11**  
**BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR YANG BELUM DIKUTIP BALIK WALAUPUN KEMAJUAN KERJA TELAH MENCAPAI 75% ATAU PROJEK TERBENGKALAI/DITAMATKAN KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2011 HINGGA 2015**




**JADUAL 2.8**  
**BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR YANG BELUM DIKUTIP BALIK WALAUPUN KEMAJUAN KERJA TELAH MENCAPAI 75% ATAU PROJEK TERBENGKALAI/DITAMATKAN KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2015**

KEMENTERIAN	BIL. SYARIKAT		BAKI WANG PENDAHULUAN YANG MASIH BELUM DIKUTIP/DIIMBUH BALIK (RM Juta)
	KEMAJUAN KERJA TELAH MENCAPAI 75%	PROJEK TERBENGKALAI/ DITAMATKAN	
Kementerian Pendidikan Malaysia	14	2	41.75
Kementerian Kerja Raya	-	17	37.22
Kementerian Pertahanan	-	3	17.97
Kementerian Pengangkutan	-	1	5.75
Kementerian Dalam Negeri	-	2	4.45
<b>JUMLAH</b>	<b>14</b>	<b>25</b>	<b>107.14</b>

- c. Pada tahun 2015, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat kutipan balik sebahagian daripada wang pendahuluan kepada kontraktor bagi projek yang ditamatkan/terbengkalai/ siap melebihi 75%. Dengan ini baki wang pendahuluan kepada kontraktor bagi kedua-dua Kementerian tersebut menunjukkan penurunan berbanding tahun 2014. Wang pendahuluan kepada kontraktor yang belum dikutip balik bagi Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri pula tidak menunjukkan perubahan dari tahun 2012 hingga 2015 kerana kes tersebut masih dalam tindakan mahkamah atau dalam proses timbang tara. Trend baki wang pendahuluan kontraktor yang belum dikutip balik bagi projek yang terbengkalai/ditamatkan/siap melebihi 75% mengikut Kementerian adalah seperti carta berikut:

**CARTA 2.12**  
**BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR YANG BELUM**  
**DIKUTIP WALAUPUN KEMAJUAN KERJA TELAH MENCAPAI 75%**  
**ATAU PROJEK TERBENGKALAI/DITAMATKAN**



### 2.1.6. Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 59

2.1.6.1. Pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59 (AP 59) hanya boleh dilakukan dengan kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia atas pengesahan pihak Kementerian/Jabatan bahawa perkhidmatan atau barang yang dipesan dan dibekalkan dengan suci hati kepada Kerajaan telah diterima dengan sempurna. Pembayaran ini akan dipertanggungkan kepada Akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) sementara menunggu siasatan dijalankan oleh Kementerian/Jabatan. Pada tahun 2015, Perbendaharaan Malaysia telah meluluskan 50 permohonan pendahuluan diri berjumlah RM28.11 juta kepada 13 Kementerian/Jabatan bagi pembayaran di bawah AP 59. Adalah diperhatikan pendahuluan diri bagi pembayaran di bawah AP 59 yang diluluskan pada tahun 2015 telah meningkat sejumrah RM8.46 juta (43.1%) berbanding dengan tahun 2014 yang berjumlah RM19.65 juta. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.9**  
**PEMBAYARAN DI BAWAH AP 59 YANG DILULUSKAN**  
**OLEH PERBENDAHARAAN MALAYSIA PADA TAHUN 2014 DAN 2015**

KEMENTERIAN/JABATAN	KELULUSAN PADA TAHUN 2014		KELULUSAN PADA TAHUN 2015	
	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)
Kementerian Kerja Raya	-	-	6	12.47
Kementerian Pertahanan	2	0.46	3	8.85
Polis DiRaja Malaysia	1	14.60	10	3.34
Kementerian Pendidikan Malaysia	9	0.87	3	0.66
Kementerian Kesihatan Malaysia	4	0.08	5	0.63
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	-	-	1	0.61
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>16</b>	<b>16.01</b>	<b>28</b>	<b>26.56</b>
Kementerian/Jabatan Lain	34	3.64	22	1.55
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>50</b>	<b>19.65</b>	<b>50</b>	<b>28.11</b>

2.1.6.2. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia 1PP-WP10.2 menetapkan pembayaran di bawah AP 59 kepada kontraktor/pembekal hendaklah dibuat dengan serta-merta tidak lewat 14 hari daripada tarikh kelulusan pendahuluan diri diterima daripada Perbendaharaan Malaysia. Semakan Audit terhadap 79 pembayaran di bawah AP 59 mendapati 21 (26.6%) daripadanya yang berjumlah RM11.12 juta melibatkan 4 Kementerian/Jabatan telah dibayar melebihi tempoh 14 hari. Tempoh kelewatan bayaran adalah antara 7 hingga 216 hari. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.10  
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 59 MELEBIHI TEMPOH 14 HARI**

KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM Juta)	TEMPOH KELEWATAN* (Hari)
Kementerian Kerja Raya	5	8.01	28 - 216
Polis DiRaja Malaysia	7	2.24	9 - 20
Kementerian Pendidikan Malaysia	5	0.52	18 - 70
Jabatan Imigresen Malaysia	4	0.35	7 - 24
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>21</b>	<b>11.12</b>	<b>7 - 216</b>

*Nota: (\*) - Tempoh Kelewatan Dikira Selepas 14 Hari Dari Tarikh Kelulusan Diterima*

#### **Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Pada 21 Hingga 26 April 2016**

*Kementerian Kerja Raya memaklumkan kelewatan disebabkan proses mendapatkan dokumen bagi tujuan pembayaran mengambil masa yang lama. Polis DiRaja Malaysia memaklumkan permohonan diproses semasa cuti umum yang panjang serta terdapat kesilapan dalam dokumen sokongan. Manakala bagi Jabatan Imigresen Malaysia, kelewatan disebabkan permohonan pembayaran pendahuluan diri melibatkan semakan oleh pelbagai bahagian di Jabatan Imigresen Malaysia.*

2.1.6.3. Selaras dengan AP 59, Pegawai Pengawal adalah dikehendaki mengemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia laporan siasatan lengkap dengan menghuraikan bagaimana penyimpangan peraturan biasa boleh berlaku dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pendahuluan diluluskan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- Empat belas (25.9%) daripada 54 laporan siasatan lewat dikemukakan antara 9 hingga 355 hari.
- Dua belas laporan siasatan yang sepatutnya dikemukakan pada tahun 2015 masih belum dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia sehingga tarikh pengauditan iaitu pada 10 Mac 2016. Kelewatan mengemukakan laporan siasatan sehingga 10 Mac 2016 bagi 12 kes tersebut adalah antara 40 hingga 319 hari.

Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.11**  
**KELEWATAN MENGEWKAKAN LAPORAN SIASATAN**  
**KEPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

KEMENTERIAN/JABATAN	LAPORAN SIASATAN DIKEMUKAKAN PADA TAHUN 2015		LAPORAN SIASATAN BELUM DIKEMUKAKAN	
	BIL. KES	TEMPOH KELEWATAN* (Hari)	BIL. KES	TEMPOH KELEWATAN* SEHINGGA 10.03.2016 (Hari)
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	5	39 - 40	-	-
Polis DiRaja Malaysia	4	31 - 128	9	40 - 130
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	2	344 - 355	-	-
Jabatan Imigresen Malaysia	1	98	3	235 - 319
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	1	24	-	-
Kementerian Kerja Raya	1	9	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>14</b>	<b>9 - 355</b>	<b>12</b>	<b>40 - 319</b>

*Nota: (\*) - Tempoh Dikira Selepas 60 Hari Daripada Tarikh Kelulusan Pelarasan Dikeluarkan Oleh Perbendaharaan Malaysia*

**Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Pada 21 April 2016**

*Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia memaklumkan bahawa kedua-dua Jabatan tersebut memerlukan masa untuk mengenal pasti pegawai-pegawai yang terlibat. Selain itu, terdapat kes yang terlalu lama yang melibatkan pegawai yang telah bersara dan ini menyukarkan proses mendapatkan maklumat. Manakala, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar dan Kementerian Kerja Raya memaklumkan laporan siasatan lewat dikemukakan kerana proses siasatan mengambil masa yang lama terutama yang melibatkan isu teknikal.*

2.1.6.4. Sehingga akhir tahun 2015, baki pendahuluan yang belum diselaraskan adalah berjumlah RM41.23 juta melibatkan 18 Kementerian/Jabatan. Sejumlah RM22.35 juta daripada RM41.23 juta yang belum diselaraskan adalah merupakan baki yang dibawa ke hadapan dari tahun-tahun sebelumnya. Tempoh pendahuluan diri paling lama tidak diselaraskan adalah selama 16 tahun iaitu kes pendahuluan diri yang diluluskan pada tahun 1999. Pendahuluan diri bagi pembayaran di bawah AP 59 yang diluluskan pada tahun 2014 dan sebelumnya tetapi belum diselaraskan sehingga penghujung tahun 2015 adalah seperti Jadual 2.12. Antara punca pendahuluan diri tersebut belum diselaraskan adalah disebabkan laporan siasatan lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia atau laporan yang dikemukakan tidak lengkap.

**JADUAL 2.12**  
**PENDAHULUAN DIRI DI BAWAH AP 59 TAHUN 2014 DAN SEBELUMNYA**  
**YANG BELUM DISELARASKAN PADA AKHIR TAHUN 2015**

KEMENTERIAN/JABATAN	BAKI BELUM DISELARASKAN PADA 31.12.2015 (RM Juta)	KELULUSAN PENDAHULUAN TAHUN
Polis DiRaja Malaysia	18.48	2005 - 2014
Jabatan Pendaftaran Negara	1.01	2014
Kementerian Dalam Negeri	0.70	1999 - 2014
Kementerian Pendidikan Malaysia	0.44	2006 - 2014
Kementerian Pendidikan Tinggi	0.43	2013 - 2014
Jabatan Imigresen Malaysia	0.41	2009 - 2014
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	0.41	2014
Kementerian Komunikasi Dan Multimedia	0.26	2013 - 2014
Kementerian Luar Negeri	0.13	2009 - 2012
Kementerian Kesihatan Malaysia	0.08	2012 - 2014
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>22.35</b>	<b>1999 - 2014</b>

**Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac hingga 27 April 2016**

*Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani memaklumkan 1 kes berjumlah RM0.11 juta telah diselaraskan pada 4 Mac 2016. Kementerian Kesihatan Malaysia pula memaklumkan bahawa permohonan pelarasan bersama syor tindakan ke atas pegawai-pegawai yang bertanggungjawab telah dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia dan sedang menunggu keputusan bagi permohonan tersebut. Kementerian Dalam Negeri memaklumkan mesyuarat bersama Perbendaharaan Malaysia akan diadakan bagi mempercepatkan proses mendapatkan kelulusan pelarasan bagi kes yang belum diselaraskan. Kementerian Luar Negeri memaklumkan telah menghantar maklumat tambahan dan sedang menunggu maklum balas daripada Perbendaharaan Malaysia.*


## 2.2. TUNGGAKAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

Antara langkah proaktif yang boleh diambil oleh Kerajaan bagi menambah hasil Kerajaan Persekutuan adalah dengan mendapatkan balik tunggakan hasil termasuk tunggakan bayaran balik pinjaman daripada Kerajaan Negeri; Perbadanan Kemajuan Negeri; Badan Berkanun; Pihak Berkuasa Tempatan; Koperasi; Syarikat dan Pelbagai Agensi dalam tempoh yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:


### 2.2.1. Akaun Belum Terima

2.2.1.1. Akaun Belum Terima (ABT) adalah sejumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan pada sesuatu masa tetapi masih belum diterima. Akaun Belum Terima terdiri daripada tunggakan hasil, tunggakan bayaran balik pinjaman dan tunggakan hutang lain. Secara keseluruhannya ABT Kerajaan

Persekutuan menunjukkan peningkatan sejumlah RM0.056 bilion (0.2%) iaitu daripada RM22.575 bilion pada tahun 2014 kepada RM22.631 bilion pada tahun 2015. Kedudukan Akaun Belum Terima (bersih) pada akhir tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti carta berikut:



2.2.1.2. Perbendaharaan Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) masih kekal sebagai Kementerian/Jabatan yang mempunyai ABT tertinggi bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015. **Carta 2.14** menunjukkan peratusan jumlah ABT (bersih) Kementerian/Jabatan pada akhir tahun 2015.




2.2.1.3. Akaun Belum Terima (ABT) yang dihapus kira pada tahun 2015 adalah berjumlah RM2.333 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM1.821 bilion berbanding tahun 2014. Sebahagian besar ABT yang dihapus kira pada tahun 2015 adalah ABT yang berusia melebihi 6 tahun. Kesannya ABT berusia melebihi 6 tahun berkurangan daripada RM8.207 bilion kepada RM6.530 bilion. Lima hapus kira ABT melebihi tempoh 6 tahun yang tertinggi adalah seperti **Jadual 2.13**. Manakala **Carta 2.15** menunjukkan kedudukan jumlah kasar ABT, jumlah yang telah dihapus kira dan jumlah ABT yang berusia melebihi 6 tahun pada akhir tahun 2011 hingga 2015.

**JADUAL 2.13**  
**HAPUS KIRA AKAUN BELUM TERIMA BERUSIA MELEBIHI 6 TAHUN**  
**YANG TERTINGGI PADA TAHUN 2015**

KEMENTERIAN/JABATAN	JUMLAH (RM Juta)
Perbadanan Malaysia	1,451.05
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia	708.02
Kementerian Kesihatan Malaysia	24.50
Kementerian Pertahanan	0.66
Kementerian Komunikasi Dan Multimedia	0.58

**CARTA 2.15**  
**AKAUN BELUM TERIMA KASAR, DIHAPUS KIRA**  
**DAN BERUSIA MELEBIHI 6 TAHUN**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2011 HINGGA 2015**



*Nota:* ABT - Akaun Belum Terima

2.2.1.4. Semakan Audit selanjutnya mendapati 50% daripada ABT bersih bagi 4 Kementerian pada akhir tahun 2015 telah berusia melebihi tempoh 6 tahun. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.14**  
**LEBIH 50% DARIPADA ABT (BERSIH) TELAH BERUSIA MELEBIHI 6 TAHUN**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2015**

KEMENTERIAN/JABATAN	JUMLAH	ABT MELEBIHI	
	BERSIH ABT (RM Juta)	TEMPOH 6 TAHUN (RM Juta)	(%)
Kementerian Pendidikan Tinggi	586.31	354.85	60.5
Kementerian Belia Dan Sukan	33.45	28.25	84.5
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	4.97	3.17	63.8
Kementerian Luar Negeri	0.52	0.43	82.7

*Nota: ABT - Akaun Belum Terima*

**Pada pendapat Audit, usaha mengutip balik ABT perlu diteruskan dengan lebih proaktif terutama tunggakan ABT yang tertakluk kepada Akta Had Masa 1953 bagi mengelakkan hapus kira ABT. Hapus kira ABT merupakan suatu kerugian kepada Kerajaan.**

### 2.2.2. Mendapatkan Bayaran Balik Pinjaman Yang Tertunggak

2.2.2.1. Kerajaan Persekutuan adalah pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan perolehan pinjaman daripada sumber dalam dan luar negeri. Pinjaman yang diperolehi ini disalurkan kepada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun, Koperasi, Syarikat Kerajaan dan Bukan Kerajaan, Perseorangan serta Pelbagai Agensi untuk membiayai pelbagai tujuan.

2.2.2.2. Semakan Audit terhadap pinjaman oleh Kerajaan Negeri, Syarikat, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Pelbagai Agensi, Perbadanan Kemajuan Negeri dan Koperasi mendapati 544 (50.2%) daripada 1,084 pinjaman mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara 1 hingga 35 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2015 berkurang sejumlah RM0.387 bilion (4.1%) menjadi RM8.979 bilion berbanding dengan RM9.366 bilion pada akhir tahun 2014. Tunggakan bayaran balik pinjaman syarikat adalah tidak termasuk tunggakan pinjaman syarikat Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. berjumlah RM793.81 juta di mana Kerajaan telah memutuskan untuk menyediakan peruntukan hapus kira berjumlah RM100 juta setiap tahun dan dijangka selesai pada tahun 2027.

2.2.2.3. Peningkatan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman ini antaranya adalah disebabkan oleh peminjam membuat bayaran balik kurang daripada amaun anuiti tahun 2015. Walaupun pada tahun 2015 terdapat peminjam yang membayar anuiti tertunggak tahun sebelumnya, pinjaman dihapus kira dan penjadualan semula pinjaman, namun jumlah tersebut adalah kurang berbanding anuiti yang sepatutnya dijelaskan. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.15**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA AKHIR TAHUN 2015**

PEMINJAM	BIL.	PINJAMAN						TEMPOH*	
		ADA TUNGGAKAN		TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2014 (RM Juta)	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2015 (RM Juta)	TAMBAHAN/ (KURANGAN) (RM Juta)	(% )		
		BIL.	(%)						
Syarikat**	103	41	39.8	3,591.085	3,261.671	(329.414)	(9.2)	1 - 9	
Kerajaan Negeri	885	426	48.1	3,791.72	3,985.33	193.61	5.1	1 - 21	
Badan Berkanun	33	23	69.7	1,386.08	1,057.68	(328.40)	(23.7)	1 - 23	
Pihak Berkuasa Tempatan	41	38	92.7	436.23	436.23	-	-	22 - 28	
Pelbagai Agensi	9	4	44.4	97.53	150.93	53.40	54.8	1 - 15	
Perbadanan Kemajuan Negeri	2	1	50.0	47.82	47.82	-	-	13	
Koperasi	11	11	100	15.75	39.11	23.36	> 100	1 - 35	
<b>JUMLAH</b>	<b>1,084</b>	<b>544</b>	<b>50.2</b>	<b>9,366.215</b>	<b>8,978.771</b>	<b>(387.444)</b>	<b>(4.1)</b>	<b>1 - 35</b>	

Nota: (\*) - Tempoh Tunggakan Ansuran Di Jadual Bayaran Balik Hingga Tahun Penyata Kewangan Diaudit

(\*\*) - Tidak Termasuk Tunggakan Syarikat Pinjaman Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.

**Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 15 April 2016**

**Kementerian Kewangan Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan kutipan bayaran balik pinjaman bagi mengurangkan tunggakan antaranya mengadakan perjumpaan dengan peminjam; penjadualan atau penstrukturkan semula pinjaman serta mengenakan syarat pinjaman yang lebih ketat seperti penyediaan sekuriti atas pinjaman bagi pinjaman baru.**

**a. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Syarikat**

Pada 31 Disember 2015, sebanyak 41 (39.8%) daripada 103 pinjaman yang disalurkan kepada 26 syarikat kerajaan/bukan kerajaan mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara 1 hingga 9 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2015 adalah berjumlah RM3.262 bilion iaitu berkurangan sejumlah RM0.329 bilion (9.2%) berbanding RM3.591 bilion pada akhir tahun 2014. Sejumlah RM1.668 bilion (51.1%) daripada RM3.262 bilion tersebut merupakan tunggakan pinjaman yang telah tamat tempoh melibatkan 13 peminjam. Pengiraan tunggakan pinjaman adalah mengambil kira perkara berikut:

- Penukaran pinjaman Malaysia Debt Ventures Berhad berjumlah RM250 juta dan pinjaman Prasarana Malaysia Berhad [sebelum ini dikenali sebagai Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB)] berjumlah RM474.81 juta kepada ekuiti.
- Hapus kira pinjaman (pokok) bagi MIMOS Berhad berjumlah RM12 juta.
- Hapus kira pinjaman (pokok) bagi 2 pinjaman Kedah Aquaculture Sdn. Bhd. berjumlah RM76.19 juta dan hapus kira faedah berjumlah RM9.47 juta bagi Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd.

- iv. Tunggakan faedah lewat bayar (*default interest*) tahun 2015 bagi pinjaman Cyberview Sdn. Bhd., UDA Holdings Berhad, Malaysia Venture Capital Management Berhad, Perwaja Steel Sdn. Bhd., Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Equal Concept Sdn. Bhd., Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd., JKP Sdn. Bhd., SME Ordnance Sdn. Bhd., Airport Limo (M) Sdn. Bhd., M.Y. Ikan Sdn. Bhd. dan National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFC).
- v. Pelarasan bayaran balik lebihan pinjaman (*prepayment*) oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. dan Mutimedia Development Corporation Sdn. Bhd.

Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman syarikat kerajaan/bukan kerajaan adalah seperti jadual berikut:

#### JADUAL 2.16

#### TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN SYARIKAT KERAJAAN/BUKAN KERAJAAN KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2015

SYARIKAT	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2014 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2015 (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2015 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL.	%						
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	3	3	100	662.32	328.92	TBB	-	991.24	1 - 5
Cyberview Sdn. Bhd.	4	1	25	555.89	8.14	(15.14)	11.12	560.01	6
Yayasan Tekun Nasional	10	3	30	217.60	57.60	TBB	-	275.20	1 - 2
UDA Holdings Berhad	7	7	100	278.78	9.86	(27.79)	0.44	261.29	4 - 9
Malaysia Venture Capital Management Berhad	2	1	50	264.39	-	(17.43)	13.07	260.03	6
Syarikat Perumahan Negara Berhad	1	1	100	223.40	-	TBB	-	223.40	8
Perwaja Steel Sdn. Bhd.	1	1	100	99.44	29.72	TBB	8.30	137.46	5
Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)	9	1	11.1	70.378	147.94	(110.56)	0.743	108.501	2
Equal Concept Sdn. Bhd.	1	1	100	69.43	21.07	TBB	5.54	96.04	5
Malaysia Building Society Berhad	1	1	100	62.74	-	(1.11)	-	61.63	6
Premium Agro Products Sdn. Bhd.	1	1	100	33.60	11.19	TBB	-	44.79	4
Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)	5	3	60	21.39	20.49	TBB	2.54	44.42	2
National Feedlot Corporation Sdn. Bhd.	1	1	100	17.83	17.49	TBB	0.69	36.01	2
Lebuhraya Shapadu Sdn. Bhd.	1	1	100	36.23	-	(0.91)	-	35.32	5
PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.	3	3	100	20.75	5.31	(0.29)	-	25.77	5
Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd.	7	1	14.3	120.78	28.96	(138.73)	5.19	16.20	2
JKP Sdn. Bhd.	2	2	100	10.97	3.62	(0.44)	0.99	15.14	2 - 4
Pengurusan Air SPV Berhad [sebelum ini dikenali sebagai Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)]	8	1	12.5	5.91	14.26	(8.34)	-	11.83	2
White Heron Dairy Farm Sdn. Bhd.	1	1	100	11.39	-	TBB	-	11.39	6
SME Ordnance Sdn. Bhd.	1	1	100	8.02	2.42	TBB	0.64	11.08	4

SYARIKAT	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2014 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2015 (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2015 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL.	%						
Airport Limo (M) Sdn. Bhd.	1	1	100	8.46	3.40	(1.20)	0.09	10.75	6
Agro Qas Sdn. Bhd.	1	1	100	6.58	1.78	TBB	-	8.36	4
M.Y. Ikan Sdn. Bhd.	1	1.	100	3.94	1.89	TBB	0.31	6.14	3
A-Winn Global Market Services Sdn. Bhd.	1	1	100	5.53	-	TBB	-	5.53	6
MIMOS Berhad	1	1	100	14.85	-	(12.00)	-	2.85	5
Warisan Jengka Holdings (M) Sdn. Bhd.	1	1	100	0.89	0.65	(0.25)	-	1.29	2
Prasarana Malaysia Berhad [sebelum ini dikenali sebagai Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB)]	3	0	0	436.27	9.27	(474.81)	29.27	TT	-
Malaysia Debt Ventures Berhad	3	0	0	250.00	-	(250.00)	-	TT	-
Sabah Electricity Sdn. Bhd.	18	0	0	17.14	2.29	(34.42)	14.99	TT	-
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	2	0	0	52.20	4.75	(89.54)	32.59	TT	-
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	1	0	0	2.487	3.25	TBB	(5.737)	TT	-
Asia E-Learning Sdn. Bhd.	1	0	0	1.50	1.50	(3.00)	-	TT	-
<b>JUMLAH</b>	<b>103</b>	<b>41</b>	<b>39.8</b>	<b>3,591.085</b>	<b>735.77</b>	<b>(1,185.96)</b>	<b>120.776</b>	<b>3,261.671</b>	<b>1 - 9</b>

**Nota:** - Bayaran Dan Penjadualan Semula/Pelarasan Diambil Kira Bagi Tempoh Sehingga 31.12.2015

- Tidak Termasuk Tunggakan Pinjaman Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. Yang Telah Diluluskan Untuk Dihapus Kira

(\*) - Tempoh Tunggakan Ansuran Di Jadual Bayaran Balik Hingga Tahun Penyata Kewangan Yang Diaudit

TBB - Tiada Bayaran Balik

TT - Tiada Tunggakan

### Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 15 April 2016

**Kementerian Kewangan Malaysia telah/akan membuat penjadualan/penstrukturkan semula pinjaman bagi 9 syarikat dan mengambil tindakan menghapus kira baki pinjaman bagi 4 syarikat serta hapus kira faedah lewat bayar pinjaman bagi 1 syarikat. Kementerian Kewangan Malaysia juga akan mengambil tindakan undang-undang terhadap 3 syarikat, menyediakan Proof of Debt bagi 1 syarikat, mengeluarkan surat peringatan kepada 1 syarikat, meminta 4 syarikat mengemukakan cadangan penyelesaian baki pinjaman dan pengambilalihan aset bagi 1 syarikat. Selain itu, Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan bahawa 2 syarikat sedang dalam tindakan undang-undang, 1 syarikat telah membayar balik tunggakan pinjaman dan pinjaman bagi 2 syarikat telah ditukar kepada ekuiti.**

#### b. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Negeri

Pada akhir tahun 2015, sebanyak 426 (48.1%) daripada 885 pinjaman Kerajaan Negeri tidak dibayar balik mengikut jadual yang ditetapkan dalam jadual bayaran balik. Tempoh tunggakan adalah antara 1 hingga 21 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri telah meningkat sejumla RM0.193 bilion (5.1%) iaitu daripada RM3.792 bilion pada akhir tahun 2014 menjadi RM3.985 bilion pada akhir tahun 2015. Peningkatan tunggakan ini melibatkan Kerajaan Negeri Kelantan, Melaka, Negeri

Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Sarawak dan Terengganu manakala tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Kerajaan Negeri Kedah, Sabah dan Selangor telah menurun. Bagaimanapun, tiada perubahan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Kerajaan Negeri Johor dan Pulau Pinang. Sejumlah RM794.19 juta (16.9%) telah dibayar balik oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2015 berbanding dengan RM4.701 bilion yang sepatutnya dibayar balik (tunggakan pinjaman dan anuiti tahun 2015). Pengiraan tunggakan pinjaman adalah mengambil kira perkara berikut:

- i. Penyelesaian 9 pinjaman yang belum tamat tempoh bayaran balik oleh Kerajaan Negeri Johor berjumlah RM0.42 juta termasuk anuiti tahun hadapan berjumlah RM0.36 juta.
- ii. Penyelesaian tunggakan anuiti tahun sebelumnya oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Selangor.
- iii. Hapus kira faedah tertunggak sehingga tahun 2015 berjumlah RM3.57 juta dan penjadualan semula pinjaman berjumlah RM21.75 juta bagi Kerajaan Negeri Sembilan.
- iv. Hapus kira bayaran balik pinjaman (pokok) bagi 9 pinjaman Kerajaan Negeri Kedah berjumlah RM326.03 juta termasuk anuiti tahun hadapan berjumlah RM78.83 juta.
- v. Lebihan bayaran balik pokok tahun 2014 bagi pinjaman luar negeri Kerajaan Negeri Sarawak berjumlah RM0.45 juta.

Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.17**  
**TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN KERAJAAN NEGERI**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2015**

KERAJAAN NEGERI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2014 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2015 (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2015 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL.	%						
Kedah	89	86	96.6	1,143.40	131.49	(326.03)	78.83	1,027.69	1 - 16
Pahang	133	110	82.7	790.18	145.95	(6.28)	-	929.85	1 - 14
Terengganu	93	67	72.0	423.31	51.49	(9.37)	-	465.43	1 - 17
Johor	52	7	13.5	404.25	22.97	(23.33)	0.36	404.25	9 - 17
Kelantan	39	27	69.2	304.84	47.70	(4.45)	-	348.09	2 - 10
Melaka	59	59	100	272.59	77.37	(12.12)	-	337.84	1 - 10
Perlis	36	31	86.1	147.25	15.55	(5.46)	-	157.34	1 - 21
Negeri Sembilan	22	11	50.0	146.24	43.74	(33.25)	-	156.73	1 - 14
Perak	47	21	44.7	43.04	18.03	(4.85)	-	56.22	1 - 19
Sarawak	199	2	1.0	41.72	169.41	(167.55)	(0.45)	43.13	7
Sabah	94	2	2.1	38.32	154.22	(162.36)	-	30.18	1 - 17

KERAJAAN NEGERI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2014 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2015 (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2015 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL.	%						
Selangor	9	2	22.2	35.09	27.00	(35.00)	-	27.09	1 - 2
Pulau Pinang	13	1	7.7	1.49	4.14	(4.14)	-	1.49	1 - 11
JUMLAH	885	426	48.1	3,791.72	909.06	(794.19)	78.74	3,985.33	1 - 21

Nota: Bayaran Dan Penjadualan Semula/Pelarasan Diambil Kira Bagi Tempoh Sehingga 31.12.2015

(\* ) - Tempoh Tuggakan Ansuran Di Jadual Bayaran Balik Hingga Tahun Penyata Kewangan Yang Diaudit

### Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 15 April 2016

Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan sebahagian dari tuggakan pinjaman Kerajaan Negeri adalah pinjaman bagi projek bekalan air. Tuggakan pinjaman ini dijangka dapat diatas setelah projek-projek yang berkaitan siap dan aset serta pinjaman diambil alih oleh Pengurusan Air SPV Berhad [sebelum ini dikenali sebagai Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)] secara berperingkat mengikut negeri. Kementerian Kewangan Malaysia juga telah/akan membuat penjadualan/penstrukturkan semula pinjaman yang lain.

#### c. Tuggakan Bayaran Balik Pinjaman Badan Berkanun

Pada akhir tahun 2015, lima Badan Berkanun mempunyai tuggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM1.058 bilion iaitu berkurangan sejumlah RM0.328 bilion (23.7%) berbanding RM1.386 bilion pada akhir tahun 2014. Penurunan ini disebabkan oleh hapus kira pinjaman Perbadanan Aset Keretapi berjumlah RM651.06 juta. Tuggakan pada akhir tahun 2015 adalah melibatkan 23 pinjaman dengan tempoh tuggakan antara 1 hingga 23 tahun. Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) mempunyai tuggakan bayaran balik pinjaman yang tertinggi berjumlah RM637.48 juta iaitu 60.3% daripada jumlah keseluruhan tuggakan pinjaman. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.18**  
**TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN BADAN BERKANUN**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2015**

BADAN BERKANUN	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2014 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2015 (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2015 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL.	%						
Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK)	3	3	100.0	315.86	321.62	TBB	-	637.48	1 - 3
Perbadanan Aset Keretapi (PAK)	7	6	85.7	1,052.22	2.34	(651.06)	-	403.50	11
Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	6	4	66.7	18.00	2.05	(6.23)	-	13.82	20 - 23
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)	10	9	90.0	TT	2.43	(0.02)	-	2.41	1

BADAN BERKANUN	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2014 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2015 (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2015 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL.	%						
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	7	1	14.3	TT	0.47	TBB	-	0.47	1
JUMLAH	33	23	69.7	1,386.08	328.91	(657.31)	-	1,057.68	1 - 23

Nota: Bayaran Dan Penjadualan Semula/Pelarasan Diambil Kira Bagi Tempoh Sehingga 31.12.2015

(\*) - Tempoh Tunggakan Ansuran Di Jadual Bayaran Balik Hingga Tahun Penyata Kewangan Yang Diaudit.

TBB - Tiada Bayaran Balik TT - Tiada Tunggakan

### Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 15 April 2016

Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) telah membuat bayaran balik keseluruhan baki pinjaman pada bulan Januari 2016, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) telah mengemukakan permohonan penangguhan bayaran balik pinjaman dan baki pinjaman Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) akan dihapus kira setelah isu pewartaan tanah selesai. Perbadanan Aset Keretapi (PAK) pula telah diminta mengemukakan cadangan penstrukturran semula pinjaman manakala penstrukturran semula pinjaman Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) dijangka dimuktamadkan pada tahun 2016.

#### d. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan

Pada akhir tahun 2015, tunggakan bayaran balik pinjaman tiga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang melibatkan 38 pinjaman adalah berjumlah RM436.23 juta iaitu bersamaan dengan tunggakan pada tahun 2014. Tempoh tunggakan bayaran balik adalah antara 22 hingga 28 tahun. Semakan Audit mendapati, sepanjang tahun 2015 bayaran balik pinjaman hanya dibuat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berjumlah RM8.65 juta manakala Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak membuat sebarang bayaran balik tunggakan pinjaman. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.19**  
**TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2015**

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2014 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2015 (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2015 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL.	%						
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	26	23	88.5	220.67	8.65	(8.65)	-	220.67	22 - 23
Majlis Perbandaran Seberang Perai	3	3	100.0	187.35	-	TBB	-	187.35	27 - 28
Majlis Perbandaran Pulau Pinang	12	12	100.0	28.21	-	TBB	-	28.21	22 - 23
JUMLAH	41	38	92.7	436.23	8.65	(8.65)	-	436.23	22 - 28

Nota: Bayaran Dan Penjadualan Semula/Pelarasan Diambil Kira Bagi Tempoh Sehingga 31.12.2015

(\*) - Tempoh Tunggakan Ansuran Di Jadual Bayaran Balik Hingga Tahun Penyata Kewangan Yang Diaudit

TBB - Tiada Bayaran Balik

### Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 15 April 2016

*Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bagi projek pembetungan akan dihapus kira setelah isu pewartaan tanah selesai.*

#### e. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pelbagai Agensi

Semakan Audit mendapati dua agensi mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM150.93 juta yang mana meningkat sejumlah RM53.40 juta (54.8%) berbanding pada akhir tahun 2014 dengan tempoh tunggakan bayaran balik pinjaman antara 1 hingga 15 tahun. Peningkatan yang ketara ini adalah disebabkan hanya sejumlah RM2 juta daripada RM55.37 juta anuiti tahun 2015 telah dibayar balik. Selain itu, faedah lewat bayar pinjaman berjumlah RM0.03 juta telah dikenakan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.20**  
**TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PELBAGAI AGENSI**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2015**

PELBAGAI AGENSI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					TEMPOH* (Tahun)	
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2014 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2015 (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2015 (RM Juta)		
		BIL.	%							
Amanah Ikhtiar Malaysia	8	3	37.5	90.73	55.37	(2.00)	0.03	144.13	1 - 3	
Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi	1	1	100	6.80	-	TBB	-	6.80	15	
<b>JUMLAH</b>	<b>9</b>	<b>4</b>	<b>44.4</b>	<b>97.53</b>	<b>55.37</b>	<b>(2.00)</b>	<b>0.03</b>	<b>150.93</b>	<b>1 - 15</b>	

**Nota:** Bayaran Dan Penjadualan Semula/Pelarasian Diambil Kira Bagi Tempoh Sehingga 31.12.2015

(\* ) - Tempoh Tunggakan Ansuran Di Jadual Bayaran Balik Hingga Tahun Penyata Kewangan Yang Diaudit  
 TBB - Tiada Bayaran Balik

### Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 15 April 2016

*Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan tindakan penstrukturkan semula pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) sedang dilaksanakan. Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi (YASAL) pula telah diminta untuk mengenal pasti sumber dana bagi membayar balik tunggakan pinjaman.*

#### f. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Perbadanan Kemajuan Negeri

Semakan Audit mendapati 1 pinjaman di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis (PKENPs) masih mempunyai tunggakan bayaran balik berjumlah RM47.82 juta dengan tempoh tunggakan selama 13 tahun. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2015 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.21**  
**TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2015**

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2014 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2015 (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2015 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL.	%						
Perlis	2	1	50.0	47.82	-	TBB	-	47.82	13

**Nota:** Bayaran Dan Penjadualan Semula/Pelarasan Diambil Kira Bagi Tempoh Sehingga 31.12.2015  
(\*) - Tempoh Tunggakan Ansuran Di Jadual Bayaran Balik Hingga Tahun Penyata Kewangan Yang Diaudit  
TBB - Tiada Bayaran Balik

**Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 15 April 2016**

*Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan penjadualan semula pinjaman Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) akan dibuat setelah penjualan aset PKENPs selesai dilaksanakan.*

**g. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Koperasi**

Pada akhir tahun 2015, tiga koperasi mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM39.11 juta. Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA) dan Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad (KPBNP) masih belum membuat bayaran balik pinjaman walaupun ada antara pinjaman tersebut telah tertunggak selama 35 tahun. Tunggakan bagi Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad (KPDMB) adalah disebabkan pinjaman sedang dalam proses penstrukturkan semula. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.22**  
**TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN KOPERASI**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2015**

KOPERASI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2014 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2015 (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2015 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL.	%						
Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA)	9	9	100.0	9.69	-	TBB	-	9.69	29 - 35
Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad (KPBNP)	1	1	100.0	6.06	-	TBB	-	6.06	19
Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad (KPDMB)	1	1	100.0	-	23.36	-	-	23.36	1
<b>JUMLAH</b>	<b>11</b>	<b>11</b>	<b>100.0</b>	<b>15.75</b>	<b>23.36</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>39.11</b>	<b>1 - 35</b>

**Nota:** Bayaran Dan Penjadualan Semula/Pelarasan Diambil Kira Bagi Tempoh Sehingga 31.12.2015  
(\*) - Tempoh Tunggakan Ansuran Di Jadual Bayaran Balik Hingga Tahun Penyata Kewangan Yang Diaudit  
TBB - Tiada Bayaran Balik

## Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 15 April 2016

*Kementerian Kewangan Malaysia akan mengeluarkan Notice of Demand kepada Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA) bagi menuntut tunggakan bayaran balik pinjaman. Manakala, bayaran balik pinjaman oleh Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad (KPBNP) akan dibuat setelah proses penjualan asset KPBNP selesai. Perjanjian penstrukturkan semula baki pinjaman Koperasi DiRaja Malaysia Berhad (KPDMB) pula dijangka akan dapat dimuktamadkan pada tahun 2016.*

### 2.3. PELABURAN

#### 2.3.1. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Dan Pelaburan Am

Pelaburan Kerajaan Persekutuan terdiri daripada pelaburan kumpulan wang amanah dan pelaburan am. Pelaburan yang dibuat daripada kumpulan wang amanah adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 9 dan 10 Akta Tatacara Kewangan, 1957 serta peraturan yang berkuat kuasa. Manakala pelaburan am ialah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada kumpulan wang amanah. Pada akhir tahun 2015, secara keseluruhannya nilai buku pelaburan telah meningkat sejumlah RM2.339 bilion (10%) kepada RM25.754 bilion berbanding RM23.415 bilion pada akhir tahun 2014. Bagi pelaburan Kumpulan Wang Amanah, jumlah pelaburan dalam Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri, Sekuriti Kerajaan Luar Negeri dan Sekuriti Kerajaan Malaysia menunjukkan peningkatan antara 1.3% hingga 29% berbanding dengan tahun 2014. Selain itu, Kerajaan juga telah membuat pelbagai pelaburan berjumlah RM188.04 juta. Bagi pelaburan am, pelaburan dalam Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri menunjukkan peningkatan berjumlah RM474.81 juta apabila pinjaman Prasarana Malaysia Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Syarikat Prasarana Negara Berhad) ditukar kepada ekuiti. Manakala Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri menunjukkan penurunan berjumlah RM383.85 juta apabila pelaburan dalam Sukuk Global ditebus sepenuhnya. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.23**  
**PELABURAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014 DAN 2015**

PERIHAL	NILAI BUKU		PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
	31.12.2014 (RM Juta)	31.12.2015 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>PELABURAN KUMPULAN WANG AMANAH</b>				
Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 – 12 Bulan	7,364.29	7,459.46	95.17	1.3
Sekuriti Kerajaan Luar Negeri	5,007.13	6,457.37	1,450.24	29.0
Sekuriti Kerajaan Malaysia	1,951.81	2,467.10	515.29	26.4
Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	440.11	440.11	-	-
Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	0.67	0.67	-	-
Pelbagai	0.00	188.04	188.04	-
<b>Jumlah Pelaburan Kumpulan Wang Amanah</b>	<b>14,764.01</b>	<b>17,012.75</b>	<b>2,248.74</b>	<b>15.2</b>

PERIHAL	NILAI BUKU		PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
	31.12.2014 (RM Juta)	31.12.2015 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>PELABURAN AM</b>				
Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	6,142.95	6,617.76	474.81	7.7
Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 – 12 Bulan	2,506.04	2,122.19	(383.85)	(15.3)
Pelbagai	1.67	1.67	0.00	0.0
<b>Jumlah Pelaburan Am</b>	<b>8,650.66</b>	<b>8,741.62</b>	<b>90.96</b>	<b>1.1</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>23,414.67</b>	<b>25,754.37</b>	<b>2,339.70</b>	<b>10.0</b>

### 2.3.2. Pelaburan Dalam Badan Berkanun Persekutuan, Syarikat Dan Agensi

2.3.2.1. Pada akhir tahun 2015, Kerajaan Persekutuan mempunyai kepentingan di dalam 109 agensi yang terdiri daripada 1 agensi antarabangsa, 6 Badan Berkanun Persekutuan dan 102 syarikat. Nilai buku pegangan saham Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2015 adalah berjumlah RM30.316 bilion iaitu meningkat sejumrah RM0.108 bilion (0.4%) berbanding dengan RM30.208 bilion pada akhir tahun 2014. Peningkatan nilai buku pelaburan disumbangkan oleh peningkatan pelaburan dalam Syarikat AES Solutions Sdn. Bhd., Aset Tanah National Berhad, Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd., Cyberview Sdn. Bhd., Malaysia Debt Ventures Berhad, Pengurusan Air SPV Berhad [sebelum ini dikenali sebagai Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)] dan pelaburan baru dalam SRC International Sdn. Bhd. Kedudukan pegangan saham Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2014 dan 2015 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.24**  
**PEGANGAN SAHAM OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014 DAN 2015**

KATEGORI	BILANGAN		NILAI BUKU SAHAM		PENINGKATAN	
	2014	2015	31.12.2014 (RM Juta)	31.12.2015 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Agensi Antarabangsa	1	1	38.58	38.58	-	-
Badan Berkanun Persekutuan	6	6	1,218.85	1,218.85	-	-
Syarikat	102	102	28,950.59*	29,058.73	108.14	0.4
<b>JUMLAH</b>	<b>109</b>	<b>109</b>	<b>30,208.02</b>	<b>30,316.16</b>	<b>108.14</b>	<b>0.4</b>

Nota: (\*) - Penyataan Semula Nilai Buku Saham Bagi Tahun 2014

2.3.2.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2015 Kerajaan telah melupuskan pegangan saham dalam 4 syarikat seperti berikut:

- Pelupusan sepenuhnya 86,200,000 unit saham biasa Bursa Malaysia Berhad dan Kerajaan menerima bayaran berjumlah RM702.53 juta.
- Pelupusan sepenuhnya 64,999,999 unit saham biasa syarikat Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) apabila Kerajaan bersetuju untuk menswastakan PNMB. Kerajaan dijangka akan menerima bayaran bagi pelupusan saham ini berjumlah RM130.50 juta pada tahun 2016 apabila semua urusan penjualan selesai dilaksanakan.

- c. Pengurangan 250,000,000 unit saham biasa syarikat Pengurusan Dana Harta Nasional Berhad (Danaharta) apabila Danaharta diberi kelulusan untuk mengurangkan modal berbayar daripada RM1.50 bilion kepada RM1.25 bilion. Danaharta telah mengembalikan RM250 juta kepada Kerajaan sebagai pemegang saham.
- d. Pengurangan 22,810,270 unit saham keutamaan syarikat Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd. (PTP) apabila PTP mula menebus Saham Keutamaan Boleh Tebus (*Redeemable Preference Shares*) secara ansuran mulai September 2013 hingga September 2017. Kerajaan telah menerima sejumlah RM22.81 juta bagi penebusan ini.

## **2.4. PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN, KUMPULAN WANG AMANAH AWAM DAN DEPOSIT**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Sebahagian Kumpulan Wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bayaran langsung. Peruntukan yang disalurkan dalam Kumpulan Wang Amanah ini perlu dikendalikan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh undang-undang ataupun Surat Ikatan Amanah yang berkaitan. Kumpulan Wang Amanah Awam pula ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada badan dan orang perseorangan kepada Kerajaan bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang berkenaan. Manakala deposit pula merupakan wang yang diterima oleh Kerajaan khusus bagi sesuatu maksud yang ditetapkan di bawah undang-undang atau perjanjian. Deposit hendaklah dikembalikan melalui bayaran balik atau pelarasian apabila mencapai maksud yang ditetapkan.

### **2.4.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dikategorikan kepada 3 Kumpulan Wang iaitu Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Baki ketiga-tiga Kumpulan Wang pada akhir tahun 2014 dan 2015 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.25**  
**KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014 DAN 2015**

KATEGORI AKAUN	BAKI PADA 31.12.2014 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2015 (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
			(RM Juta)	(%)
Kumpulan Wang Pembangunan	(53,911.94)	(41,856.37)	12,055.57	22.4
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	1,239.54	1,784.38	544.84	43.9
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	23,282.34	29,980.19	6,697.85	28.8
<b>JUMLAH</b>	<b>(29,390.06)</b>	<b>(10,091.80)</b>	<b>19,298.26</b>	<b>65.7</b>

#### 2.4.1.1. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ditubuhkan untuk memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada penjawat awam. Pada akhir tahun 2015, baki Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan adalah berjumlah RM1.784 bilion iaitu meningkat sejumlah RM0.544 bilion berbanding dengan baki tahun 2014 yang berjumlah RM1.240 bilion. Baki Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti berikut:

**CARTA 2.16**  
**BAKI KUMPULAN WANG PINJAMAN PERUMAHAN**  
**PADA AKHIR TAHUN 2011 HINGGA 2015**



##### a. Pensekuritian

- Sebanyak 469,077 akaun pinjaman perumahan telah dijual kepada Cagamas MBS Berhad melalui 18 terbitan pensekuritian dengan nilai jualan RM34.338 bilion. Terimaan bagi kesemua terbitan tersebut adalah RM27.441 bilion selepas ditolak diskaun berjumlah RM6.897 bilion. Sehingga 31 Disember 2015, Bahagian Pinjaman Perumahan telah membayar balik ansuran pokok dan faedah berjumlah RM20.957 bilion bagi 18 terbitan pensekuritian tersebut kepada Cagamas MBS Berhad. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.26**  
**BAYARAN BALIK PENSEKURITIAN PINJAMAN PERUMAHAN**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2015**

TERBITAN	HARGA JUALAN (RM Juta)	BAYARAN BALIK (RM Juta)			BAKI POKOK MENGIKUT TERBITAN (RM Juta)
		Pokok	Faedah	Jumlah	
1	1,937.00	1,706.02	417.97	2,123.99	230.98
2	2,844.50	1,461.99	904.01	2,366.00	1,382.51
3	2,898.73	1,490.96	895.06	2,386.02	1,407.77
4	2,538.18	1,021.01	712.08	1,733.09	1,517.17
5	3,015.97	1,689.74	736.57	2,426.31	1,326.23
6	3,064.73	1,381.48	782.97	2,164.45	1,683.25
7	2,605.47	948.69	636.49	1,585.18	1,656.78

TERBITAN	HARGA JUALAN (RM Juta)	BAYARAN BALIK (RM Juta)			BAKI POKOK MENGIKUT TERBITAN (RM Juta)
		Pokok	Faedah	Jumlah	
8	706.70	269.10	171.96	441.06	437.60
9	2,297.80	1,238.93	485.06	1,723.99	1,058.87
10	283.64	108.41	69.84	178.25	175.23
11	1,452.09	531.84	321.58	853.42	920.25
12	1,186.32	327.73	283.37	611.10	858.59
13	830.22	238.65	183.75	422.40	591.57
14	639.48	161.78	144.51	306.29	477.70
15	692.38	205.93	144.97	350.90	486.45
16	617.02	152.07	134.18	286.25	464.95
17	4,269.66	262.80	327.88	590.68	4,006.86
18	2,458.10	221.42	186.38	407.80	2,236.68
<b>JUMLAH</b>	<b>34,337.99</b>	<b>13,418.55</b>	<b>7,538.63</b>	<b>20,957.18</b>	<b>20,919.44</b>

- ii. Diskaun pensekuritian berjumlah RM6.897 bilion dihapus kira melalui peruntukan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Sehingga akhir tahun 2015, peruntukan berjumlah RM3.029 bilion telah diterima oleh Bahagian Pinjaman Perumahan dan hapus kira diskauan pensekuritian yang telah dilaksanakan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.27**  
**HAPUS KIRA DISKAUN PENSEKURITIAN**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2015**

TERBITAN	JUMLAH DISKAUN PENSEKURITIAN (RM Juta)	JUMLAH DIHAPUS KIRA (RM Juta)	BAKI BELUM DIHAPUS KIRA (RM Juta)
1	406.30	406.30	0.00
2	810.15	562.61	247.54
3	863.16	435.18	427.98
4	443.47	192.17	251.30
5	628.51	264.50	364.01
6	535.27	220.80	314.47
7	595.94	220.99	374.95
8	161.22	59.79	101.43
9	478.50	173.46	305.04
10	64.10	23.24	40.86
11	300.51	102.68	197.83
12	269.50	92.08	177.42
13	186.77	60.70	126.07
14	149.28	48.51	100.77
15	141.28	43.56	97.72
16	134.44	41.45	92.99
17	470.26	52.90	417.36
18	258.40	27.99	230.41
<b>JUMLAH</b>	<b>6,897.06</b>	<b>3,028.91</b>	<b>3,868.15</b>

#### 2.4.1.2. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pada akhir tahun 2015, baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah berjumlah RM29.980 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM6.698 bilion (28.8%) berbanding dengan tahun 2014. Peningkatan baki Kumpulan Wang disumbangkan oleh peningkatan baki pelbagai kumpulan wang yang terdiri daripada Akaun Amanah Tabung Bayaran Balik Cukai dan Kumpulan Wang Akaun Amanah Negara serta penubuhan Kumpulan Wang Amanah baru iaitu Kumpulan Wang Bayaran Balik Cukai Barang Dan Perkhidmatan. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2014 dan 2015 mengikut 5 kategori akaun utama adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.28**  
**PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014 DAN 2015**

KATEGORI AKAUN UTAMA	BAKI PADA 31.12.2014 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2015 (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Penyelesaian	2,156.82	2,243.62	86.80	4.0
Akaun Perniagaan	77.67	77.38	(0.29)	(0.4)
Akaun Pinjaman	7,763.64	7,559.00	(204.64)	(2.6)
Kumpulan Wang Luar Jangka	1,255.62	409.93	(845.69)	(67.4)
Pelbagai Kumpulan Wang	12,028.58	19,690.26	7,661.68	63.7
<b>JUMLAH</b>	<b>23,282.33</b>	<b>29,980.19</b>	<b>6,697.86</b>	<b>28.8</b>

Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut:

**a. Akaun Pinjaman - Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Dan Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam**

Kerajaan telah mewujudkan Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Pembiayaan Komputer bagi memberi kemudahan kepada anggota perkhidmatan awam untuk membeli kenderaan dan komputer. Pada akhir tahun 2015, baki Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan adalah berjumlah RM665.98 juta manakala Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam berbaki RM92.47 juta. Semakan Audit terhadap akaun/rekod subsidiari bagi kedua-dua akaun mendapati perkara berikut:

**i. Akaun Pinjaman Berbaki Kredit**


Semakan Audit mendapati pada akhir tahun 2015, sebanyak 21 akaun pinjaman kenderaan berbaki kredit berjumlah RM32,947 dan sebanyak 234 akaun pembiayaan komputer berbaki kredit berjumlah RM64,204. Bilangan akaun pinjaman berbaki kredit menunjukkan penurunan yang ketara iaitu daripada 11,141 akaun pinjaman pada akhir tahun 2011 kepada 21 akaun pinjaman sahaja pada akhir tahun 2015 bagi Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan. Bilangan pinjaman berbaki kredit bagi

Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer juga menunjukkan penurunan daripada 5,981 akaun pinjaman pada akhir tahun 2011 kepada 234 akaun pinjaman pada akhir tahun 2015. Ini menunjukkan bahawa tindakan kutipan balik serta aktiviti pembersihan data yang dilaksanakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia dengan kerjasama Kementerian/Jabatan telah berjaya menyelesaikan hampir kesemua kes yang dibangkitkan. Kedudukan akaun pinjaman berbaki kredit bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti jadual dan carta berikut:

**JADUAL 2.29**  
**AKAUN PINJAMAN KENDERAAN DAN PEMBIAYAAN KOMPUTER**  
**BERBAKI KREDIT PADA AKHIR TAHUN 2011 HINGGA 2015**

TAHUN	KENDERAAN			KOMPUTER		
	BIL. AKAUN PINJAMAN	BAKI AKHIR KREDIT (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	BIL. AKAUN PINJAMAN	BAKI AKHIR KREDIT (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)
			Bil. (RM Juta)			Bil. (RM Juta)
2011	11,141	18.99	-	5,981	7.53	-
2012	8,545	13.53	(2,596)	3,188	15.37	(2,793)
2013	3,426	6.99	(5,119)	1,693	0.62	(1,495)
2014	453	0.55	(2,973)	940	0.28	(753)
2015	21	0.03	(432)	234	0.06	(706)

**CARTA 2.17**  
**AKAUN PINJAMAN BERBAKI KREDIT**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2011 HINGGA 2015**



### Maklum Balas Jabatan Akauntan Negara Malaysia Yang Diterima Pada 13 April 2016

*Jabatan Akauntan Negara Malaysia memaklumkan sebanyak 6 dari 21 kes pinjaman kenderaan dan 101 dari 234 kes pembiayaan komputer berbaki kredit telah berjaya diselesaikan dan akaun tersebut telah ditutup. Manakala, baki selebihnya masih dalam tindakan dengan kerjasama Kementerian yang terlibat.*

## ii. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman

Bayaran balik pinjaman kenderaan yang tertunggak pada akhir tahun 2015 adalah berjumlah RM1.81 juta melibatkan 237 akaun pinjaman. Manakala bayaran balik pembiayaan komputer yang tertunggak pada akhir tahun 2015 adalah berjumlah RM0.92 juta melibatkan 550 akaun pinjaman. Tunggakan bayaran balik pinjaman bagi kedua-dua akaun ini juga menunjukkan pengurangan yang ketara. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.30**  
**TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN KENDERAAN DAN KOMPUTER**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2013 HINGGA 2015**

TAHUN	KENDERAAN				KOMPUTER			
	BIL. AKAUN PINJAMAN	JUMLAH TUNGGAKAN (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)		BIL. AKAUN PINJAMAN	JUMLAH TUNGGAKAN (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
			Bil.	(RM Juta)			Bil.	(RM Juta)
2013	3,391	10.79	-	-	1,455	1.67	-	-
2014	1,054	2.81	(2,337)	(7.98)	921	1.18	(534)	(0.49)
2015	237	1.81	(817)	(1.00)	550	0.92	(371)	(0.26)

### Maklum Balas Jabatan Akauntan Negara Malaysia Yang Diterima Pada 13 April 2016

*Jabatan Akauntan Negara Malaysia memaklumkan baki tertunggak bagi 90 dari 237 pinjaman kenderaan dan 34 dari 550 pinjaman komputer telah dikutip balik sepenuhnya. Manakala, kutipan balik tunggakan secara ansuran telah dilaksanakan bagi 11 kes pinjaman kenderaan dan 34 kes pembiayaan komputer. Jabatan Akauntan Negara Malaysia juga memaklumkan baki kes yang belum selesai bagi kedua-dua pinjaman adalah dalam tindakan Kementerian termasuklah mengeluarkan notis tuntutan, membuat potongan gaji atau merujuk kes tersebut kepada Penasihat Undang-undang Kementerian.*

### 2.4.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Akaun Amanah Khas Dan Akaun Amanah Am. Pada akhir tahun 2015, baki kumpulan wang telah meningkat sejumlah RM876.91 juta berbanding dengan tahun 2014. Peningkatan baki ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan baki Akaun Amanah Khas apabila 4 Akaun Amanah baru diwujudkan bagi mengakaunkan baki 5 Akaun Deposit Jabatan Insolvensi Malaysia yang telah ditutup. Manakala baki Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II) menunjukkan pengurangan yang ketara apabila pembayaran telah dibuat bagi projek-projek yang telah/sedang dilaksanakan. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2014 dan 2015 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.31**  
**KUMPULAN WANG AMANAH AWAM**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014 DAN 2015**

KATEGORI AKAUN	BAKI PADA 31.12.2014 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2015 (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
			(RM Juta)	(%)
<b>Amanah Khas</b>				
Akaun Amanah Estet Kebankrapan	0.00	1,644.14	1,644.14	-
Akaun Amanah Am Pelikuidasi	0.00	344.88	344.88	-
Kumpulan Wang Dius Api	307.30	343.84	36.54	11.9
Faedah Atas Pelaburan Untuk Deposit Mahkamah	227.96	231.16	3.20	1.4
Pelbagai Amanah Khas	140.67	141.90	1.23	0.9
<b>Jumlah Amanah Khas</b>	<b>675.93</b>	<b>2,705.92</b>	<b>2,029.99</b>	<b>&gt;100.0</b>
<b>Amanah Am</b>				
Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II)	2,958.97	1,736.75	(1,222.22)	(41.3)
Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)	1,670.01	1,429.29	(240.72)	(14.4)
Akaun Amanah Dana Khas	890.85	851.45	(39.40)	(4.4)
Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik	486.45	543.31	56.86	11.7
Akaun Amanah Membangun/Menaik Taraf Sistem Pembetungan Untuk Pembangunan Baru	480.91	424.15	(56.76)	(11.8)
Pelbagai Amanah Am	1,416.39	1,765.55	349.16	24.7
<b>Jumlah Amanah Am</b>	<b>7,903.58</b>	<b>6,750.50</b>	<b>(1,153.08)</b>	<b>(14.6)</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>8,579.51</b>	<b>9,456.42</b>	<b>876.91</b>	<b>10.2</b>

**2.4.2.1. Akaun Amanah Estet Kebankrapan, Am Pelikuidasi, Estet Pertubuhan Dan Estet Kesatuan Sekerja**

Jabatan Insolvensi Malaysia telah menukuhan 4 Akaun Amanah baru iaitu Akaun Amanah Estet Kebankrapan, Am Pelikuidasi, Estet Pertubuhan dan Estet Kesatuan Sekerja untuk mengakaunkan baki 5 akaun deposit iaitu Akaun Deposit Kebankrapan; Harta Kebankrapan; Penggulungan Syarikat; Harta Penggulungan Syarikat dan Penggulungan Pertubuhan Dan Kesatuan Sekerja yang telah ditutup. Baki keempat-empat akaun amanah ini pada akhir tahun 2015 adalah berjumlah RM1.996 bilion.

**2.4.2.2. Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI I)**

- Sehingga akhir tahun 2015, sejumlah RM20 bilion telah diterima daripada Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. di mana RM19.206 bilion (96%) daripadanya telah dibelanjakan.
- Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi Perbelanjaan di bawah Projek Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI I) pada 31 Disember 2015 mendapati 4 Kementerian telah berbelanja melebihi peruntukan yang diluluskan bagi 22 projek seperti berikut:

**JADUAL 2.32**  
**PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2015**

KEMENTERIAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN* (RM Juta)	PERBELANJAAN	
			SEBENAR (RM Juta)	MELEBIHI PERUNTUKAN (RM Juta)
Kementerian Dalam Negeri	7	451.13	482.19	31.06
Kementerian Pendidikan Malaysia	13	688.66	705.51	16.85
Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan	1	29.50	30.07	0.57
Perbendaharaan Malaysia	1	21.58	21.88	0.30
<b>JUMLAH</b>	<b>22</b>	<b>1,190.87</b>	<b>1,239.65</b>	<b>48.78</b>

*Note: (\*) - Peruntukan Diluluskan Mengikut Surat Kuasa Berbelanja*

**Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 1 dan 25 April 2016**

*Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan memaklumkan Notis Perubahan Siling (NOC) telah diluluskan pada bulan Februari 2016 dan siling baharu telah dikemas kini ke dalam Sistem Pemantauan Projek (SPP II). Manakala, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia memaklumkan telah/akan mengemukakan permohonan NOC kepada Kementerian Kewangan Malaysia bagi tujuan penyelarasan semula siling.*

**2.4.2.3. Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II)**

- Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II) telah ditubuhkan pada 23 Disember 2011. Sehingga 31 Disember 2015, sejumlah RM10 bilion telah diterima daripada Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. Sejumlah RM9.574 bilion (95.7%) daripada RM10 bilion tersebut telah diperuntukkan kepada 16 Kementerian/Jabatan untuk melaksanakan 336 projek dan sehingga 31 Disember 2015 sejumlah RM8.431 bilion (88.1%) telah dibelanjakan. Semakan Audit mendapati Surat Kuasa Berbelanja berjumlah RM1.10 juta telah dikeluarkan kepada Kementerian Dalam Negeri pada 5 Februari 2013 bagi membiayai projek *Access Control And Security Control System*. Bagaimanapun, peruntukan tersebut masih belum dibelanjakan.
- Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi Perbelanjaan bagi PFI II pada 31 Disember 2015 dan Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) mendapati 2 Kementerian telah berbelanja melebihi peruntukan yang diluluskan seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.33**  
**PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2015**

KEMENTERIAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN* (RM Juta)	PERBELANJAAN	
			SEBENAR (RM Juta)	MELEBIHI PERUNTUKAN (RM Juta)
Kementerian Pendidikan Malaysia	25	287.34	575.93	288.59
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	3	209.20	249.80	40.60
<b>JUMLAH</b>	<b>28</b>	<b>496.54</b>	<b>825.73</b>	<b>329.19</b>

*Nota: (\*) - Peruntukan Diluluskan Mengikut Surat Kuasa Berbelanja*

**Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 25 April 2016**

*Kementerian Pendidikan Malaysia memaklumkan tindakan mengemaskini siling bagi 18 projek telah dilaksanakan. Selain itu, Kementerian juga telah mengemukakan permohonan Notis Perubahan Siling (NOC) kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tujuan penyelarasan semula siling bagi 7 projek yang lain.*

#### 2.4.3. Akaun Deposit

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima untuk maksud tertentu seperti Wang Jaminan Pelaksanaan dan Deposit Mahkamah Tinggi. Pada akhir tahun 2015, Deposit Am yang dipegang oleh Kerajaan adalah berjumlah RM8.650 bilion iaitu berkurangan sejumlalh RM1.320 bilion (13.2%) berbanding baki pada akhir tahun 2014 yang berjumlah RM9.970 bilion. Pengurangan baki ini sebahagian besar adalah disebabkan oleh penukaran klasifikasi 5 akaun deposit Jabatan Insolvensi Malaysia kepada Akaun Amanah. Manakala Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang diwujudkan sebelum bayaran atau pelarasan dibuat kepada akaun tertentu seperti Akaun Deposit Pelarasan Cek Terbatal, Akaun Pembatalan Bayaran Pindahan Dana Elektronik (EFT) dan Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan. Secara keseluruhannya baki Akaun Deposit Pelarasan menunjukkan peningkatan daripada RM226.10 juta pada akhir tahun 2014 kepada RM463.31 juta pada akhir tahun 2015. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.34**  
**AKAUN DEPOSIT**  
**KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014 DAN 2015**

KATEGORI DEPOSIT	BAKI PADA 31.12.2014 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2015 (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
			(RM Juta)	(%)
Deposit Am	9,970.55	8,650.25	(1,320.30)	(13.2)
Deposit Pelarasan	226.10	463.31	237.21	104.9
<b>JUMLAH</b>	<b>10,196.65</b>	<b>9,113.56</b>	<b>(1,083.09)</b>	<b>(10.6)</b>

#### 2.4.3.1. Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan

Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan diwujudkan untuk mengakaunkan terimaan yang belum diberi kod amanah atau belum ditentukan kegunaannya. Pada akhir tahun 2015, Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan berbaki RM275.24 juta iaitu meningkat sejumlah RM250.83 juta (>100%) berbanding dengan akhir tahun 2014 yang berjumlah RM24.41 juta. Sejumlah RM0.72 juta daripada RM275.24 juta transaksi yang belum diselaraskan pada akhir tahun 2015 adalah merupakan transaksi yang lama berlarutan melibatkan 8 Kementerian. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.35  
TRANSAKSI YANG LAMA BERLARUTAN DAN BELUM DISELARASKAN  
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2015**

KEMENTERIAN	JUMLAH (RM)
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	501,801.56
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	185,834.67
Kementerian Pertahanan	18,188.33
5 Kementerian/Jabatan Lain	17,771.12
<b>JUMLAH</b>	<b>723,595.68</b>

#### Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 7 April 2016

*Kementerian Pertahanan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (Cawangan Kuching) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri memaklumkan tindakan pelarasan telah diambil. Manakala, transaksi bagi Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air serta Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar masih belum boleh diselaraskan berikutan kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia/Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk mewujudkan akaun amanah/akaun khas belum diperolehi.*

#### 2.5. SYOR AUDIT

2.5.1. Secara keseluruhannya bagi tahun 2016 telah ada peningkatan dalam prestasi pengurusan kewangan Kerajaan hasil tindakan penambahbaikan yang dijalankan oleh pihak Perbendaharaan Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dengan kerjasama Kementerian/Jabatan. Beberapa isu yang dibangkitkan sebelum ini seperti akaun pinjaman kenderaan/komputer berbaki kredit dan urus niaga Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Amanah yang tidak dikenal pasti dan lama berlarutan telah berjaya dikurangkan dengan ketara. Bagaimanapun, masih ada beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian terutama berkaitan kutipan balik wang pendahuluan kepada kontraktor dan pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59. Bagi meningkatkan hasil Kerajaan, setiap Kementerian/

Jabatan perlu meningkatkan usaha mengutip balik tunggakan hasil terutama tunggakan hasil yang tertakluk di bawah Akta Had Masa.

2.5.2. Bagi merealisasikan aspirasi dan hasrat Kerajaan untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi, maju, kekal kukuh dan berdaya saing, setiap Kementerian/Jabatan perlu berusaha mencapai taraf prestasi pengurusan kewangan yang berkualiti dan cemerlang dengan mengambil langkah yang lebih proaktif, konsisten, berkesan dan menyeluruh. Penyediaan prosedur kerja yang jelas, pemahaman dan pematuhan kepada peraturan kewangan serta penyeliaan rapi terhadap tugas pegawai akan mewujudkan amalan dan budaya kerja yang berkualiti dan berintegriti.

## PENGURUSAN KEWANGAN DI KEMENTERIAN/JABATAN PERSEKUTUAN

### 3. INDEKS AKAUNTABILITI

#### 3.1. LATAR BELAKANG

Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan Persekutuan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan Kerajaan. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk mengawal perbelanjaan dan menjadi ketua pegawai perakaunan mengenai semua wang awam yang telah dipungut, diterima atau dibelanjakan dan semua aset awam yang telah diterima, dipegang atau dilupuskan serta menentukan peraturan kewangan yang ditetapkan telah dipatuhi sepenuhnya.

Bagi memenuhi kehendak Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Dewan Rakyat. Sehubungan itu, mulai tahun 2007 Jabatan Audit Negara telah melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Pengauditan ini merangkumi semua Kementerian dan 4 Jabatan Pemungut Hasil Utama secara tahunan serta lain-lain Jabatan secara pusingan 3 tahun sekali.

Mulai tahun 2013, pengauditan ini dijalankan secara tahunan di semua Kementerian dan 18 Jabatan Persekutuan yang diwajibkan. Manakala Jabatan-Jabatan Persekutuan lainnya diaudit secara pusingan 3 atau 4 tahun sekali. Selain itu, Jabatan Audit Negara juga menjalankan pengauditan secara menyeluruh (Across The Board) terhadap 2 jabatan yang mempunyai cawangan di semua negeri dan pemilihan jabatan adalah berbeza setiap tahun.

Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi setiap aspek kawalan utama akan diberikan markah. Kementerian/Jabatan Persekutuan yang mendapat tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras (benchmark) kepada Kementerian/Jabatan Persekutuan yang lain. Secara umumnya, penarafan sesebuah Kementerian/Jabatan Persekutuan akan diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.1**  
**PEMARKAHAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**

MARKAH KESELURUHAN	TAHAP	PENARAFAN
90 hingga 100	Cemerlang	
80 hingga 89.9	Baik	
70 hingga 79.9	Memuaskan	
60 hingga 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

### 3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan Indeks Akauntabiliti (AI) diberi kepada Kementerian/Jabatan Persekutuan, pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan bagi tujuan berikut:

- 3.2.1. menilai wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- 3.2.2. menilai wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan kewangan;
- 3.2.3. menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan;
- 3.2.4. menentukan sama ada rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini; dan
- 3.2.5. melaporkan penemuan dan kesimpulan kepada pihak yang berkaitan.

### 3.3. SKOP PENGAUDITAN

Semakan Audit merangkumi 8 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Transaksi yang disemak meliputi tempoh bulan Januari hingga Disember 2015 melibatkan kategori yang berikut:

- 3.3.1. Pengauditan Secara Tahunan – semua 25 Kementerian dan 18 Jabatan Persekutuan yang diwajibkan;
- 3.3.2. Pengauditan Secara Pusingan – 22 Jabatan Persekutuan; dan
- 3.3.3. Pengauditan Secara Across The Board – Jabatan Akauntan Negara Malaysia serta Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.

### **3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

3.4.1. Pengauditan dijalankan berpandukan Garis Panduan Pengauditan yang disediakan berasaskan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) yang diterima pakai oleh negara anggota *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI);

3.4.2. Semakan telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen kewangan di peringkat Ibu Pejabat Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang berkaitan. Pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh dan memperkuuhkan ketepatan penemuan Audit. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 untuk menilai kedudukan prestasi kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan secara menyeluruh; dan

3.4.3. Bagi tujuan pemarkahan dan penarafan, *Electronic Audit Rating System* (eARAS) digunakan untuk meningkatkan kecekapan serta menjana laporan dan statistik dengan lebih cepat dan tepat.

### **3.5. KAWALAN UTAMA YANG DIAUDIT**

Pelaksanaan sistem penarafan bagi Kementerian/Jabatan Persekutuan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap pengurusan kewangan mengikut 8 jenis kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah Dan Deposit; Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Penjelasan lanjut mengenai kawalan tersebut adalah seperti yang berikut:

#### **3.5.1. KAWALAN PENGURUSAN**

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan diwujudkan oleh Kementerian/Jabatan Persekutuan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, pengesanan teguran Audit, jawatankuasa-jawatankuasa dan Unit Audit Dalam yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia. Butiran lanjut bagi setiap aspek kawalan adalah seperti yang berikut:

##### **3.5.1.1. Struktur Organisasi**

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- b. Surat penurunan kuasa dan surat lantikan disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas.

### **3.5.1.2. Sistem Dan Prosedur**

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur diwujudkan, Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan:

- a. Proses Kerja Kewangan disediakan dengan lengkap dan dikemaskini apabila berlaku sebarang perubahan.
- b. Senarai tugas bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- c. Senarai tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama.
- d. Pemeriksaan Dalaman dilaksanakan terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan termasuk perakaunan aset awam. Pemeriksaan mengejut dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

### **3.5.1.3. Pengesanan Pertanyaan Audit**

Bagi memastikan pertanyaan Audit dijawab dalam tempoh yang ditetapkan dan diambil tindakan sewajarnya, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan perlu menyelenggara dan mengemaskini daftar/rekod pertanyaan Audit.

### **3.5.1.4. Jawatankuasa-Jawatankuasa Dan Unit Audit Dalam**

Kerajaan telah menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan yang perlu ditubuhkan di peringkat Kementerian/Jabatan Persekutuan. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui Pekeliling Perbendaharaan, arahan serta garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa yang diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan "Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan". Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti yang berikut:

- a. **Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA)** ditubuhkan di setiap Pusat Tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun agensi Kerajaan. Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan seorang Pengerusi dan ahli jawatankuasa dilantik; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan;

- b. **Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK)** perlu ditubuhkan di peringkat Kementerian untuk memastikan keputusan Majlis Tindakan Negara dan Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara dilaksanakan. JTPK juga adalah bertanggungjawab menangani isu/masalah mengenai dasar dan strategi pelaksanaan program/projek pembangunan di bawah Dasar Wawasan Negara. Sehubungan ini, Ketua Setiausaha Kementerian adalah bertanggungjawab melantik ahli jawatankuasa dan mempergerusikan mesyuarat berkenaan, mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi serta membincangkan perkara yang telah ditetapkan;
- c. **Jawatankuasa Audit** perlu ditubuhkan di peringkat Kementerian/Jabatan Persekutuan untuk memantap dan mempertingkatkan lagi tadbir urus khususnya dalam pengurusan kewangan. Pengerusi dan ahli hendaklah dilantik mengikut surat arahan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun dan laporan berkaitan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun di peringkat Kementerian/Jabatan Persekutuan serta Perbendaharaan Malaysia mengikut tempoh yang ditetapkan; dan
- d. **Unit Audit Dalam (UAD)** ditubuhkan di Kementerian/Jabatan Persekutuan untuk membantu Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan memantapkan prestasi pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab untuk menyediakan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam untuk dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Audit. Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia mengikut tempoh yang ditetapkan. Manakala tanggungjawab Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan. Fungsi UAD juga telah berubah selaras dengan Arahan Kabinet untuk Memperkasa Peranan UAD. Ketua UAD boleh berbincang dengan Menteri mengenai isu-isu Audit tanpa kehadiran Ketua Setiausaha Kementerian.

### 3.5.1.5. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya, latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat dan pusingan tugas dilaksanakan terutama bagi jawatan-

jawatan sensitif seperti pegawai yang terlibat dalam membuat bayaran dan mengutip hasil. Selain itu, pengurusan tatatertib/surcaj juga perlu dilaporkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

### **3.5.2. KAWALAN BAJET**

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan Persekutuan telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 6 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah peruntukan, unjuran anggaran keperluan aliran tunai, pemantauan projek dan analisis bajet seperti yang berikut:

#### **3.5.2.1. Penyediaan Bajet**

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; prosedur kelulusan bajet di peringkat Kementerian/Jabatan Persekutuan serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Perbendaharaan Malaysia.

#### **3.5.2.2. Pengagihan Peruntukan**

Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran/waran peruntukan kecil sebaik sahaja Waran Am diterima. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan kemas kini dalam Buku Vot.

#### **3.5.2.3. Kelulusan Pindah Peruntukan**

Peraturan kewangan menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Akauntan Negara Malaysia atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengawasi dan mengemaskini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia terlebih dahulu. Selain itu pindah peruntukan pembangunan hendaklah juga mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Antaranya ialah waran pindah peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal dan pindah peruntukan yang melebihi siling rancangan pembangunan 5 tahun adalah tidak dibenarkan.

### **3.5.2.4. Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai**

Selaras dengan matlamat mewujudkan pengurusan keperluan aliran wang tunai negara yang cekap di samping memastikan pelaksanaan strategi bajet yang berkesan, Pegawai Pengawal perlu merancang perbelanjaan dengan baik dan mengelakkan pembayaran di bawah AP58(a) serta *bunching payment* pada penghujung tahun. Sehubungan itu, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan unjuran anggaran keperluan aliran tunai Kementerian/Jabatan Persekutuan disediakan dengan tepat dalam tempoh yang ditetapkan; dikemas kini setiap suku tahun dan disahkan oleh Pegawai Pengawal.

### **3.5.2.5. Pemantauan Projek**

Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Sistem Pemantauan Projek (SPP) II dikemaskini mengenai data peruntukan tahunan, tambahan/kurangan siling/peruntukan tahunan serta perbelanjaan.

### **3.5.2.6. Analisis Bajet**

Pegawai Pengawal perlu memastikan peruntukan (mengurus dan pembangunan) yang diterima dan perbelanjaan yang dilakukan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Antara lainnya meliputi perbelanjaan tidak melebihi peruntukan; perbelanjaan yang dibuat mempunyai peruntukan dan peruntukan diterima telah dibelanjakan. Bagi peruntukan dan perbelanjaan pembangunan pula, perbandingan antara perbelanjaan dengan anggaran kos projek dan anggaran Rancangan Malaysia semasa juga adalah penting.

## **3.5.3. KAWALAN TERIMAAN**

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, perakaunan terimaan/hasil dan Akaun Belum Terima. Butiran lanjut adalah seperti yang berikut:

### **3.5.3.1. Kawalan Borang Hasil**

Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan semua aspek kawalan terhadap pengurusan borang hasil adalah teratur, kemas kini dan disemak dari semasa ke semasa. Kawalan hendaklah diwujudkan bagi memastikan semua borang hasil direkodkan, diperiksa dan diperakui tentang ketepatan nombor siri, disimpan dengan selamat, dikawal dan digunakan secara sah selepas borang-borang hasil tersebut dikeluarkan dari stor.

### **3.5.3.2. Penerimaan Wang**

Setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan perlu memastikan pegawainya yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap penerimaan wang iaitu kebenaran/kelulusan menerima wang, pengasingan tugas,

keselamatan semasa menerima kutipan, penerimaan melalui mel, perakuan penerimaan wang dan perekodan borang hasil.

#### **3.5.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank**

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai keperluan memasukkan wang ke bank dengan segera, meluluskan penyata pemungut dengan sewajarnya, menyelenggarakan rekod dengan teratur dan mematuhi proses pungutan secara *online* dengan sepenuhnya.

#### **3.5.3.4. Perakaunan Terimaan/Hasil**

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia; ketepatan Buku Tunai, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan tindakan yang diambil untuk menyelesaikan item tidak dikenal pasti dalam Penyata Penyesuaian Hasil.

#### **3.5.3.5. Akaun Belum Terima**

Dasar dan tatacara bagi menyelenggarakan Akaun Belum Terima (ABT) telah ditetapkan melalui Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan. Peraturan yang ditetapkan antaranya meliputi penyediaan Laporan Tuggakan Hasil atau Laporan Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Laporan Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Malaysia dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

### **3.5.4. PENGURUSAN PEROLEHAN**

Bagi menentukan sama ada pengurusan perolehan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perolehan iaitu kawalan am perolehan dan kaedah perolehan seperti yang berikut:

#### **3.5.4.1. Kawalan Am Perolehan**

Semakan Audit telah dibuat terhadap tiga aspek utama kawalan perolehan iaitu perancangan perolehan, *Government Procurement Information System* (GPIS) dan ePerolehan (eP). Antara lainnya, Kementerian/Jabatan Persekutuan adalah bertanggungjawab untuk menyediakan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) bagi perolehan secara tender dan mengemukakan PPT kepada Kementerian Kewangan/Kementerian sebelum atau pada 15 Januari setiap tahun. Pegawai Pengawal juga perlu melantik seorang penyelia bagi memantau kesahihan data yang direkodkan ke dalam GPIS. Selain itu, Pasukan Petugas Kementerian dan Pasukan Agensi hendaklah ditubuhkan dan bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun dan memastikan sekurang-kurangnya 75% daripada jumlah

peruntukan tahunan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan tidak termasuk perkhidmatan perunding) dilaksanakan melalui sistem eP di semua PTJ yang eP enabled.

#### **3.5.4.2. Kaedah Perolehan**

Semakan Audit telah dijalankan terhadap 8 kaedah utama perolehan iaitu Pembelian Terus, Pengurusan Sebut Harga melebihi RM20,000 hingga RM50,000 dan RM50,000 hingga RM500,000, Pengurusan Tender, Rundingan Terus, Pengurusan Kontrak, Perolehan Secara Kontrak Pusat dan Perolehan Secara Kontrak Pusat Sistem Panel. Semakan yang dijalankan adalah untuk memastikan pengurusan 8 kaedah utama perolehan yang tersebut di atas mematuhi peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan dan Arahan Perbendaharan yang berkaitan. Selain itu, pelaksanaan *Integrity Pact* bagi kaedah perolehan sebut harga dan tender juga telah disemak.

#### **3.5.5. KAWALAN PERBELANJAAN**

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

##### **3.5.5.1. Perakaunan**

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sama ada Buku Vot Kementerian/Jabatan Persekutuan disemak sebulan sekali oleh penyelia bagi memastikan ia diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan juga hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Pejabat Perakaunan serta pelarasan dibuat terhadap item yang tidak dikenal pasti.

##### **3.5.5.2. Pengurusan Bayaran**

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sama ada pengurusan bayaran telah dilaksanakan dengan teratur dari aspek had kuasa berbelanja, daftar bil, kawalan dalaman proses bayaran, Sistem Bayaran Pukal, panjar wang runcit serta bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) dan 59.

#### **3.5.6. PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**

##### **3.5.6.1. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah**

Semakan Audit dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang/Akaun Amanah di Kementerian/Jabatan Persekutuan dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit, kesempurnaan rekod perakaunan/

penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun, tindakan susulan terhadap pemerhatian Audit mengenai akaun Amanah, jenis Sijil Audit yang diterima serta tindakan penutupan akaun.

### **3.5.6.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pendahuluan**

Semakan Audit terhadap pengurusan Kumpulan Wang Pendahuluan Diri/Pelbagai adalah berdasarkan Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan khususnya dari segi daftar dan bayaran balik pendahuluan.

### **3.5.6.3. Pengurusan Akaun Deposit**

Semakan dibuat terhadap pengurusan akaun deposit sebagaimana yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan khususnya dari segi rekod/daftar deposit, penyediaan senarai baki, bayaran balik dan deposit yang tidak dituntut.

## **3.5.7. PENGURUSAN ASET DAN STOR**

Aset dan barang stor yang diperolehi untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan itu, semakan Audit adalah untuk menilai tahap pematuhan Kementerian/Jabatan Persekutuan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan mengenai Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan berkaitan dengan perkara-perkara yang berikut:

### **3.5.7.1. Kawalan Umum**

Bagi memastikan tahap kawalan umum Pengurusan Aset Dan Stor berada di tahap yang baik, semakan Audit dilakukan ke atas 3 elemen utama iaitu Pengurusan Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK), Bahagian/Seksyen/Unit Pengurusan Aset serta Pegawai Aset dan Stor. Antara perkara penting yang disemak adalah dari segi penubuhan JKPAK serta fungsinya, kewujudan Bahagian/Seksyen/Unit Pengurusan Aset dan peranannya serta pelantikan Pegawai Aset dan Pegawai Stor.

### **3.5.7.2. Penerimaan**

Pegawai Penerima hendaklah diberi tanggungjawab untuk menerima dan mengesahkan aset/bekalan pejabat/barang-barang stor yang diperolehi. Selain itu, Pegawai Penerima hendaklah memastikan aset/bekalan pejabat/barang-barang stor yang diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum mengesahkan penerimaannya. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan dan Borang Laporan Terimaan Barang-barang hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta-merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal sekiranya terdapat kerosakan atau perselisihan kuantiti.

### **3.5.7.3. Pendaftaran**

Aset perlu didaftarkan dengan lengkap dan kemas kini dalam tempoh yang ditetapkan. Daftar Pergerakan Harta Modal/Aset Alih Bernilai Rendah juga perlu diselenggara bagi memantau pergerakan aset bagi tujuan pinjaman sementara. Bagi barang stor pula, Kad Kawalan Stok, Kad Petak dan Senarai Daftar Kad Kawalan Stok perlu disediakan dengan lengkap dan kemas kini.

### **3.5.7.4. Pelabelan Aset**

Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan semua aset dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan Malaysia dan ditandakan dengan nombor siri pendaftaran yang betul.

### **3.5.7.5. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset**

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan serta pemeriksaan aset dan barang stor diurus dengan baik, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- a. Aset yang dibeli digunakan, kerosakan aset dilaporkan dan tindakan susulan diambil terhadap aset yang rosak;
- b. Pengeluaran barang-barang stor adalah teratur;
- c. Aset dan barang stor disimpan di tempat yang selamat dan sesuai. Bagi aset dan barang stor yang sangat menarik/bernilai tinggi, kawalan keselamatan yang lebih ketat perlu dibuat;
- d. Pegawai Pemeriksa Aset dan Pemverikasi Stor perlu dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dan barang stor dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Laporan Pemeriksaan yang lengkap perlu disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan;
- e. Pegawai Stor melaksanakan pengiraan stok dan mengemaskini rekod dengan tepat; dan
- f. Verifikasi Stor dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun oleh pegawai yang dilantik serta laporan mengenainya disediakan dengan lengkap dan kemas kini.

### **3.5.7.6. Penyenggaraan**

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; program penyenggaraan disediakan, penyenggaraan dilaksanakan seperti yang dirancang serta rekod mengenainya disimpan dengan betul dan lengkap.

### **3.5.7.7. Pelupusan**

Bagi memastikan pelupusan aset dan stok diuruskan dengan teratur, Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa Pelupusan Aset Alih dilantik. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai;
- b. Pihak Berkuasa Melulus memberi kelulusan pelupusan;
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disedia dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan. Sekiranya pelanjutan tempoh masa pelupusan diperlukan, permohonan melanjutkan tempoh pelupusan perlu dikemukakan kepada Kuasa Melulus 2 minggu sebelum tamat tempoh kelulusan pelupusan; dan
- d. Borang Laporan Lembaga Pemeriksaan Pelupusan Stok disediakan dan Kad Kawalan Stok dikemaskini bagi stok yang dilupuskan.

### **3.5.7.8. Kehilangan**

Bagi memastikan pengurusan kehilangan aset/wang awam diuruskan dengan teratur, Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan kehilangan aset/wang awam dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta-merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh dua puluh 24 jam dari waktu kehilangan diketahui. Ketua Jabatan/Pegawai Atasan di peringkat Ibu Pejabat perlu menyedia Laporan Awal (KEW.PA-28 atau Lampiran J) dan kemukakan bersama salinan Laporan Polis kepada Pegawai Pengawal dan Perbendaharaan (jika berkenaan) dalam tempoh 2 hari bekerja (aset)/tidak lewat 5 hari bekerja (wang awam). Sesalinan Laporan Awal juga perlu dikemukakan kepada KSU, Akauntan Negara Malaysia dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.

### **3.5.7.9. Hapus Kira**

Bagi memastikan hapus kira aset/wang awam diurus dengan baik, Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan:

- a. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh 2 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.
- b. Pihak Melulus Hapus Kira adalah Kuasa Melulus yang ditetapkan serta tindakan selepas kelulusan adalah teratur.
- c. Bagi pengurusan stor pula, Laporan Hapus Kira Kekurangan Stok (KEW.PS-21) perlu disahkan oleh Ketua Jabatan dan diluluskan oleh Kuasa Melulus. Ringkasan Laporan Tahunan Kehilangan Dan Hapus Kira Stok

[LAMPIRAN (xiii)] perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan sebelum 15 Mac tahun berikutnya.

#### **3.5.7.10. Prestasi Stor**

Semakan Audit dibuat bagi memastikan kadar pusingan stok tahunan di Stor Pusat/Stor Utama mencapai sekurang-kurangnya 2 kadar pusingan, penyimpanan stok tidak melebihi paras yang ditetapkan dan stor berjaya memenuhi semua pesanan.

### **3.5.8. PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN**

Kenderaan yang diperolehi untuk kegunaan Kementerian/Jabatan Persekutuan perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaan serta disimpan selamat. Sehubungan itu, semakan Audit adalah untuk menilai tahap pematuhan Kementerian/Jabatan Persekutuan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan berkenaan dengan perkara-perkara yang berikut:

#### **3.5.8.1. Penggunaan Kenderaan**

Bagi menentukan penggunaan kenderaan Kerajaan diurus dengan teratur, semakan Audit telah dijalankan terhadap perkara-perkara yang berikut:

##### **a. Pegawai Kenderaan Dan Kawalan Kenderaan**

Penggunaan kenderaan jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan/Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan, menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, memastikan Buku Log diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan serta proses penyelesaian saman tertunggak.

##### **b. Kenderaan Rasmi Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA)**

Pemantauan terhadap penggunaan minyak bagi kenderaan pegawai Gred JUSA dilaksanakan dengan teratur.

##### **c. Kawalan Kad Inden**

Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.

##### **d. Kawalan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) Dan Smart Tag**

Kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berkaitan dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

### 3.5.8.2. Penyenggaraan

Semakan Audit juga dijalankan terhadap Penyenggaraan Kenderaan Kerajaan selain Kereta Konsesi. Semakan ini adalah bagi menentukan sama ada peraturan mengenai penyenggaraan berjadual mengikut manual pengguna dipatuhi. Semakan juga dibuat bagi menentukan penyenggaraan pencegahan dan pembaikan yang dilaksanakan direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW. PA-14).

## 3.6. PENEMUAN AUDIT


### 3.6.1. Prestasi Kementerian

#### 3.6.1.1. Analisis Perbandingan Pencapaian Kementerian Secara Keseluruhan

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Kementerian bagi tahun kewangan 2015 menunjukkan penurunan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 2015 hanya 16 (64%) daripada 25 Kementerian mencapai tahap cemerlang berbanding 20 (83.3%) dan 23 (95.8%) daripada 24 Kementerian pada tahun 2014 dan 2013 masing-masingnya.


Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Kementerian secara keseluruhan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.1**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN**  
**BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015**



Pencapaian tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 25 Kementerian yang dinilai pada tahun 2015 adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.2**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN**  
**BAGI TAHUN 2015**



Perbandingan prestasi pengurusan kewangan Kementerian bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 menunjukkan berlaku peningkatan dan penurunan terhadap prestasi pengurusan kewangan. Bagaimanapun, jika perbandingan dibuat antara tahun 2014 dan 2015, didapati berlaku peningkatan prestasi di 10 Kementerian dengan peningkatan markah antara 0.14% hingga 6.62% berbanding tahun 2014. Dalam tempoh ini juga, 14 Kementerian mencatatkan penurunan prestasi di mana berlaku penyusutan markah antara 0.33% hingga 14.84%. Maklumat lanjut berkaitan kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Kementerian bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.1**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2015**

<b>BIL.</b>	<b>KEMENTERIAN</b>	<b>2013</b>		<b>2014</b>		<b>2015</b>	
		(%)	K	(%)	K	(%)	K
1	Wilayah Persekutuan	94.83	10 / 24	93.17	10 / 24	<b>96.98</b>	1 / 25
2	Jabatan Perdana Menteri	98.61	1 / 24	97.36	2 / 24	<b>96.00</b>	2 / 25
3	Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	95.42	8 / 24	92.35	14 / 24	<b>95.97</b>	3 / 25
4	Pendidikan Tinggi	-		-	-	<b>95.83</b>	4 / 25
5	Pertahanan	91.47	20 / 24	94.23	6 / 24	<b>95.60</b>	5 / 25
6	Sumber Manusia	96.99	3 / 24	93.42	9 / 24	<b>95.37</b>	6 / 25
7	Pengangkutan	91.54	19 / 24	<b>88.59</b>	22 / 24	<b>95.21</b>	7 / 25
8	Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	96.10	6 / 24	97.77	1 / 24	<b>94.68</b>	8 / 25
9	Kewangan	95.00	9 / 24	92.53	13 / 24	<b>93.93</b>	9 / 25
10	Sumber Asli Dan Alam Sekitar	92.31	17 / 24	96.95	3 / 24	<b>93.88</b>	10 / 25
11	Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	96.26	5 / 24	94.53	5 / 24	<b>93.85</b>	11 / 25
12	Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	93.83	13 / 24	<b>89.49</b>	21 / 24	<b>93.11</b>	12 / 25
13	Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	93.55	15 / 24	<b>93.93</b>	7 / 24	<b>92.54</b>	13 / 25
14	Kesihatan	91.42	21 / 24	90.03	20 / 24	<b>91.78</b>	14 / 25
15	Pelancongan Dan Kebudayaan	<b>87.22</b>	24 / 24	91.96	15 / 24	<b>91.63</b>	15 / 25
16	Pendidikan	94.27	12 / 24	92.74	11 / 24	<b>90.40</b>	16 / 25
17	Sains, Teknologi Dan Inovasi	97.05	2 / 24	92.63	12 / 24	<b>89.62</b>	17 / 25
18	Komunikasi Dan Multimedia	92.58	16 / 24	<b>88.31</b>	23 / 24	<b>89.20</b>	18 / 25
19	Dalam Negeri	96.36	4 / 24	91.45	16 / 24	<b>87.39</b>	19 / 25
20	Luar Negeri	94.49	11 / 24	<b>86.91</b>	24 / 24	<b>87.05</b>	20 / 25
21	Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air	95.49	7 / 24	91.36	17 / 24	<b>85.03</b>	21 / 25
22	Belia Dan Sukan	90.98	22 / 24	93.86	8 / 24	<b>85.02</b>	22 / 25
23	Pertanian Dan Industri Asas Tani	90.86	23 / 24	90.21	18 / 24	<b>84.60</b>	23 / 25
24	Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	93.80	14 / 24	90.15	19 / 24	<b>84.29</b>	24 / 25
25	Kerja Raya	92.11	18 / 24	95.14	4 / 24	<b>80.30</b>	25 / 25

*Nota:*      **K - Kedudukan**

█ Sangat Baik/Cemerlang (Bermula 2015)

█ Baik


█ Perubahan Nama Kementerian

Berikut daripada pengumuman kabinet baru pada 15 Mei 2013, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran telah dicantumkan dan dikenali sebagai Kementerian Pendidikan. Bagaimanapun, bermula tahun 2015 Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran kembali menjadi 2 kementerian berasingan. Kementerian Pengajian Tinggi dikenali sebagai Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia dikekalkan namanya.


### 3.6.1.2. Analisis Pencapaian Kementerian Mengikut Kawalan

Semakan Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi 25 Kementerian pada tahun 2015 mendapat 5 daripada 8 kawalan berada pada tahap cemerlang dan 3 kawalan berada pada tahap baik. Tahap prestasi yang dimaksudkan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.3**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN**  
**MENGIKUT KAWALAN BAGI TAHUN 2015**



**CARTA 3.4**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN**  
**MENGIKUT KAWALAN BAGI TAHUN 2014 DAN 2015**




### 3.6.1.2.1. Kawalan Pengurusan

Secara keseluruhannya sebanyak 23 Kementerian mencapai tahap cemerlang dan masing-masing satu Kementerian berada di tahap baik dan memuaskan. Antara kelemahan utama berkaitan kawalan pengurusan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Laporan Suku Tahun Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam tidak disediakan oleh 7 Kementerian manakala 14 Kementerian tidak menghantar Laporan Suku Tahun Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam kepada Urus setia Jabatan Perkhidmatan Awam mengikut tempoh yang ditetapkan;
- ii. Proses kerja berkaitan pengurusan kewangan tidak dikemaskini di 6 Kementerian;
- iii. Pemeriksaan dalaman mengikut kehendak AP308 tidak dilaksanakan terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan termasuk perakaunan aset awam di 7 Kementerian;
- iv. Pemeriksaan mengejut mengikut kehendak AP309 tidak dijalankan sekurang-kurangnya setiap enam bulan sekali melibatkan 6 Kementerian;
- v. Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) tidak bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali atau seperti yang ditetapkan oleh pengerusi JTPK di 3 Kementerian; dan
- vi. Pusingan tugas bagi pegawai yang menjalankan tugas kewangan tidak dilaksanakan di 5 Kementerian.

Pencapaian Kementerian dari aspek kawalan pengurusan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.5**  
**PENCAPAIAN KESELURUHAN KEMENTERIAN**  
**- KAWALAN PENGURUSAN**



### 3.6.1.2.2. Kawalan Bajet


Secara keseluruhannya sebanyak 19 Kementerian mencapai tahap cemerlang, 4 Kementerian berada di tahap baik dan 2 Kementerian memuaskan. Antara kelemahan utama berkaitan kawalan bajet yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Data mengenai peruntukan tahunan, tambahan/kurangan siling/peruntukan tahunan dan perbelanjaan tidak dikemaskini di dalam Sistem Pemantauan Projek (SPP) II melibatkan 11 Kementerian;

- ii. Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai Bulanan lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia melibatkan 9 Kementerian;
- iii. Laporan Bajet Program Dan Prestasi Tahun 2015 lewat dikemukakan kepada Pejabat Belanjawan Negara, Perbendaharaan Malaysia oleh 5 Kementerian.

Pencapaian Kementerian dari aspek kawalan bajet adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.6**  
**PENCAPAIAN KESELURUHAN KEMENTERIAN**  
**- KAWALAN BAJET**




### 3.6.1.2.3. Kawalan Terimaan

Secara keseluruhannya sebanyak 22 Kementerian mencapai tahap cemerlang dan 3 Kementerian berada di tahap baik. Antara kelemahan utama berkaitan kawalan terimaan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Resit rasmi dibatalkan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa secara bertulis melibatkan 2 Kementerian;
- ii. Borang hasil yang telah dikeluarkan daripada stok tidak disemak sekurang-kurangnya setiap minggu di 4 Kementerian; dan
- iii. Jumlah Akaun Belum Terima bersih pada akhir tahun 2015 meningkat melebihi RM10 juta atau 50% berbanding tahun 2014 melibatkan 7 Kementerian.

Pencapaian Kementerian dari aspek kawalan terimaan adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 3.7**  
**PENCAPAIAN KESELURUHAN KEMENTERIAN**  
**- KAWALAN TERIMAAN**




### **3.6.1.2.4. Pengurusan Perolehan**

Secara keseluruhannya sebanyak 17 Kementerian mencapai tahap cemerlang, 7 Kementerian berada di tahap baik dan satu Kementerian di tahap memuaskan. Antara kelemahan utama berkaitan pengurusan perolehan yang dikenal pasti adalah seperti yang berikut:

- i. Perancangan Perolehan Tahunan tidak dikemukakan kepada Kementerian/Perbendaharaan Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan melibatkan 11 Kementerian;
- ii. Sebahagian perolehan secara pembelian terus, sebut harga dan tender tidak didaftarkan ke dalam Sistem Maklumat Perolehan Kerajaan (GPIS) melibatkan 9 Kementerian;
- iii. Kajian pasaran bagi perolehan secara pembelian terus tidak dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya 3 tawaran harga daripada pembekal tempatan melibatkan 6 Kementerian;
- iv. Bekalan melebihi RM20,000 setahun dibuat secara pembelian terus melibatkan 10 Kementerian;
- v. Perolehan item yang melibatkan perbelanjaan tahunan melebihi RM50,000 hingga RM500,000 tidak dibuat dengan mempelawa Sebut Harga melibatkan 2 Kementerian;
- vi. Pelaksanaan *Integrity Pact* tidak dipatuhi sepenuhnya bagi proses sebut harga bernilai antara RM50,000 hingga RM500,000 di 6 Kementerian;
- vii. Proses penilaian, pertimbangan dan keputusan Tender tidak teratur melibatkan 4 Kementerian;
- viii. Proses penilaian, pertimbangan dan keputusan Rundingan Terus tidak teratur melibatkan 6 Kementerian; dan
- ix. Kontrak lewat ditandatangani melebihi tempoh 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima melibatkan 11 Kementerian.

Pencapaian Kementerian dari aspek pengurusan perolehan adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 3.8**  
**PENCAPAIAN KESELURUHAN KEMENTERIAN**  
**- PENGURUSAN PEROLEHAN**



### 3.6.1.2.5. Kawalan Perbelanjaan


Secara keseluruhannya sebanyak 15 Kementerian mencapai tahap cemerlang, 6 Kementerian berada di tahap baik, 2 Kementerian pada tahap memuaskan, masing-masing satu berada pada tahap kurang memuaskan dan tidak memuaskan. Antara kelemahan utama berkaitan kawalan perbelanjaan yang dikenal pasti adalah seperti yang berikut:

- Had kuasa berbelanja yang dikunci masuk dalam sistem eSPKB berbeza dengan perwakilan kuasa melibatkan 4 Kementerian iaitu di Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Komunikasi Dan Multimedia;
- Capaian dalam sistem eSPKB tidak dibatalkan bagi pegawai yang bertukar/berhenti/bersara melibatkan 4 Kementerian iaitu Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;

- iii. Proses bayaran tidak mematuhi sebahagian peraturan kewangan yang ditetapkan melibatkan 13 Kementerian;
- iv. Jumlah pembayaran di bawah AP 59 tahun 2015 meningkat berbanding tahun 2014 melibatkan 7 Kementerian;
- v. Laporan siasatan AP 59 lewat dikemukakan melebihi tempoh 60 hari dari tarikh kelulusan pembayaran diterima daripada Perbendaharaan Malaysia melibatkan 4 Kementerian; dan
- vi. Sehingga akhir tahun 2015, tujuh Kementerian masih belum membuat pelarasan baki pembayaran di bawah AP 59.

Pencapaian Kementerian dari aspek kawalan perbelanjaan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.9**  
**PENCAPAIAN KESELURUHAN KEMENTERIAN**  
**- KAWALAN PERBELANJAAN**




### 3.6.1.2.6. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah Dan Deposit

Secara keseluruhannya sebanyak 19 Kementerian mencapai tahap cemerlang, 3 Kementerian berada di tahap baik dan 3 Kementerian pada tahap memuaskan. Antara kelemahan berkaitan kawalan pengurusan kumpulan wang/akaun amanah dan deposit yang dikenal pasti adalah seperti yang berikut:

- i. Pemerhatian Audit telah dikeluarkan kepada 12 Kementerian berkaitan pengurusan kumpulan wang/akaun amanah dan **5 Kementerian telah menerima Sijil Audit Berteguran** iaitu Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Kesihatan;
- ii. Buku Daftar Permohonan Pendahuluan Diri tidak diselenggarakan dengan lengkap di 3 Kementerian; dan
- iii. Dua Kementerian tidak mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan bayaran balik pendahuluan diri dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan.

Pencapaian Kementerian dari aspek pengurusan kumpulan wang/akaun amanah dan deposit adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.10**  
**PENCAPAIAN KESELURUHAN KEMENTERIAN**  
**- PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**




### 3.6.1.2.7. Pengurusan Aset Dan Stor

Secara keseluruhannya, semakan Audit terhadap pengurusan aset dan stor mendapati 15 Kementerian mencapai tahap cemerlang, 6 Kementerian berada di tahap baik, 3 Kementerian pada tahap memuaskan dan satu Kementerian pada tahap kurang memuaskan. Antara kelemahan berkaitan kawalan pengurusan aset dan stor yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Sebahagian harta modal dan aset bernilai rendah tidak didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan melibatkan 12 Kementerian;
- ii. Dua belas Kementerian tidak menjalankan pemeriksaan sekurang-kurangnya sekali setahun terhadap kesemua aset;
- iii. Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Aset Bernilai Rendah (KEW.PA-3) tidak diselenggarakan dengan kemas kini melibatkan 9 Kementerian;
- iv. Pergerakan aset tidak direkodkan/tidak direkod dengan lengkap dan kemaskini melibatkan 10 Kementerian;
- v. Penyenggaraan aset tidak dilaksanakan mengikut jadual di 6 Kementerian;
- vi. Aset yang dibeli oleh 4 Kementerian tidak digunakan seperti peralatan *Global Positioning System (GPS)*, komputer tablet dan mesin pencetak; dan
- vii. Kehilangan aset Kerajaan berlaku di 5 Kementerian iaitu Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Aset yang terlibat antaranya kenderaan Mitsubishi Storm, komputer riba dan kamera digital. Adalah didapati peraturan berkaitan pengurusan kehilangan tidak dipatuhi sepenuhnya.

Pencapaian Kementerian dari aspek pengurusan aset dan stor adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 3.11**  
**PENCAPAIAN KESELURUHAN KEMENTERIAN**  
**- PENGURUSAN ASET DAN STOR**



### 3.6.1.2.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan


Secara keseluruhannya sebanyak 8 Kementerian mencapai tahap cemerlang, 8 Kementerian berada di tahap baik, 7 Kementerian berada di tahap memuaskan dan masing-masing satu Kementerian mencapai tahap kurang memuaskan dan tidak memuaskan. Antara kelemahan berkaitan kawalan pengurusan kenderaan kerajaan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Buku Log tidak diselenggarakan dengan lengkap melibatkan 16 Kementerian;
- ii. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggarakan melibatkan 15 Kementerian;
- iii. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa melibatkan 15 Kementerian;
- iv. Dua belas Kementerian tidak mengeluarkan peringatan bertulis untuk menyelesaikan saman kepada pemandu/pegawai yang dikenakan saman kesalahan lalu lintas;

- v. Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan Kad Sistem Bayar Tol Tanpa Resit (KSBTTR) bagi kenderaan jabatan tidak diselenggarakan oleh pegawai kenderaan dan pemandu dengan lengkap melibatkan 14 Kementerian;
- vi. Penyata Penggunaan KSBTTR bagi kenderaan jabatan yang diterima/dicetak daripada syarikat pembekal KSBTTR tidak disemak oleh pegawai kenderaan di 13 Kementerian; dan
- vii. Penyenggaraan pencegahan dan pembaikan yang dilaksanakan tidak direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14) melibatkan 15 Kementerian.

Pencapaian Kementerian dari aspek pengurusan kenderaan Kerajaan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.12**  
**PENCAPAIAN KESELURUHAN KEMENTERIAN**  
**- PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN**




### 3.6.2. Prestasi Jabatan Persekutuan Yang Diaudit Secara Tahunan


#### 3.6.2.1. Analisis Perbandingan Pencapaian Tahun 2013 Hingga 2015

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi tahun 2015 di 18 Jabatan Persekutuan yang diaudit secara tahunan menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 15 jabatan (83.3%) telah mencapai tahap cemerlang berbanding 13 jabatan (72.2%) pada tahun 2014 dan 14 jabatan (77.8%) pada tahun 2013. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan 18 Jabatan Persekutuan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 secara keseluruhannya adalah seperti **Carta 3.13**. Manakala pencapaian tahap prestasi pengurusan kewangan yang dinilai pada tahun 2015 adalah seperti **Carta 3.14**.

**CARTA 3.13**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN PERSEKUTUAN  
YANG DIAUDIT SECARA TAHUNAN BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2015**



**CARTA 3.14**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN PERSEKUTUAN**  
**YANG DIAUDIT SECARA TAHUNAN BAGI TAHUN 2015**


**Petunjuk:**

- a. Jabatan Akauntan Negara Malaysia
- b. Unit Kerjasama Awam Swasta
- c. Jabatan Pengangkutan Jalan
- d. Jabatan Pendidikan Tinggi
- e. Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah
- f. Jabatan Perkhidmatan Awam
- g. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
- h. Jabatan Pengairan Dan Saliran
- i. Jabatan Kastam Diraja Malaysia
- j. Unit Perancang Ekonomi
- k. Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak
- l. Unit Penyelarasan Pelaksanaan
- m. Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia
- n. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- o. Jabatan Peguam Negara
- p. Jabatan Imigresen Malaysia
- q. Jabatan Kerja Raya
- r. Polis DiRaja Malaysia

**3.6.2.2. Analisis Pencapaian Jabatan Mengikut Kawalan**

Semakan Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi 18 Jabatan Persekutuan pada tahun 2015 mendapati 7 daripada 8 kawalan berada pada tahap cemerlang dan satu kawalan iaitu pengurusan kenderaan berada pada tahap baik. Tahap prestasi yang dimaksudkan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.15**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN PERSEKUTUAN**  
**YANG DIAUDIT SECARA TAHUNAN MENGIKUT KAWALAN BAGI TAHUN 2015**




### 3.6.2.2.1. Kawalan Pengurusan

Bagi elemen kawalan pengurusan, sebanyak 15 jabatan mencapai tahap cemerlang dan 3 jabatan berada di tahap baik. Pencapaian jabatan bagi elemen kawalan pengurusan adalah seperti **Carta 3.16**. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti yang berikut:

- i. Laporan Suku Tahun Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam tidak disediakan di 5 jabatan;
- ii. Pusingan tugas bagi pegawai yang bertugas di Bahagian Kewangan tidak dilaksanakan di 5 jabatan; dan
- iii. Kursus/latihan berkaitan dengan tugas pengurusan kewangan tidak diberikan kepada pegawai di 3 jabatan.


**CARTA 3.16**  
**PENCAPAIAN JABATAN PERSEKUTUAN YANG DIAUDIT SECARA TAHUNAN**  
**- KAWALAN PENGURUSAN**



### 3.6.2.2.2. Kawalan Bajet

Kesemua 18 jabatan telah mencapai tahap cemerlang dalam elemen kawalan bajet di mana peraturan kewangan berkaitan penyediaan bajet tahunan, pengagihan peruntukan, pindah peruntukan, unjuran keperluan aliran tunai dan pemantauan projek telah dipatuhi. Pencapaian jabatan bagi elemen kawalan bajet adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.17**  
**PENCAPAIAN JABATAN PERSEKUTUAN YANG DIAUDIT SECARA TAHUNAN**  
**- KAWALAN BAJET**




### 3.6.2.2.3. Kawalan Terimaan

Secara keseluruhannya sebanyak 14 jabatan mencapai tahap cemerlang, 3 jabatan berada pada tahap baik dan satu jabatan pada tahap memuaskan. Analisis Audit mendapati semua jabatan telah mematuhi peraturan berkaitan iaitu baki stok borang hasil yang didaftarkan bersamaan dengan baki sebenar; borang hasil yang belum dan sedang digunakan disimpan dengan selamat; ciri-ciri keselamatan wujud bagi kutipan yang dibuat secara mesin

beresit/secara elektronik dan tindakan susulan telah diambil terhadap Akaun Belum Terima. Pencapaian jabatan bagi elemen kawalan terimaan adalah seperti **Carta 3.18**. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang ditemui seperti yang berikut:

- i. Resit tidak disediakan pada hari yang sama dan dihantar selewat-lewatnya pada hari bekerja berikutnya bagi penerimaan melalui mel. Kelemahan ini dikesan berlaku di 5 jabatan;
- ii. Pengasingan tugas untuk terimaan tidak diwujudkan di satu jabatan; dan
- iii. Daftar Mel/Laporan Mel di 4 jabatan tidak disemak setiap hari oleh Pegawai Penyelia terhadap Buku Tunai/Buku Tunai Elektronik dengan menurunkan tandatangan ringkas.

**CARTA 3.18**  
**PENCAPAIAN JABATAN PERSEKUTUAN YANG DIAUDIT SECARA TAHUNAN**  
**- KAWALAN TERIMAAN**




#### 3.6.2.2.4. Pengurusan Perolehan

Semakan Audit mendapati sebanyak 16 jabatan mencapai tahap cemerlang dalam elemen pengurusan perolehan dan 2 jabatan berada di tahap baik.

Pencapaian jabatan bagi pengurusan perolehan adalah seperti **Carta 3.19**. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti yang berikut:

- i. Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian/Pasukan Pelaksana Agensi sekurang-kurangnya 2 kali setahun tidak diadakan di 7 jabatan;
- ii. Pelaksanaan *Integrity Pact* tidak dipatuhi di 7 jabatan;
- iii. Kontrak tidak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima (SST) bagi 7 jabatan; dan
- iv. Sebut harga tidak dipelawa bagi perolehan bekalan setiap jenis item/perkhidmatan melebihi RM20,000 setahun di 6 jabatan (Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kerja Raya Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak dan Polis DiRaja Malaysia).

**CARTA 3.19**  
**PENCAPAIAN JABATAN PERSEKUTUAN YANG DIAUDIT SECARA TAHUNAN**  
**- PENGURUSAN PEROLEHAN**




### 3.6.2.2.5. Kawalan Perbelanjaan

Secara keseluruhannya sebanyak 12 jabatan mencapai tahap cemerlang, 4 jabatan berada di tahap baik dan 2 jabatan di tahap memuaskan bagi elemen kawalan perbelanjaan. Pencapaian jabatan bagi elemen kawalan perbelanjaan adalah seperti **Carta 3.20**. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti yang berikut:

- i. proses bayaran di 8 jabatan tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan seperti baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen yang lengkap dan sempurna; penjenisan pembayaran tidak direkod dengan betul; pembayaran tidak dibuat dalam tempoh yang ditetapkan; bayaran tidak dibuat kepada penerima yang sah dan baucar bayaran serta dokumen sokongan tidak ditebuk/dicap dengan 'Telah Bayar';
- ii. capaian dalam sistem bagi pegawai yang bertukar/berhenti/bersara tidak dibatalkan di 3 jabatan (Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Kerja Raya Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam); dan
- iii. Daftar Bil tidak/lewat dicetak dan disemak oleh pegawai bertanggungjawab sekurang-kurangnya sekali sebulan dan ditandatangani ringkas di 3 jabatan.

**CARTA 3.20**  
**PENCAPAIAN JABATAN PERSEKUTUAN YANG DIAUDIT SECARA TAHUNAN**  
**- KAWALAN PERBELANJAAN**



### 3.6.2.2.6. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah Dan Deposit


Bagi elemen pengurusan kumpulan wang/akaun amanah dan deposit, sebanyak 13 jabatan mencapai tahap cemerlang, 2 jabatan berada di tahap baik, satu jabatan masing-masingnya berada di tahap kurang memuaskan dan tidak memuaskan. Manakala satu jabatan iaitu Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia tidak mempunyai akaun amanah. Pencapaian jabatan bagi elemen pengurusan kumpulan wang/akaun amanah dan deposit adalah seperti **Carta 3.21**. Bagi Polis DiRaja Malaysia yang mencapai tahap tidak memuaskan, kelemahan yang diperhatikan adalah seperti yang berikut:

- i. Sijil Audit Berteguran telah diberikan;
- ii. tindakan tidak diambil terhadap Pemerhatian Audit;
- iii. Buku Daftar Permohonan Pendahuluan Diri tidak diselenggarakan dengan lengkap; dan
- iv. tiada tindakan yang sewajarnya diambil untuk memastikan bayaran balik Pendahuluan Diri dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan.

Jabatan Imigresen Malaysia pula mencapai tahap kurang memuaskan di mana kelemahan yang ditemui adalah seperti yang berikut:

- i. Buku Daftar Permohonan Pendahuluan Diri tidak diselenggarakan dengan lengkap;
- ii. tiada tindakan yang sewajarnya diambil untuk memastikan bayaran balik Pendahuluan Diri dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan;
- iii. daftar/rekod kecil deposit tidak diselenggarakan; dan
- iv. baki dalam daftar/rekod kecil berbeza dengan baki Akaun Utama Deposit.

**CARTA 3.21**  
**PENCAPAIAN JABATAN PERSEKUTUAN YANG DIAUDIT SECARA TAHUNAN**  
**- PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**



### 3.6.2.2.7. Pengurusan Aset Dan Stor


Semakan Audit mendapati sebanyak 11 jabatan telah mencapai tahap cemerlang, 5 jabatan berada di tahap baik dan 2 jabatan berada di tahap memuaskan. Pencapaian jabatan bagi elemen pengurusan aset dan stor adalah seperti **Carta 3.22**. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti yang berikut:

- semua aset di 9 jabatan tidak diperiksa sekurang-kurangnya sekali setahun;
- semua harta modal dan aset bernilai rendah di 8 jabatan tidak didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan;
- pengesahan pendaftaran ke atas punca maklumat tidak dilaksanakan di 8 jabatan;
- kehilangan aset bernilai RM33,314 yang berlaku sebelum tahun kewangan yang diaudit di 3 jabatan (Polis DiRaja Malaysia, Jabatan

Kastam Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) masih belum selesai. Antara aset yang hilang adalah seperti komputer riba, kamera digital dan *walkie talkie*;

- v. pegawai yang bertanggungjawab di 7 jabatan tidak melaporkan kehilangan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta;
- vi. Ketua Jabatan/Pegawai Atasan di peringkat Ibu Pejabat bagi 7 jabatan tidak menyediakan Laporan Awal dan tidak mengemukakan salinan Laporan Polis kepada Pegawai Pengawal/Perbendaharaan dalam tempoh yang ditetapkan;
- vii. Daftar Harta Modal dan Daftar Aset Bernilai Rendah tidak diselenggara dengan kemas kini di 5 jabatan;
- viii. aset yang dibeli seperti *thumbprint scanner*, komputer, pencetak dan *Avaya IP Phone* di 4 jabatan tidak digunakan; dan
- ix. Kad Kawalan Stok dan Kad Petak tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini di 6 jabatan.

**CARTA 3.22**  
**PENCAPAIAN JABATAN PERSEKUTUAN YANG DIAUDIT SECARA TAHUNAN**  
**- PENGURUSAN ASET DAN STOR**




### 3.6.2.2.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

Secara keseluruhannya sebanyak 9 jabatan mencapai tahap cemerlang, 5 jabatan berada di tahap baik dan 4 jabatan berada di tahap memuaskan. Pencapaian jabatan bagi pengurusan kenderaan Kerajaan adalah seperti **Carta 3.23**. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti yang berikut:

- i. Ketua di 11 jabatan tidak mengambil tindakan susulan terhadap pemandu selepas tempoh sebulan peringatan bertulis diberikan bagi menyelesaikan saman kenderaan yang tertunggak;
- ii. Buku Log tidak diselenggarakan dengan lengkap di 8 jabatan;
- iii. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh 7 Ketua Jabatan dari semasa ke semasa dan tidak diselenggarakan dengan kemas kini di 5 jabatan; dan
- iv. Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit bagi 6 jabatan tidak diselenggarakan dengan lengkap oleh pegawai kenderaan dan pemandu.

**CARTA 3.23**  
**PENCAPAIAN JABATAN PERSEKUTUAN YANG DIAUDIT SECARA TAHUNAN**  
**- PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN**




### 3.6.3. Prestasi Jabatan Pusingan

#### 3.6.3.1. Analisis Perbandingan Pencapaian Jabatan Pusingan Secara Keseluruhan

Pusingan pengauditan pengurusan kewangan bagi Jabatan Persekutuan selain daripada 18 jabatan yang diaudit setiap tahun, telah ditetapkan untuk diaudit 3 atau 4 tahun sekali. Pada tahun 2015, sebanyak 22 jabatan telah dipilih untuk diaudit. Pencapaian tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 22 jabatan yang dinilai pada tahun 2015 berbanding tahun 2012/2013, iaitu pusingan pengauditan sebelum ini adalah seperti **Carta 3.24**.


**CARTA 3.24**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN PUSINGAN**  
**BAGI TAHUN 2015 BERBANDING TAHUN 2012/2013**



Pada tahun 2015, sebanyak 7 (31.8%) daripada 22 jabatan berada pada tahap cemerlang, 12 (54.6%) jabatan berada pada tahap baik dan 3 jabatan (13.6%) berada pada tahap memuaskan. Analisis lanjut mendapat sebanyak 13 (59.1%) jabatan memperoleh markah yang lebih tinggi pada tahun 2015 berbanding tahun 2012/2013. Bagaimanapun, 9 (40.9%) daripada 22 jabatan yang diaudit mengalami penurunan markah pada tahun 2015 berbanding tahun 2012/2013.

### 3.6.3.2. Analisis Pencapaian Jabatan Pusingan Mengikut Kawalan


Semakan Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi 22 jabatan mendapat **3 daripada 8 kawalan berada pada tahap cemerlang, 3 kawalan berada pada tahap baik dan 2 kawalan berada pada tahap memuaskan bagi tahun 2015**. Tahap prestasi yang dimaksudkan seperti carta berikut:



#### 3.6.3.2.1. Kawalan Pengurusan

Prestasi kawalan pengurusan menunjukkan sebanyak 11 jabatan mencapai tahap cemerlang, 8 Jabatan berada pada tahap baik, 2 jabatan mencapai tahap memuaskan dan satu jabatan berada pada tahap kurang memuaskan. Kedudukan tahap pencapaian di bawah elemen kawalan pengurusan bagi jabatan pusingan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.26**  
**PENCAPAIAN JABATAN PERSEKUTUAN YANG DIAUDIT SECARA PUSINGAN**  
**- KAWALAN PENGURUSAN**



Antara isu yang berkaitan dengan kawalan pengurusan adalah seperti yang berikut:


- Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik di 10 jabatan tidak melaksanakan pemeriksaan dalam mengikuti AP 308 yang meliputi sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan termasuk perakaunan aset awam;
- pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan di 7 jabatan tidak diberi kuasa atau dilantik secara bertulis. Jabatan yang terlibat adalah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Agenzia Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan Pusat Sains Negara;
- Laporan Suku Tahun Pengurusan Tatatertib pegawai awam tidak disediakan dan dikemukakan kepada urusetia pada tempoh yang ditetapkan oleh 13 jabatan; dan

- iv. pertanyaan Audit tidak dijawab dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh 6 jabatan manakala 5 jabatan tidak mengambil tindakan terhadap teguran audit.

### 3.6.3.2.2. Kawalan Bajet

Bagi elemen kawalan bajet, sebanyak 20 jabatan mencapai tahap cemerlang, satu jabatan mencapai tahap baik dan satu jabatan berada pada tahap memuaskan. Isu yang berkaitan dengan kawalan bajet adalah Laporan Bajet Program Dan Prestasi Tahun 2015 lewat dikemukakan kepada Kementerian dan salinan waran pindah peruntukan lewat dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Kedudukan pencapaian Jabatan Persekutuan yang diaudit secara pusingan bagi kawalan bajet adalah seperti carta berikut:


**CARTA 3.27**  
**PENCAPAIAN JABATAN PERSEKUTUAN YANG DIAUDIT SECARA PUSINGAN**  
**- KAWALAN BAJET**



### 3.6.3.2.3. Kawalan Terimaan

Prestasi kawalan terimaan bagi 15 jabatan mencapai tahap cemerlang, 3 jabatan berada pada tahap baik dan 2 jabatan berada pada tahap memuaskan. Manakala, satu jabatan masing-masingnya berada pada tahap kurang memuaskan dan tidak memuaskan. Kedudukan tahap pencapaian di bawah elemen kawalan terimaan bagi jabatan pusingan adalah seperti jadual berikut:

**CARTA 3.28**  
**PENCAPAIAN JABATAN PERSEKUTUAN YANG DIAUDIT SECARA PUSINGAN**  
**- KAWALAN TERIMAAN**



Antara isu yang berkaitan dengan kawalan terimaan adalah seperti yang berikut:


- i. di Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) hasil sewaan berjumlah RM25,340 tidak diakaunkan sebagai hasil Kerajaan pada tahun 2015. Bagaimanapun selepas teguran Audit, hasil sewaan tersebut telah diakaunkan. Manakala di Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, penggunaan ruang bangunan oleh pihak luar tidak dikenakan sewa;

- ii. pungutan lewat dibankkan antara 2 hingga 37 hari di 5 jabatan, iaitu Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan; Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara dan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT);
- iii. borang hasil yang dikeluarkan daripada stok tidak disemak sekurang-kurangnya setiap minggu oleh pegawai penyelia di 7 jabatan untuk memastikan borang hasil yang belum digunakan masih utuh;
- iv. resit tidak disediakan pada hari yang sama dan lewat dihantar kepada pembayar di 5 jabatan; dan
- v. Daftar Mel/Laporan Mel tidak disemak setiap hari dengan Buku Tunai/Buku Tunai Elektronik (TK100) oleh Pegawai Penyelia di 5 jabatan.

#### **3.6.3.2.4. Pengurusan Perolehan**

Semakan Audit mendapati pengurusan perolehan di 15 jabatan mencapai tahap cemerlang dan 5 jabatan mencapai tahap baik. Manakala satu jabatan masing-masingnya berada pada tahap memuaskan dan kurang memuaskan. Kedudukan tahap pencapaian di bawah elemen pengurusan perolehan bagi jabatan pusingan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.29**  
**PENCAPAIAN JABATAN PERSEKUTUAN YANG DIAUDIT SECARA PUSINGAN**  
**- PENGURUSAN PEROLEHAN**




Antara isu yang berkaitan dengan pengurusan perolehan adalah seperti yang berikut:

- i. pecah kecil perolehan bekalan/perkhidmatan bagi mengelakkan sebut harga atau tender berlaku di 10 jabatan;
- ii. perolehan tertentu tidak didaftarkan di dalam GPIS di 10 jabatan;
- iii. Mesyuarat Pasukan Pelaksana Agensi tidak diadakan sekurang-kurangnya 2 kali setahun di 6 jabatan;
- iv. *Integrity Pact* tidak dilaksanakan sepenuhnya di 10 jabatan; dan
- v. kontrak tidak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima di 15 jabatan.

### 3.6.3.2.5. Kawalan Perbelanjaan

Bagi elemen kawalan perbelanjaan, sebanyak 17 jabatan mencapai tahap cemerlang, 2 jabatan berada pada tahap baik dan satu jabatan masing-masingnya berada pada tahap memuaskan, kurang memuaskan dan tidak memuaskan. Kedudukan tahap pencapaian di bawah elemen kawalan perbelanjaan bagi jabatan pusingan adalah seperti jadual berikut:

**CARTA 3.30**  
**PENCAPAIAN JABATAN PERSEKUTUAN YANG DIAUDIT SECARA PUSINGAN**  
**- KAWALAN PERBELANJAAN**




Antara isu yang berkaitan dengan kawalan perbelanjaan adalah seperti yang berikut:

- i. had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan bagi 4 jabatan iaitu Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran;
- ii. sebahagian proses bayaran di 8 jabatan tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan;
- iii. Buku Vot tidak diperiksa sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia dengan menurunkan tandatangan ringkas di 5 jabatan;
- iv. daftar bil tidak dicetak dan disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab sekurang-kurangnya sekali sebulan dan ditandatangani di 5 jabatan; dan
- v. tiada bukti Laporan Pukal disemak dengan bil asal di 5 jabatan dan tindakan pembetulan tidak diambil ke atas kesilapan/perbezaan di 4 jabatan.

#### **3.6.3.2.6. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah Dan Deposit**

Prestasi pengurusan kumpulan wang/akaun amanah dan deposit di 7 jabatan mencapai tahap cemerlang, 7 jabatan berada pada tahap baik dan 3 jabatan pada tahap memuaskan. Dua jabatan masing-masingnya pula berada pada tahap kurang memuaskan dan tidak memuaskan. Manakala satu jabatan, iaitu Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia tidak mempunyai Akaun Amanah. Kedudukan tahap pencapaian di bawah elemen Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah Dan Deposit bagi jabatan pusingan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.31**  
**PENCAPAIAN JABATAN PERSEKUTUAN YANG DIAUDIT SECARA PUSINGAN**  
**- PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**




Antara isu yang berkaitan dengan Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah Dan Deposit adalah seperti yang berikut:

- Sijil Audit Berteguran telah dikeluarkan kepada 2 jabatan, iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Pembangunan Kemahiran; dan
- Buku Daftar Permohonan Pendahuluan Diri tidak diselenggara dengan lengkap oleh 4 jabatan.

#### 3.6.3.2.7. Pengurusan Aset Dan Stor

Secara keseluruhannya, pengurusan aset dan stor di 4 jabatan mencapai tahap cemerlang, 7 jabatan mencapai tahap baik dan 6 jabatan berada pada tahap memuaskan. Manakala, 3 jabatan berada pada tahap kurang memuaskan dan 2 jabatan berada pada tahap tidak memuaskan. Kedudukan tahap pencapaian di bawah pengurusan aset dan stor bagi jabatan pusingan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.32**  
**PENCAPAIAN JABATAN PERSEKUTUAN YANG DIAUDIT SECARA PUSINGAN**  
**- PENGURUSAN ASET DAN STOR**



Antara isu yang berkaitan dengan pengurusan aset dan stor adalah seperti yang berikut:


- hasil mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) di 10 jabatan tidak dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA);
- penerimaan aset disahkan oleh pegawai yang tidak dilantik sebagai Pegawai Aset di 13 jabatan;
- harta modal dan aset bernilai rendah tidak didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan di 16 jabatan. Sepuluh daripada 16 jabatan tersebut tidak mendaftarkan harta modal dan aset bernilai rendah dengan lengkap. Selain itu, 12 jabatan tidak mengesahkan pendaftaran aset dengan punca maklumat;
- aset tidak diperiksa sekurang-kurangnya sekali setahun di 10 jabatan;
- Program Penyenggaraan Pencegahan di 13 jabatan tidak disediakan. Sebanyak 12 jabatan pula tidak merekodkan penyenggaraan pencegahan dan pembaikan dalam Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14) atau Rekod Penyenggaraan Aset Alih Bernilai Rendah [KEW.PA-14(A)];

- vi. Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4) tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini di 10 jabatan;
- vii. Pegawai Stor tidak melaksanakan pengiraan stok bagi item stor tertentu di 11 jabatan;
- viii. baki fizikal barang-barang stor tidak bersamaan dengan baki pada kad petak (KEW.PS-4) di 9 jabatan;
- ix. pemeriksaan tidak dilaksanakan sekali setahun ke atas semua stok secara 100% di 9 Stor Pusat/Stor Utama;
- x. Kadar Pusingan Stok Tahunan di Stor Pusat/Stor Utama tidak mencapai sekurang-kurangnya dua (2) kadar pusingan di 13 jabatan; dan
- xi. penyimpanan stok barang tertentu melebihi paras yang ditetapkan di 14 Stor Pusat/Stor Utama.

#### **3.6.3.2.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan**

Prestasi pengurusan kenderaan Kerajaan di 3 jabatan mencapai tahap cemerlang, 5 jabatan mencapai tahap baik dan 6 jabatan berada pada tahap memuaskan. Manakala, 4 jabatan masing-masingnya berada pada tahap kurang memuaskan dan tidak memuaskan. Kedudukan tahap pencapaian di bawah pengurusan kenderaan Kerajaan bagi jabatan pusingan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.33**  
**PENCAPAIAN JABATAN PERSEKUTUAN YANG DIAUDIT SECARA PUSINGAN**  
**- PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN**



Antara isu yang berkaitan dengan pengurusan kenderaan adalah seperti yang berikut:


- i. Buku Log Kenderaan di 15 jabatan tidak diselenggarakan dengan kemas kini;
- ii. selepas peringatan bertulis diberikan atas saman tertunggak, 13 ketua jabatan tidak melaksanakan tukar nama saman kepada pegawai yang bertanggungjawab;
- iii. kelulusan bertulis tidak diperoleh daripada Ketua Jabatan ke atas jumlah penggunaan bahan api bulanan bagi Pegawai Gred JUSA di 15 jabatan;
- iv. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden di 17 jabatan tidak diselenggarakan dengan kemas kini dan 11 Ketua Jabatan tidak memeriksa Buku Rekod Pergerakan Kad Inden dari semasa ke semasa;
- v. Penyata Pembelian/Penyata Kad Minyak tidak disemak silang dengan salinan resit dan tidak disahkan oleh Pemegang Kad sebelum bayaran dilakukan di 17 jabatan;
- vi. Pegawai Kenderaan di 10 jabatan tidak menyimpan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) dan *Smart Tag*;
- vii. penggunaan KSBTTR oleh Pegawai Gred JUSA telah melebihi had kelayakan di 12 jabatan; dan
- viii. kos penyenggaraan dan pemberian kenderaan di 14 jabatan telah melebihi had tanpa merujuk kepada Jabatan Kerja Raya.

### **3.6.4. Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (Across The Board)**


#### **3.6.4.1. Analisis Pencapaian Tahun 2015**

Pengauditan yang dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan 14 JANM Negeri antara bulan Disember 2015 hingga Januari 2016 mendapati prestasi pengurusan kewangan Ibu Pejabat JANM bagi tahun 2015 berada pada **tahap cemerlang iaitu dengan markah pematuhan sebanyak 97.2%**. Manakala secara keseluruhannya dengan mengambil kira prestasi pengurusan kewangan semua negeri termasuk Ibu Pejabat JANM secara pro-rata berada pada **tahap cemerlang (91.96%)**. Analisis prestasi terhadap setiap JANM mendapati Ibu Pejabat JANM dan 9 pejabat JANM Negeri mencatatkan prestasi pengurusan kewangan pada tahap cemerlang (antara 90.10% hingga 98.46%) manakala 5 pejabat JANM Negeri berada pada tahap baik (antara 80.23% hingga 89.14%). Prestasi mengikut elemen kawalan pula menunjukkan semua kawalan berada pada tahap cemerlang kecuali pengurusan perolehan di tahap baik. Tahap prestasi pengurusan kewangan JANM mengikut cawangan dan elemen kawalan adalah seperti **Carta 3.34** dan **3.35**.

**CARTA 3.34**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BAGI TAHUN 2015**




**CARTA 3.35**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**  
**SECARA KESELURUHAN MENGIKUT ELEMEN KAWALAN**  
**DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BAGI TAHUN 2015**



### 3.6.4.1.1. Kawalan Pengurusan

- a. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya kawalan pengurusan berada pada **tahap cemerlang (96.96%)**. Analisis selanjutnya mendapati semua JANM Negeri/Cawangan yang diaudit berjaya mencapai tahap cemerlang khususnya dari aspek penyediaan carta organisasi, penurunan kuasa, senarai tugas, pengesahan teguran audit dan pemeriksaan mengejut. Pencapaian mengikut Negeri/Cawangan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.36**  
**PENCAPAIAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**  
**- KAWALAN PENGURUSAN**



- b. Semakan Audit bagaimanapun menemui beberapa kelemahan dalam kawalan pengurusan seperti yang berikut:
- proses kerja berkaitan pengurusan kewangan tidak dikemas kini di 6 pejabat JANM;
  - pemeriksaan dalaman terhadap tugas kewangan dan perakaunan mengikut AP308 tidak dilaksanakan di 2 pejabat JANM;
  - pemeriksaan mengejut terhadap wang atau barang berharga dalam jagaan pegawai mengikut AP309 tidak dilaksanakan secara menyeluruh di 2 pejabat JANM; dan
  - prestasi pelaksanaan *Government Procurement Information System* (GPIS) dan pengurusan aset dan stor tidak dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) di 3 pejabat JANM.


### 3.6.4.1.2. Kawalan Bajet

Bajet merupakan satu mekanisme yang digunakan oleh organisasi untuk mengenal pasti keperluan sumber-sumber kewangan, pengagihan dan penggunaan peruntukan yang diterima. Kawalan Bajet menekankan pengurusan pengagihan serta mengakaunkan peruntukan yang diterima supaya peruntukan tahunan Jabatan diurus dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan. Bagi tahun 2015, semakan Audit mendapati secara keseluruhannya Kawalan Bajet di JANM Negeri/Cawangan adalah pada tahap **cemerlang (100%)**. Cadangan bajet disediakan berdasarkan input daripada semua peringkat termasuk negeri dan Waran Peruntukan Kecil bagi perbelanjaan mengurus telah dikeluarkan dengan segera kepada semua JANM Negeri sebaik sahaja waran peruntukan diterima daripada Kementerian Kewangan Malaysia.

### 3.6.4.1.3. Kawalan Terimaan

Kawalan Terimaan adalah untuk memastikan penerimaan, pungutan, perbankan wang dan cek dilaksanakan mengikut peraturan kewangan dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan. Pematuhan JANM terhadap peraturan kewangan berkaitan kawalan terimaan secara keseluruhannya adalah pada tahap **cemerlang (94.85%)** khususnya dari aspek perekodan borang hasil, penyimpanan borang hasil yang belum digunakan, penyemakan dan perakuan ketepatan borang hasil, kadar kutipan hasil, ciri-ciri keselamatan di kaunter kutipan, notis pemberitahuan orang awam, ketepatan rekod kutipan, semakan harian ke atas buku tunai dengan resit rasmi dan penyerahan akaun bulanan kepada pejabat perakaunan. Prestasi cemerlang ditunjukkan di 13 pejabat JANM, manakala 2 pejabat JANM berada pada tahap baik. Pencapaian JANM berkaitan Kawalan Terimaan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.37**  
**PENCAPAIAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**  
**- KAWALAN TERIMAAN**




Semakan Audit bagaimanapun menemui beberapa kelemahan dalam kawalan terimaan seperti yang berikut:

- i. peraturan kewangan berkaitan penggunaan borang hasil tidak dipatuhi di 7 pejabat JANM;
- ii. Daftar Mel tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini di 3 pejabat JANM;
- iii. proses kemasukan wang ke bank tidak dipatuhi di 3 pejabat JANM; dan
- iv. Penyata Penyesuaian Hasil tidak disediakan dengan tepat di 3 pejabat JANM.

#### 3.6.4.1.4. Pengurusan Perolehan

Pengauditan terhadap pengurusan perolehan dilaksanakan bagi menentukan sama ada semua jenis perolehan dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati pengurusan perolehan di JANM secara keseluruhannya berada pada **tahap baik (88.01%)**. Tujuh pejabat JANM berada di tahap cemerlang, tahap baik di 4 pejabat JANM manakala 4 pejabat JANM lagi hanya berada pada tahap memuaskan. Antara peraturan kewangan yang telah dipatuhi adalah pengeluaran dan kelulusan pesanan Kerajaan serta perolehan secara kontrak pusat. Pencapaian JANM berkaitan pengurusan perolehan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.38**  
**PENCAPAIAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**  
**- PENGURUSAN PEROLEHAN**



Semakan Audit bagaimanapun menemui beberapa kelemahan dalam kawalan perolehan seperti yang berikut:


- i. penggunaan Sistem GPIS bagi merekodkan semua perolehan Kerajaan tidak dilaksanakan dengan teratur di 2 pejabat JANM;

- ii. perolehan bekalan/perkhidmatan melebihi RM20,000 dibuat melalui pembelian terus di 4 pejabat JANM;
- iii. kajian harga pasaran tidak dilaksanakan di 9 pejabat JANM;
- iv. pengurusan perolehan sebut harga tidak dilaksanakan dengan teratur di 4 pejabat JANM;
- v. Daftar/Rekod Pembayaran Kontrak tidak diselenggara dengan teratur di 2 pejabat JANM;
- vi. klausa pencegahan rasuah tidak dimasukkan dalam kontrak di 6 pejabat JANM;
- vii. kontrak lewat ditandatangani melebihi tempoh 4 bulan dari tarikh keluar Surat Setuju Terima di kesemua pejabat JANM kecuali Sarawak dan Negeri Sembilan; dan
- viii. perolehan dibuat di luar kontrak pusat sistem panel di 3 pejabat JANM.

#### 3.6.4.1.5. Kawalan Perbelanjaan

Pengurusan Perbelanjaan yang baik antara lainnya bertujuan untuk memastikan perbelanjaan diuruskan secara telus dan berhemat serta rekod perbelanjaan diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan disimpan dengan baik. Prestasi kawalan perbelanjaan JANM secara keseluruhannya adalah pada tahap **cemerlang (90.12%)**. Tahap cemerlang ditunjukkan di 9 pejabat JANM, tahap baik di 5 pejabat JANM manakala satu pejabat JANM berada pada tahap tidak memuaskan. Antara peraturan kewangan yang telah dipatuhi adalah penyediaan, pelarasan dan penyerahan penyata penyesuaian perbelanjaan, penetapan had kuasa berbelanja, penggunaan kad pintar dan bayaran melalui sistem pukal. Pencapaian kawalan perbelanjaan mengikut negeri adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.39**  
**PENCAPAIAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**  
**- KAWALAN PERBELANJAAN**



Semakan Audit bagaimanapun menemui beberapa kelemahan dalam kawalan perbelanjaan seperti yang berikut:

- i. pembayaran invois tanpa Pesanan Kerajaan telah dibuat bagi jenis perbelanjaan yang tidak dibenarkan di 2 pejabat JANM;
- ii. Daftar Bil tidak dicetak dan tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab di 3 pejabat JANM;
- iii. proses bayaran tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan di 9 pejabat JANM;
- iv. tiada bukti Laporan Bayaran Pukal (BP21) disemak dengan bil asal di 2 pejabat JANM; dan
- v. peraturan penggunaan Wang Panjar tidak dipatuhi di 2 pejabat JANM.


#### **3.6.4.1.6. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah Dan Deposit**

Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit di JANM Ibu Pejabat serta pengurusan pendahuluan diri di JANM Perak dan W.P Labuan berjaya mencapai tahap **cemerlang (100%)**, manakala 13 pejabat JANM yang lain tidak mempunyai pendahuluan diri.

#### **3.6.4.1.7. Pengurusan Aset Dan Stor**

Pengurusan Aset Dan Stor di JANM secara keseluruhannya berjaya mencapai tahap **cemerlang (92.82%)**. Tahap cemerlang ditunjukkan di 10 pejabat JANM manakala tahap baik di 5 pejabat JANM. Tahap pencapaian setiap JANM berkaitan dengan Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.40**  
**PENCAPAIAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**  
**- PENGURUSAN ASET DAN STOR**



### **a. Pengurusan Aset**

Peraturan pengurusan aset dipatuhi khususnya dari aspek penubuhan dan keanggotaan Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK), kekerapan mesyuarat JKPAK, pelantikan pegawai stor, pelabelan, penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset. Semakan Audit bagaimanapun menemui beberapa kelemahan dalam pengurusan aset seperti yang berikut:

- i. Mesyuarat JKPAK tidak membincangkan kesemua agenda yang ditetapkan dalam pekeliling di 6 pejabat JANM;
- ii. hasil mesyuarat JKPAK tidak dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun di 3 pejabat JANM;
- iii. Pegawai Penerima tidak dilantik untuk mengesahkan penerimaan aset di 5 pejabat JANM;
- iv. aset tidak didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan di 8 pejabat JANM;
- v. pengesahan pendaftaran ke atas punca maklumat tidak dibuat di 5 pejabat JANM;
- vi. aset tidak diberi tanda pengenalan “Hak Kerajaan Malaysia” dan tidak ditanda dengan nombor siri pendaftaran yang betul di 2 pejabat JANM;
- vii. kerosakan aset tidak dilaporkan dengan menggunakan Borang Aduan Kerosakan Aset (KEW.PA-9/9A) di 5 pejabat JANM;
- viii. tindakan susulan tidak diambil terhadap aset yang rosak di 3 pejabat JANM;
- ix. aset yang memerlukan penyelenggaraan tidak dikenal pasti dan tidak disenaraikan dalam KEW.PA-13 di 2 pejabat JANM;
- x. program penyelenggaraan tidak dilaksanakan mengikut jadual di 7 pejabat JANM;
- xi. penyenggaraan yang dilakukan tidak direkodkan dalam daftar penyenggaraan harta modal (KEW.PA-14) atau rekod penyenggaraan aset alih bernilai rendah (KEW.PA-14A) di 5 pejabat JANM; dan
- xii. prosedur perlupusan aset tidak dipatuhi di 4 pejabat JANM.

### **b. Pengurusan Stor**


Peraturan mengenai pengurusan stor telah dipatuhi dari aspek lantikan pegawai penerima, pengeluaran dan penyimpanan selamat barang-barang stor, pemeriksaan stok oleh pegawai yang dilantik dan penyediaan laporan verifikasi stor. Bagaimanapun berlaku juga ketidakpatuhan peraturan pengurusan stor seperti yang berikut:

- i. pengurusan penerimaan barang stor tidak dipatuhi di 4 pejabat JANM;
- ii. Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4) tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini di 4 pejabat JANM;
- iii. senarai Daftar Kad Kawalan Stok (KEW.PS-5) tidak disediakan di 4 pejabat JANM;
- iv. pengurusan pengiraan stok tidak dibuat secara teratur di 2 pejabat JANM; dan
- v. penyimpanan stok bagi sebahagian item melebihi paras yang ditetapkan di 7 pejabat JANM.

#### 3.6.4.1.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

Pengurusan kenderaan Kerajaan di JANM secara keseluruhannya mencapai tahap **cemerlang (92.34%)** khususnya dari aspek pelantikan Pegawai Kenderaan, mempamerkan nama/logo kementerian/jabatan pada kenderaan, penyimpanan selamat kunci oleh Pegawai Kenderaan, kelulusan dan penyimpanan rekod penggunaan kenderaan dan penyelenggaraan kenderaan secara berjadual. Tahap cemerlang ditunjukkan di 9 pejabat JANM, tahap baik di 4 JANM manakala 2 pejabat JANM berada pada tahap memuaskan. Tahap pencapaian setiap JANM berkaitan dengan pengurusan kenderaan Kerajaan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.41**  
**PENCAPAIAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**  
**- PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN**



Semakan Audit bagaimanapun menemui beberapa kelemahan dalam pengurusan kenderaan seperti yang berikut:


- i. Buku Log tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini di 5 pejabat JANM;
- ii. penyelesaian saman tertunggak tidak diberi peringatan secara bertulis di 7 pejabat JANM;
- iii. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini dan tidak diperiksa di 4 pejabat JANM;
- iv. Penyata Pembelian Kad tidak disemak silang dengan salinan resit dan disahkan oleh pemegang kad sebelum bayaran dilakukan di 2 pejabat JANM;
- v. *Smart Tag* tidak direkodkan sebagai inventori Kerajaan di 2 pejabat JANM;
- vi. Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) tidak diselenggarakan oleh Pegawai Kenderaan dan pemandu dengan lengkap di 3 pejabat JANM; dan
- vii. Penyata Pengguna KSBTTR yang diterima daripada syarikat pembekal tidak disemak oleh pegawai kenderaan di 2 pejabat JANM.

### **3.6.5. Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia - Across The Board**


#### **3.6.5.1. Analisis Pencapaian Tahun 2015**

Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Putrajaya dan 16 pejabat JBPM Negeri termasuk W.P. Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya dan W.P. Labuan antara bulan Disember 2015 hingga Mac 2016. *Exit Conference* bersama Timbalan Ketua Pengarah JBPM telah diadakan pada 8 April 2016. Hasil pengauditan mendapati prestasi pengurusan kewangan Ibu Pejabat JBPM bagi tahun 2015 berada pada tahap baik iaitu dengan markah pematuhan sebanyak 88.2%. Manakala secara keseluruhannya dengan mengambil kira prestasi pengurusan kewangan semua negeri termasuk Ibu Pejabat JBPM secara pro-rata berada pada **tahap baik iaitu dengan markah pematuhan sebanyak 86.59%**. Analisis prestasi terhadap setiap pejabat JBPM mendapati 7 JBPM mencatatkan prestasi pengurusan kewangan pada tahap cemerlang, manakala Ibu Pejabat dan 6 pejabat berada pada tahap baik. Baki 3 pejabat pula berada pada tahap memuaskan. Prestasi mengikut elemen kawalan pula menunjukkan Kawalan Bajet, Terimaan dan Perolehan berada pada tahap cemerlang. Manakala Kawalan Pengurusan, Perbelanjaan dan Kenderaan berada pada tahap baik dan diikuti dengan Kawalan Amanah dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor berada pada tahap memuaskan. Selain itu, tahap prestasi pengurusan kewangan JBPM mengikut negeri dan elemen kawalan adalah seperti **Carta 3.42** dan **3.43**.

**CARTA 3.42**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**  
**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA BAGI TAHUN 2015**




**CARTA 3.43**  
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**  
**SECARA KESELURUHAN MENGIKUT ELEMEN KAWALAN**  
**DI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA BAGI TAHUN 2015**



### 3.6.5.1.1. Kawalan Pengurusan

Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya kawalan pengurusan berada pada **tahap baik (89.41%)** khususnya terhadap aspek penyediaan carta organisasi, senarai tugas dan pemeriksaan mengejut. Analisis selanjutnya mendapati 10 JBPM Negeri termasuk Ibu Pejabat telah berjaya mencapai tahap cemerlang manakala 3 JBPM Negeri mencapai tahap baik. Selain itu, JBPM W.P. Putrajaya dan Terengganu mencapai tahap memuaskan masing-masing iaitu 79.72% dan 75.40%. Bagaimanapun, JBPM W.P. Kuala Lumpur mencapai tahap tidak memuaskan iaitu 56.14%. Pencapaian mengikut JBPM negeri adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.44**  
**PENCAPAIAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**  
**- KAWALAN PENGURUSAN**



Beberapa ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan berikut perlu diberi perhatian:

- i. carta organisasi tidak dipamerkan dengan lengkap dan kemas kini di 2 pejabat JBPM;
- ii. pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan tidak diberi kuasa/dilantik secara bertulis di 4 pejabat JBPM;
- iii. proses kerja berkaitan pengurusan kewangan tidak dikemas kini di 5 pejabat JBPM;
- iv. senarai tugas tidak disediakan dengan kemas kini di 3 pejabat JBPM;

- v. pemeriksaan dalaman mengikut AP308 tidak dilaksanakan di 4 pejabat JBPM;
- vi. pemeriksaan mengejut mengikut AP309 tidak dilaksanakan secara menyeluruh di 6 pejabat JBPM;
- vii. pengurusan Mesyuarat JPKA tidak dipatuhi sepenuhnya di 14 pejabat JBPM;
- viii. pusingan tugas tidak dirancang dan dilaksanakan di 6 pejabat JBPM; dan
- ix. Ibu Pejabat JBPM tidak menyediakan dan menyerahkan Laporan Suku Tahun Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam kepada Urus setia Tatatertib Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).


#### **3.6.5.1.2. Kawalan Bajet**

Bajet merupakan satu mekanisme yang digunakan oleh organisasi untuk mengenal pasti keperluan sumber-sumber kewangan, pengagihan dan penggunaan peruntukan yang diterima. Kawalan Bajet menekankan pengurusan pengagihan serta mengakaunkan peruntukan yang diterima supaya peruntukan tahunan Jabatan diurus dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan. Bagi tahun 2015, pihak Audit mendapati secara keseluruhannya Kawalan Bajet di Ibu Pejabat JBPM adalah pada tahap **cemerlang (100%)**. Waran Peruntukan Kecil bagi perbelanjaan mengurus telah dikeluarkan dengan segera kepada semua JBPM Negeri sebaik sahaja waran peruntukan diterima daripada Kementerian.

#### **3.6.5.1.3. Kawalan Terimaan**

Kawalan terimaan adalah untuk memastikan penerimaan, pungutan, perbankan wang dan cek dilaksanakan mengikut peraturan kewangan dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan. Pematuhan terhadap peraturan kewangan berkaitan kawalan terimaan secara keseluruhannya adalah pada tahap **cemerlang (93.98%)** khususnya daripada aspek perekodan borang hasil, penyimpanan borang hasil yang belum digunakan, ciri-ciri keselamatan bagi kutipan yang dibuat secara elektronik, penyediaan daftar mel, resit dikeluarkan dengan segera, pembatalan resit yang dipinda, ketepatan rekod kutipan dan penyenggaraan daftar cek tak laku. Analisis selanjutnya mendapati 14 JBPM Negeri telah berjaya mencapai tahap cemerlang (antara 90.24% hingga 100%) manakala Ibu Pejabat JBPM dan JBPM Negeri Pahang mencapai tahap baik dengan masing-masingnya memperoleh 81.83% dan 84.77%. Selain itu, JBPM Negeri Selangor mencapai tahap memuaskan dengan markah 77.20%. Pencapaian mengikut negeri adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.45**  
**PENCAPAIAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**  
**- KAWALAN TERIMAAN**



Bagaimanapun, beberapa ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan berikut perlu diberi perhatian:


- i. borang hasil dikeluarkan tidak mengikut susunan yang betul dan tidak disemak sekurang-kurangnya setiap minggu di 7 pejabat JBPM;
- ii. Hasil Sewaan (Kantin) di 3 pejabat JBPM tidak diakaunkan sebagai hasil Kerajaan sebaliknya diakaunkan ke dalam Akaun Kelab jabatan berkenaan; dan
- iii. Penyata Penyesuaian Hasil tidak disediakan dengan tepat di 5 pejabat JBPM.

#### 3.6.5.1.4. Pengurusan Perolehan

Pengauditan terhadap pengurusan perolehan dilaksanakan bagi menentukan sama ada semua jenis perolehan dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati pengurusan perolehan di JBPM secara keseluruhannya berada pada tahap **cemerlang (90.94%)**. Analisis selanjutnya mendapati Ibu Pejabat dan 10 JBPM Negeri telah berjaya mencapai tahap cemerlang (antara 90.26% hingga 98.87%) manakala 4 JBPM Negeri mencapai tahap baik (84.53% hingga 88.33%). Selain itu,

JBPM W.P. Kuala Lumpur dan Terengganu mencapai tahap memuaskan dengan masing-masing 77.36% dan 73.33%. Antara peraturan kewangan yang telah dipatuhi adalah perancangan perolehan, ePerolehan, kelulusan pesanan Kerajaan dan perolehan secara tender. Pencapaian mengikut negeri adalah seperti **Carta 3.46**.

**CARTA 3.46**  
**PENCAPAIAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**  
**- PENGURUSAN PEROLEHAN**



Ketidakpatuhan kepada peraturan perolehan adalah seperti yang berikut:


- penggunaan Sistem GPIS bagi merekodkan semua perolehan Kerajaan tidak dilaksanakan dengan teratur di 10 pejabat JBPM;
- perolehan bekalan/perkhidmatan melebihi RM20,000 dibuat melalui pembelian terus di 10 pejabat JBPM;
- Pesanan Kerajaan dikeluarkan terlebih dahulu dan kajian pasaran tidak dibuat untuk pembelian terus di 8 pejabat JBPM;
- pengurusan perolehan sebut harga tidak dilaksanakan dengan teratur di 7 pejabat JBPM;
- klausa pencegahan rasuah tidak dimasukkan dalam kontrak di 3 pejabat JBPM;
- kontrak lewat ditandatangani melebihi tempoh 4 bulan dari tarikh keluar Surat Setuju Terima di 10 pejabat JBPM; dan

- vii. perolehan secara kontrak pusat sistem panel tidak dipatuhi sepenuhnya di 8 pejabat JBPM.

### 3.6.5.1.5. Kawalan Perbelanjaan

Pengurusan Perbelanjaan yang baik antara lainnya bertujuan untuk memastikan perbelanjaan diuruskan secara telus dan berhemat serta rekod perbelanjaan diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan disimpan dengan baik. Prestasi kawalan perbelanjaan JBPM secara keseluruhannya adalah pada tahap **baik (88.97%)**. Analisis selanjutnya mendapati 9 JBPM Negeri termasuk Ibu Pejabat berjaya mencapai tahap cemerlang, 3 JBPM Negeri berada pada tahap baik, manakala 3 JBPM Negeri pula berada tahap memuaskan. Bagaimanapun, JBPM Johor hanya mencapai tahap kurang memuaskan iaitu 66.84%. Antara peraturan kewangan yang telah dipatuhi adalah penyediaan, pelarasan dan penyerahan penyata penyesuaian perbelanjaan serta pembayaran di bawah AP58(a) dibuat hanya untuk perbelanjaan mengurus dan telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Pencapaian kawalan perbelanjaan mengikut negeri adalah seperti **Carta 3.47**.

**CARTA 3.47**  
**PENCAPAIAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**  
**- KAWALAN PERBELANJAAN**




Bagaimanapun, ketidakpatuhan peraturan perbelanjaan adalah seperti yang berikut:

- i. buku vot tidak diperiksa dan ditandatangani sekurang-kurangnya sebulan sekali di 7 pejabat JBPM;
- ii. peraturan berkaitan had kuasa berbelanja tidak dipatuhi sepenuhnya di 3 pejabat JBPM;
- iii. Daftar Bil tidak dicetak dan tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab di 7 pejabat JBPM;
- iv. proses bayaran tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan di 9 pejabat JBPM;
- v. peraturan berkaitan pengurusan Bayaran Pukal tidak dipatuhi sepenuhnya di 9 pejabat JBPM; dan
- vi. peraturan penggunaan Wang Panjar tidak dipatuhi sepenuhnya di 6 pejabat JBPM.

#### **3.6.5.1.6. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah Dan Deposit**

Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit di JBPM secara keseluruhannya adalah pada tahap **memuaskan (78.80%)**. Analisis selanjutnya terhadap pencapaian 9 pejabat JBPM yang terlibat mendapati 3 JBPM Negeri iaitu Pahang, Sarawak dan Negeri Sembilan serta Ibu Pejabat berjaya mencapai tahap cemerlang (antara 94.17% hingga 100%) manakala JBPM Negeri Selangor mencapai tahap baik 80%. JBPM Negeri Pulau Pinang dan Melaka pula mencapai tahap memuaskan dengan masing-masingnya 75%. Bagaimanapun JBPM Johor berada pada tahap kurang memuaskan dengan pencapaian 60% dan W.P. Kuala Lumpur berada pada tahap tidak memuaskan dengan pencapaian 25%. Secara keseluruhannya, Pengurusan Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Pendahuluan di JBPM telah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, penambahbaikan perlu dibuat terhadap pengurusan Akaun Deposit di mana rekod-rekod berkaitan hendaklah diselenggarakan mengikut peraturan yang ditetapkan.


**CARTA 3.48**  
**PENCAPAIAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**  
**- PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**



### 3.6.5.1.7. Pengurusan Aset Dan Stor

Pengurusan Aset dan Stor di JBPM secara keseluruhannya hanya mencapai tahap **memuaskan (77.42%)**. Analisis selanjutnya terhadap pencapaian setiap JBPM mendapati 5 JBPM Negeri berjaya mencapai tahap cemerlang (antara 94.87% hingga 99.70%); 4 JBPM Negeri mencapai tahap baik (81.66% hingga 86.99%); JBPM Negeri Johor dan Ibu Pejabat mencapai tahap memuaskan dan 2 JBPM Negeri berada di tahap kurang memuaskan. Bagaimanapun, 4 JBPM Negeri iaitu Pulau Pinang, W.P. Kuala Lumpur, Perlis dan W.P. Putrajaya mencapai tahap tidak memuaskan (antara 43.58% hingga 58.81%). Tahap pencapaian setiap JBPM berkaitan dengan Pengurusan Aset adalah seperti **Carta 3.49**.

**CARTA 3.49**  
**PENCAPAIAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**  
**- PENGURUSAN ASET DAN STOR**



#### a. Pengurusan Aset

Peraturan pengurusan aset dipatuhi khususnya daripada aspek penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK), bahagian/seksyen pengurusan aset dan stor diwujudkan, pelantikan pegawai aset dan stor dan penyimpanan aset.

Bagaimanapun ketidakpatuhan peraturan pengurusan aset adalah seperti yang berikut:

- i. pegawai penerima untuk menerima dan mengesahkan aset yang diterima tidak dilantik di 8 pejabat JBPM;

- ii. aset tidak didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan di 15 pejabat JBPM;
- iii. aset bernilai rendah tidak didaftarkan dengan lengkap di 9 pejabat JBPM;
- iv. pengesahan pendaftaran ke atas punca maklumat tidak dibuat di 12 pejabat JBPM;
- v. Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Aset Bernilai Rendah (KEW.PA-3) tidak diselenggara dengan kemas kini di 5 pejabat JBPM;
- vi. Daftar Pergerakan Harta Modal/Aset Bernilai Rendah (KEW.PA-6) tidak dikemas kini di 5 pejabat JBPM;
- vii. aset tidak diberi tanda pengenalan “Hak Kerajaan Malaysia” dan nombor siri pendaftaran yang betul di 7 pejabat JBPM;
- viii. aset yang dibeli tidak digunakan di 8 pejabat JBPM;
- ix. tindakan susulan tidak diambil terhadap aset yang rosak di 8 pejabat JBPM (Ibu Pejabat, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor, W.P. Putrajaya, Negeri Sembilan dan Terengganu);
- x. aset tidak diperiksa secara keseluruhan sekurang-kurangnya sekali setahun di 8 pejabat JBPM;
- xi. program penyelenggaraan tidak dilaksanakan mengikut jadual di 12 pejabat JBPM; dan
- xii. masih terdapat kehilangan aset tahun sebelum yang masih belum selesai dalam tahun 2015 di 4 pejabat JBPM.

#### **b. Pengurusan Stor**


Berlaku ketidakpatuhan peraturan pengurusan stor seperti yang berikut:

- i. pengurusan penerimaan pendaftaran dan penggunaan barang stor tidak dipatuhi sepenuhnya di 12 pejabat JBPM;
- ii. barang-barang stor tidak disimpan di tempat yang selamat dan sesuai di 3 pejabat JBPM;
- iii. Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4) dan Senarai Daftar Kad Kawalan Stok (KEW.PS-5) tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini di 6 pejabat JBPM;
- iv. pemeriksaan stok tidak dibuat secara teratur dan tidak dilaksanakan secara berterusan di 8 pejabat JBPM;
- v. peraturan berkaitan verifikasi stor tidak dipatuhi sepenuhnya di 5 pejabat JBPM; dan
- vi. kadar pusingan stok tahunan tidak mencapai kadar pusingan yang ditetapkan serta penyimpanan stok melebihi paras yang ditetapkan di 13 pejabat JBPM.

### 3.6.5.1.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

Pengurusan Kenderaan di JBPM secara keseluruhannya mencapai tahap baik (82.94%). Analisis selanjutnya mendapati 5 JBPM berjaya mencapai tahap cemerlang (antara 91.50% hingga 100%), 4 JBPM mencapai tahap baik (antara 82.12% hingga 88.36%) manakala Ibu Pejabat dan 6 JBPM Negeri di tahap memuaskan (antara 70.57% hingga 79.67%). Bagaimanapun, JBPM Sarawak berada pada tahap kurang memuaskan iaitu 62.57%. Aspek pengurusan kenderaan yang dipatuhi sepenuhnya berkaitan pengurusan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) dan *Smart Tag*. Tahap pencapaian setiap JBPM berkaitan dengan Pengurusan Kenderaan adalah seperti **Carta 3.50**.

**CARTA 3.50**  
**PENCAPAIAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**  
**- PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN**



Di antara ketidakpatuhan peraturan pengurusan kenderaan Kerajaan adalah seperti yang berikut:

- i. pegawai kenderaan tidak dilantik di 2 pejabat JBPM;
- ii. Buku Log tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini di 13 pejabat JBPM;
- iii. penyelesaian saman tertunggak tidak diberi peringatan secara bertulis di 8 pejabat JBPM;
- iv. tiada tindakan susulan diambil terhadap saman tertunggak walaupun peringatan telah diberi di 11 pejabat JBPM;

- v. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggarakan dengan kemas kini dan tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan dari masa ke semasa di 7 pejabat JBPM;
- vi. penyata pembelian/penyata kad inden tidak disemak silang dengan salinan resit di 3 pejabat JBPM; dan
- vii. kenderaan tidak disenggarakan secara berjadual dan pelaksanaan penyenggaraan tidak direkodkan di 10 pejabat JBPM.

### **3.7. SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan Kementerian dan Jabatan Persekutuan bagi tahun 2015 berada pada tahap baik berdasarkan kepada markah keseluruhan pematuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa Kementerian dan Jabatan Persekutuan yang perlu meningkatkan serta memantapkan lagi kawalan dalam pengurusan kewangan agar isu-isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Kementerian dan Jabatan Persekutuan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti yang berikut:

- 3.7.1. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;
- 3.7.2. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop tertentu;
- 3.7.3. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan *corrective* dan *preventive*. Tujuan tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang;
- 3.7.4. Ketua Jabatan mengambil tindakan punitif sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjaskan imej Kerajaan;
- 3.7.5. berusaha mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi 2 boleh dijadikan rujukan;

3.7.6. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan

3.7.7. melaksanakan pusingan tugas setiap 5 tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.

## KEMENTERIAN LUAR NEGERI

### 4. PENGURUSAN KEWANGAN PEJABAT PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGERA

#### 4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Kementerian Luar Negeri (Kementerian) adalah bertanggungjawab untuk memelihara, mengukuh dan mempertingkatkan hubungan dan kerjasama dua hala antara Malaysia dengan negara luar. Ia merangkumi pelbagai bidang iaitu politik dan keselamatan; perdagangan dan pelaburan; kebudayaan dan sosial; sains dan teknologi; pelancongan dan pendidikan. Untuk tujuan ini, Kementerian telah menubuhkan 106 pejabat perwakilan di 82 buah negara. Semua pejabat tersebut diketuai sama ada oleh Duta Besar, Wakil Tetap, Pesuruhjaya Tinggi, Konsul Jeneral atau Konsul. Berdasarkan rekod Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) perbelanjaan mengurus bagi semua pejabat perwakilan Malaysia di luar negara bagi tahun 2015 adalah berjumlah RM432.60 juta.

4.1.2. Mulai tahun 2013, Sistem Perakaunan Luar Negeri (SPLN) telah mula digunakan secara berperingkat oleh pejabat perwakilan Malaysia di luar negara. Semua transaksi terimaan dan bayaran yang dilaksanakan melalui SPLN di luar negara dapat dikemas kini secara automatik ke dalam *Government Financial Management and Accounting System* (GFMAS) setiap hari berbanding purata 2 bulan kelewatan yang lazimnya berlaku semasa menggunakan kaedah manual. Rekod kewangan yang melibatkan transaksi bayaran; terimaan; deposit dan pendahuluan seperti Baucar Bayaran; Buku Vot; Laporan Bulanan; Buku Tunai; Penyata Terimaan dan Bayaran; Resit; Penyata Pemungut; Penyata Terimaan dan Serahan; Senarai Kedudukan Pendahuluan; Lejar dan Penyata Baki Individu Akaun Deposit juga boleh dijana daripada SPLN. Dengan itu, SPLN akan dapat memudahkan proses kerja dan mengurangkan risiko kesilapan perekodan. Bagi transaksi bayaran, terdapat 2 kemudahan yang boleh diguna oleh pejabat perwakilan iaitu secara *Telegraphic Transfer* (TT) dan Panjar 3/12. Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 99 (93.4%) daripada 106 pejabat perwakilan telah melaksanakan SPLN.

#### 4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pejabat perwakilan Malaysia di luar negara melaksanakan pengurusan kewangan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

#### 4.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap 5 elemen pengurusan kewangan iaitu kawalan pengurusan; kawalan terimaan; kawalan perbelanjaan; pengurusan deposit/pendahuluan; serta pengurusan aset dan stor. Transaksi yang disemak adalah transaksi yang berlaku pada tahun 2015 meliputi bulan setakat lawatan Audit dibuat. Selain itu, pengauditan juga dilaksanakan terhadap pengurusan SPLN. Pengauditan telah dijalankan di 8 pejabat perwakilan Malaysia di luar negara seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.1  
PEJABAT PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGARA  
YANG DIAUDIT PADA TAHUN 2015**

PEJABAT PERWAKILAN	PELAKSANAAN SPLN	BULAN LAWATAN AUDIT
Kedutaan Besar Malaysia di Berlin, Jerman	2013	September 2015
Kedutaan Besar Malaysia di Hanoi, Vietnam	2014	September 2015
Kedutaan Besar Malaysia di Paris, Perancis	2013	September 2015
Kedutaan Besar Malaysia di Prague, Republik Czech	2013	Mac 2015
Kedutaan Besar Malaysia di Vienna, Austria	2014	Mac 2015
Kedutaan Besar Malaysia di Zagreb, Crotia	2014	Mac 2015
Konsulat Jeneral Malaysia di Frankfurt, Jerman	2013	September 2015
Konsulat Jeneral Malaysia di Ho Chi Minh, Vietnam	2014	September 2015

#### 4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai berkaitan telah dijalankan di pejabat berkenaan. *Exit Conference* bersama Duta Besar Malaysia/Konsulat Jeneral di Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara telah diadakan selepas tugas pengauditan selesai.

#### 4.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara pada tahun 2015 mendapati secara umumnya tahap prestasi pengurusan kewangan pejabat perwakilan berkenaan adalah baik. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang memerlukan tindakan penambahbaikan seperti yang berikut:

##### 4.5.1. Kawalan Pengurusan

4.5.1.1. Pengauditan terhadap aspek kawalan pengurusan meliputi Manual Prosedur Kerja (MPK), Fail Meja, fungsi Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA), penurunan kuasa, tindakan susulan terhadap teguran Audit yang dibangkitkan dan pemeriksaan mengejut di bawah Arahan Perbendaharaan 309.

4.5.1.2. Semakan Audit mendapati secara umumnya tahap pematuhan terhadap kawalan pengurusan bagi semua pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati adalah memuaskan. Kawalan Pengurusan bagi 7 pejabat perwakilan Malaysia di luar negara masih perlu diberi perhatian terhadap penyediaan Fail Meja dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun serta pemeriksaan mengejut kecuali Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Ho Chi Minh, Vietnam yang telah mematuhi semua kawalan pengurusan yang ditetapkan. Tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.2**  
**TAHAP PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN**

PEJABAT PERWAKILAN	KAWALAN PENGURUSAN						
	a	b	c	d	e	f	g
Kedutaan Besar Malaysia di Berlin, Jerman	✓	X	✓	✓	✓	✓	X
Kedutaan Besar Malaysia di Hanoi, Vietnam	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Paris, Perancis	✓	X	✓	✓	✓	✓	X
Kedutaan Besar Malaysia di Prague, Republik Czech	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X
Kedutaan Besar Malaysia di Vienna, Austria	✓	X	✓	✓	✓	✓	X
Kedutaan Besar Malaysia di Zagreb, Crotia	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Frankfurt, Jerman	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X
Konsulat Jeneral Malaysia di Ho Chi Minh, Vietnam	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
<b>PEMATUHAN (%)</b>	<b>100.0</b>	<b>50.0</b>	<b>87.5</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>37.5</b>

Nota :  - Mematuhi       - Tidak Mematuhi

- a. *Manual Prosedur Kerja Disediakan Dengan Lengkap Dan Kemas Kini*
- b. *Fail Meja Disediakan Dengan Lengkap Dan Kemas Kini*
- c. *Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Telah Melaksanakan Fungsi Yang Ditetapkan*
- d. *Penurunan Kuasa Dibuat Dengan Teratur*
- e. *Teguran Jabatan Audit Negara Dijawab Dan Tindakan Susulan Diambil*
- f. *Teguran Unit Audit Dalam Dijawab Dan Tindakan Susulan Diambil*
- g. *Pemeriksaan Mengejut Di Bawah Arahan Perbendaharaan 309 Telah Dilaksanakan Mengikut Ketetapan*

#### 4.5.2. Kawalan Terimaan

4.5.2.1. Pengauditan terhadap aspek kawalan terimaan meliputi perekodan transaksi terimaan, penyelenggaraan Buku Tunai dan Borang Hasil serta kemasukan pungutan ke bank.

4.5.2.2. Pada umumnya, transaksi terimaan secara elektronik telah direkod dengan teratur dan dokumen kewangan seperti Buku Tunai; Resit; Penyata Pemungut; Penyata Terimaan dan Serahan serta Penyata Terimaan dan Bayaran telah dijana seperti mana yang ditetapkan dalam modul SPLN. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan dalam kawalan terimaan seperti Buku Tunai tidak disemak di Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Prague, Republik Czech dan Kedutaan Besar Malaysia di Vienna, Austria. Tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan terimaan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.3**  
**TAHAP PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN DALAM KAWALAN TERIMAAN**

PEJABAT PERWAKILAN	KAWALAN TERIMAAN		
	a	b	c
Kedutaan Besar Malaysia di Berlin, Jerman	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Hanoi, Vietnam	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Paris, Perancis	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Prague, Republik Czech	✓	X	X
Kedutaan Besar Malaysia di Vienna, Austria	✓	X	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Zagreb, Crotia	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Frankfurt, Jerman	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Ho Chi Minh, Vietnam	✓	✓	✓
<b>PEMATUHAN (%)</b>	<b>100.0</b>	<b>75.0</b>	<b>87.5</b>

Nota :  - Mematuhi  - Tidak Mematuhi

- a. Borang Hasil Yang Dikeluarkan Disimpan Dengan Selamat Dan Diselenggarakan Dengan Teratur
- b. Buku Tunai Disemak
- c. Semua Kutipan Wang Dimasukkan Ke Bank Dengan Segera Dan Tepat Serta Keselamatan Dijaga

#### 4.5.3. Kawalan Perbelanjaan

4.5.3.1. Pengauditan terhadap aspek kawalan perbelanjaan meliputi transaksi perbelanjaan yang direkodkan secara elektronik dan dokumen kewangan seperti Baucar Bayaran; Buku Vot; Laporan Bulanan serta Penyata Terimaan dan Bayaran yang dijana daripada SPLN.

4.5.3.2. Semakan Audit mendapati secara umumnya tahap pematuhan terhadap kawalan perbelanjaan bagi semua pejabat perwakilan yang dilawati adalah baik. Bagaimanapun, penyemakan Buku Vot dan Daftar Bil perlu dipertingkatkan di Kedutaan Besar Malaysia di Vienna, Austria dan Kedutaan Besar Malaysia di Zagreb, Crotia bagi memantapkan lagi kawalan perbelanjaan di pejabat perwakilan berkenaan. Tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung kawalan perbelanjaan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.4**  
**TAHAP PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN**

PEJABAT PERWAKILAN	KAWALAN PERBELANJAAN			
	a	b	c	d
Kedutaan Besar Malaysia di Berlin, Jerman	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Hanoi, Vietnam	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Paris, Perancis	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Prague, Republik Czech	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Vienna, Austria	✓	X	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Zagreb, Crotia	X	X	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Frankfurt, Jerman	✓	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Ho Chi Minh, Vietnam	✓	✓	✓	✓
<b>PEMATUHAN (%)</b>	<b>87.5</b>	<b>75.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Nota :  - Mematuhi  - Tidak Mematuhi

- a. Buku Vot Telah Disemak
- b. Daftar Bil Telah Disemak Sewajarnya
- c. Bayaran Dibuat Dengan Betul Dan Tepat Selaras Dengan Undang-undang Dan Peraturan Serta Direkodkan Dengan Sempurna
- d. Laporan Perbelanjaan Disemak Dengan Lengkap Dan Dikemukakan Kepada Ibu Pejabat Dalam Tempoh Yang Ditetapkan

4.5.3.3. Semakan selanjutnya terhadap peruntukan dan perbelanjaan mengurus tahun 2015 di peringkat Kementerian dan JANM di Penyata Lengkap Perbelanjaan Mengurus (Laporan A499) mendapati peruntukan yang diluluskan untuk keseluruhan 106 pejabat perwakilan Malaysia di luar negara adalah berjumlah RM361.57 juta berbanding perbelanjaan berjumlah RM432.60 juta (119.6%). Perbelanjaan melebihi peruntukan bagi tahun 2015 adalah disebabkan antaranya atas kesinambungan peranan Kementerian dalam mempertahankan kepentingan dasar luar negara. Pada tahun 2015, Malaysia menggalas tanggungjawab yang besar dan penting seperti sebagai Pengerusi ASEAN dan Keanggotaan Tidak Tetap dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC). Selain itu, penurunan nilai ringgit terutamanya berbanding dolar Amerika dan mata wang asing yang lain memberi impak yang besar kepada perbelanjaan Kementerian berikutan sebahagian besar perbelanjaan dibuat menggunakan mata wang asing. Purata nilai ringgit Malaysia berbanding satu dolar Amerika Syarikat pada tahun 2015 adalah RM3.91 iaitu menurun 19% daripada nilai tahun 2014 iaitu RM3.28.

4.5.3.4. Manakala berdasarkan maklumat di Kementerian pula, jumlah peruntukan dan perbelanjaan keseluruhan pejabat perwakilan Malaysia di luar negara menunjukkan jumlah yang berbeza iaitu peruntukan berjumlah RM406.03 juta dan perbelanjaan berjumlah RM392.73 juta (96.7%). Perbezaan jumlah peruntukan adalah RM44.46 juta (-12.3%) manakala perbezaan berjumlah RM39.87 juta (9.2%) bagi perbelanjaan. Perbezaan antara maklumat peruntukan dan perbelanjaan di peringkat KLN dan JANM adalah disebabkan sebahagian maklumat belum dikemas kini oleh Pejabat Perwakilan di luar negara. Maklumat lanjut seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.5**  
**PERBANDINGAN JUMLAH PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS**  
**PEJABAT PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGARA BAGI TAHUN 2015**

<b>MENGIKUT REKOD</b>	<b>PERUNTUKAN</b>	<b>PERBELANJAAN</b>	<b>PERBELANJAAN (%)</b>
	<b>(RM Juta)</b>	<b>(RM Juta)</b>	
Jabatan Akauntan Negara Malaysia (A499)	361.57	432.60	119.6
Kementerian Luar Negeri	406.03	392.73	96.7
<b>JUMLAH PERBEZAAN</b>	<b>(44.46)</b>	<b>39.87</b>	-

*Sumber : Jabatan Akauntan Negara Malaysia Dan Kementerian Luar Negeri*

4.5.3.5. Semakan Audit terhadap Laporan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) Pejabat Perwakilan Bil. 4 Tahun 2015 bagi setiap pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati mendapati peruntukan mengurus adalah berjumlah RM33.26 juta berbanding perbelanjaannya yang berjumlah RM32.66 juta (98.2%). Maklumat peruntukan dan perbelanjaan mengurus bagi setiap pejabat perwakilan Malaysia di luar negara tersebut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.6**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS PEJABAT PERWAKILAN**  
**MALAYSIA DI LUAR NEGARA YANG DILAWATI BAGI TAHUN 2015**

PEJABAT PERWAKILAN	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	PERBELANJAAN (%)
	(RM Juta)	(RM Juta)	
Kedutaan Besar Malaysia di Berlin, Jerman	5.50	5.45	99.1
Kedutaan Besar Malaysia di Hanoi, Vietnam	2.68	2.49	92.9
Kedutaan Besar Malaysia di Paris, Perancis	5.51	5.46	99.1
Kedutaan Besar Malaysia di Prague, Republik Czech	3.76	3.76	100.0
Kedutaan Besar Malaysia di Vienna, Austria	5.39	5.17	95.9
Kedutaan Besar Malaysia di Zagreb, Crotia	3.31	3.27	98.8
Konsulat Jeneral Malaysia di Frankfurt, Jerman	4.64	4.61	99.4
Konsulat Jeneral Malaysia di Ho Chi Minh, Vietnam	2.47	2.45	99.2
<b>JUMLAH</b>	<b>33.26</b>	<b>32.66</b>	<b>98.2</b>

Sumber : Laporan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Pejabat Perwakilan Bil. 4 Tahun 2015

#### 4.5.4. Pengurusan Deposit/Pendahuluan

4.5.4.1. Pengauditan terhadap aspek pengurusan deposit/pendahuluan meliputi semakan rekod dan proses bayaran balik deposit/pendahuluan.

4.5.4.2. Secara umumnya, prestasi pengurusan deposit/pendahuluan di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati adalah baik kecuali di pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Hanoi, Vietnam dan di Konsulat Jeneral Malaysia, Ho Chi Minh, Vietnam. Tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan deposit/pendahuluan bagi 8 pejabat perwakilan Malaysia di luar negara adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.7**  
**TAHAP PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN DALAM**  
**PENGURUSAN DEPOSIT/PENDAHULUAN**

PEJABAT PERWAKILAN	KAWALAN DEPOSIT		
	a	b	c
Kedutaan Besar Malaysia di Berlin, Jerman	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Hanoi, Vietnam	X	X	X
Kedutaan Besar Malaysia di Paris, Perancis	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Prague, Republik Czech	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Vienna, Austria	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Zagreb, Crotia	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Frankfurt, Jerman	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Ho Chi Minh, Vietnam	X	X	✓
<b>PEMATUHAN (%)</b>	<b>75.0</b>	<b>75.0</b>	<b>87.5</b>

Nota :  - Mematuhi

- Tidak Mematuhi

- a. Rekod Subsidiari Diselenggarakan Bagi Deposit/Pendahuluan
- b. Rekod Subsidiari/Deposit/Pendahuluan Diselenggarakan Dengan Lengkap Dan Kemas Kini
- c. Bayaran Balik Deposit/Pendahuluan Dibuat Sewajarnya

#### 4.5.5. Pengurusan Aset Dan Stor

4.5.5.1. Pengauditan terhadap aspek pengurusan aset dan stor meliputi kawalan umum seperti pelantikan pegawai aset dan pegawai penerima serta pengurusan aset dan kenderaan.

4.5.5.2. Semakan Audit mendapati secara umumnya tahap pematuhan terhadap pengurusan aset dan stor bagi semua pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat 6 pejabat perwakilan masih belum mematuhi sepenuhnya peraturan berkaitan urusan pendaftaran aset, pelabelan aset, pemeriksaan aset dan penyelenggaraan Buku Log Kenderaan rasmi kecuali di pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Zagreb, Crotia dan Konsulat Jeneral Malaysia di Frankfurt, Jerman. Tahap pematuhan peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan aset dan stor adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.8  
TAHAP PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN  
DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR**

PEJABAT PERWAKILAN	KAWALAN ASET DAN INVENTORI							
	a	b	c	d	e	f	g	h
Kedutaan Besar Malaysia di Berlin, Jerman	X	X	✓	✓	✓	X	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Hanoi, Vietnam	✓	X	X	✓	✓	X	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Paris, Perancis	✓	✓	X	✓	✓	X	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Prague, Republik Czech	✓	✓	X	✓	✓	X	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Vienna, Austria	✓	✓	X	X	✓	✓	X	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Zagreb, Crotia	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Frankfurt, Jerman	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Ho Chi Minh, Vietnam	✓	✓	X	✓	✓	X	✓	✓
<b>PEMATUHAN (%)</b>	<b>87.5</b>	<b>75.0</b>	<b>37.5</b>	<b>87.5</b>	<b>100.0</b>	<b>37.5</b>	<b>87.5</b>	<b>100.0</b>

Nota :  - Mematuhi  - Tidak Mematuhi

- a. Pegawai Aset Dilantik Dengan Menentukan Tugas Dan Tanggungjawab Beliau Sewajarnya
- b. Pegawai Penerima Aset Dilantik Dengan Tugas Dan Tanggungjawab Yang Ditetapkan
- c. Aset Didafarkan Sewajarnya Dalam Format Yang Betul
- d. Aset Dilabelkan Sewajarnya
- e. Aset Disimpan Dan Diguna Dengan Teratur
- f. Aset Diperiksa Dan Stok Diverifikasi Mengikut Kekerapan Yang Ditetapkan
- g. Buku Log Kenderaan Diselenggarakan Dengan Teratur
- h. Pelupusan Aset Dilaksanakan Dengan Sempurna

#### 4.5.6. Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati memaklumkan bahawa tindakan penambahbaikan telah diambil sebagaimana yang disyorkan.

#### 4.5.7. Kawalan Keselamatan Pejabat Perwakilan

4.5.7.1. Perwakilan Malaysia sentiasa menerima kunjungan dari pelbagai pihak bagi tujuan perbincangan dan lawatan rasmi. Sehubungan itu, adalah penting bagi Perwakilan Malaysia untuk mempunyai pejabat yang berada dalam keadaan rapi, bersih, selesa dan teratur serta selamat.

4.5.7.2. Lawatan Audit mendapati perkara berikut:

- Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Vienna, Austria dan Kediaman Rasmi Duta tidak dilengkapi dengan *Closed Circuit Television* (CCTV). Semakan selanjutnya mendapati pihak Pejabat Perwakilan telah menghantar permohonan peruntukan untuk pemasangan CCTV kepada Kementerian Luar Negeri untuk kelulusan sebanyak 4 kali iaitu pada 23 September 2013, 4 April 2014, 21 Julai 2014 dan 27 Februari 2015. Bagaimanapun, tiada maklum balas diterima dari Kementerian.
- Keadaan bangunan Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Hanoi, Vietnam tidak disenggarakan dengan baik. Cat dinding menggelupas hampir di setiap sudut bangunan, terdapat kesan resapan air pada dinding bilik server dan kanopi di luar bangunan telah usang. Contoh keadaan bangunan adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 4.1**



*Bilik Pembantu Tadbir  
Kedutaan Besar Malaysia Di Hanoi, Vietnam  
- Cat Dinding Menggelupas  
(16.09.2015)*

**GAMBAR 4.2**



*Bilik Server  
Kedutaan Besar Malaysia Di Hanoi, Vietnam  
- Kesan Resapan Air Pada Dinding  
(16.09.2015)*



**GAMBAR 4.3**

*Kedutaan Besar Malaysia Di Hanoi, Vietnam  
- Kanopi Yang Telah Usang Dan Hampir Roboh  
(16.09.2015)*

#### 4.5.8. Pengurusan Sistem Perakaunan Luar Negeri

4.5.8.1. Sistem Perakaunan Luar Negeri (SPLN) mengandungi 8 modul iaitu *Winadmin*; *Admin*; Kawalan Data; Sekuriti; PTJ Kewangan; Lejar Am; Sistem Lejar Akaun Subsidiari dan *Management Information System* (MIS). Di peringkat pejabat perwakilan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 modul utama SPLN iaitu PTJ Kewangan dan Sistem Lejar Akaun Subsidiari meliputi perkara seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.9**  
**ASPEK YANG DILIPUTI BAGI SEMAKAN TERHADAP**  
**PELAKSANAAN SISTEM PERAKAUNAN LUAR NEGERI**

MODUL SPLN	FUNGSI MODUL	SUB MODUL YANG DILIPUTI
PTJ Kewangan	Merekodkan semua transaksi terimaan dan bayaran (Panjar 3/12 dan TT) yang dilakukan oleh PTJ luar negara	<p><b>Pembayaran Melalui <i>Telegraphic Transfer</i> (TT)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Waran Peruntukan</li> <li>• Baukar Bayaran</li> </ul> <p><b>Panjar 3/12</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Apungan (jika berkaitan)</li> <li>• Baki Awal Panjar</li> <li>• Bayaran</li> <li>• Terimaan</li> <li>• Penyata Pemungut</li> <li>• Deposit</li> <li>• Rekupmen</li> <li>• Penyesuaian Bank</li> <li>• Proses Bulanan</li> </ul>
Sistem Lejar Akaun Subsidiari	Mengakaunkan transaksi pendahuluan bagi kakitangan Kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelenggaraan Akaun Subsidiari</li> <li>• Proses Kerja Pendahuluan - Bayaran Melalui TT</li> <li>• Proses Kerja Pendahuluan - Bayaran Melalui Panjar 3/12</li> </ul>

4.5.8.2. Pada umumnya, semakan Audit terhadap pengurusan SPLN di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati mendapat SPLN telah mula dilaksanakan sebagaimana yang dirancang. Secara umumnya, SPLN telah membantu memudahkan proses kerja; mengurangkan kadar kesilapan perekodan dan berupaya mengawal perbelanjaan mengikut peruntukan yang disalurkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian bagi penambahbaikan SPLN seperti yang berikut:

- maklum balas yang diterima daripada *Helpdesk* SPLN kerap kali lewat dan tidak menjawab pertanyaan yang dikemukakan dengan tepat;
- laporan vot mengikut kod objek tidak dapat dijana secara elektronik sebaliknya perlu dijana secara manual;
- pelarasan rekod berhubung terimaan dan bayaran tidak dapat dipinda secara automatik di Buku Tunai sebaliknya pelarasan hanya dikemas kini di Lejar Am; dan
- gangguan rangkaian komputer (networking).

4.5.8.3. Selain itu, antara cadangan yang dikemukakan oleh Pejabat Perwakilan Malaysia yang dilawati bagi menambah baik SPLN adalah seperti yang berikut:

- SPLN dibuat dalam dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris memandangkan pengguna utama di luar negara merupakan Kakitangan Ambilan Tempatan; dan
- Sesi latihan dan penggunaan SPLN yang komprehensif dapat diberikan kepada pengguna SPLN.

#### **4.6. SYOR AUDIT**

Bagi mempertingkatkan dan memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara, adalah disyorkan supaya Kementerian mengambil tindakan seperti perkara yang berikut:

- 4.6.1. menentukan semua pegawai yang terlibat diberi latihan sewajarnya sebelum bertugas di luar negara bagi memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan dengan berkesan dan teratur;
- 4.6.2. memastikan setiap pejabat perwakilan mematuhi aspek penting berhubung pengurusan kewangan khususnya pengurusan aset dan stor seperti mendaftar dan melabel aset, melaksanakan pemeriksaan aset dan menyelenggarakan Buku Log Kenderaan dengan lengkap dan kemas kini;
- 4.6.3. mengambil tindakan segera dengan memastikan bangunan pejabat perwakilan Malaysia di luar negara dilengkapi dengan kawalan keselamatan sewajarnya dan disenggarakan sebaiknya bagi menjaga keselamatan pejabat dan imej Kerajaan Malaysia; dan
- 4.6.4. memastikan masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Sistem Perakaunan Luar Negeri diberi perhatian oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia dengan sewajarnya agar tidak menjelaskan keberkesanan sistem.

## PENGAUDITAN SECARA MENGEJUT

### 5.1. LATAR BELAKANG

Pengauditan secara mengejut dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 6, Akta Audit 1957 yang menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah telah diambil untuk memelihara keselamatan pungutan dan penjagaan wang awam; pengeluaran dan pembayaran wang dibuat mengikut undang-undang; penggunaan, pengawalan dan pelupusan aset dibuat mengikut peraturan; serta akaun dan rekod kewangan diselenggarakan dengan betul dan kemas kini. Pengauditan secara mengejut merupakan satu pendekatan pengauditan yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak auditi.

### 5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan secara mengejut adalah untuk menilai sama ada:

- 5.2.1. hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga di bawah jagaan/ seliaan pegawai yang diberikan tanggungjawab telah diuruskan dengan teratur dan mematuhi segala peraturan kewangan; dan
- 5.2.2. wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, penjagaan harta awam dan barang-barang berharga/barang ekhibit dan pembayaran yang dilakukan.

### 5.3. SKOP PENGAUDITAN

- 5.3.1. Pengauditan secara mengejut meliputi 4 elemen kawalan utama iaitu Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Kawalan Aset dan Kawalan Umum.
- 5.3.2. Pengauditan secara mengejut telah dijalankan di 226 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) Kerajaan Persekutuan di bawah 19 Kementerian seluruh negara. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.1**  
**PENGAUDITAN SECARA MENGEJUT DI PUSAT TANGGUNGJAWAB/**  
**PUSAT KOS MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2015**

BIL.	KEMENTERIAN	BILANGAN PUSAT TANGGUNGJAWAB/ PUSAT KOS YANG DIAUDIT
1.	Jabatan Perdana Menteri	21
2.	Kementerian Kesihatan Malaysia	44
3.	Kementerian Pendidikan Malaysia	35
4.	Kementerian Dalam Negeri	33
5.	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	14
6.	Kementerian Komunikasi Dan Multimedia	11
7.	Kementerian Sumber Manusia	8
8.	Kementerian Kewangan Malaysia	9
9.	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	9
10.	Kementerian Pengangkutan	9
11.	Kementerian Belia Dan Sukan	8
12.	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	6
13.	Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan	5
14.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	4
15.	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	3
16.	Kementerian Pertahanan	3
17.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	2
18.	Kementerian Kerja Raya	1
19.	Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	1
<b>JUMLAH</b>		<b>226</b>

#### 5.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan secara mengejut meliputi semakan dan analisis terhadap rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2015; pemeriksaan fizikal terhadap wang tunai, Borang Hasil, Resit Rasmi, aset dan barang berharga; temu bual dengan pihak audit, pengamatan keadaan semasa pada tarikh pengauditan seperti kawalan keselamatan ke atas kaunter kutipan, pegawai keselamatan bertugas, keadaan/kandungan peti besi serta lawatan mengejut di lokasi operasi/penyimpanan/stor. Perbincangan dengan Ketua Pejabat juga telah diadakan selepas pengauditan yang dijalankan.

#### 5.5. PENEMUAN AUDIT

5.5.1. Secara keseluruhannya pengauditan secara mengejut mendapati hanya 52 (23%) daripada 226 pejabat yang diperiksa mematuhi kesemua 4 elemen kawalan utama. Manakala 174 (77%) pejabat tidak mematuhi sebahagian daripada elemen tersebut. Antara peraturan kewangan yang tidak dipatuhi oleh lebih 10% PTJ/PK dan yang memberi kesan/impak kepada pengurusan kewangan adalah seperti yang berikut:


- i. Daftar Setem tidak diselenggarakan dengan kemas kini dan baki Setem Pos tidak disahkan oleh Ketua Pejabat di 44 (19.5%) PTJ/PK;
- ii. baucar bayaran Panjar Wang Runcit (PWR) tidak direkodkan dengan lengkap dalam buku tunai PWR di 25 (11.1%) PTJ/PK;
- iii. tiada surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi di 75 (33.2%) PTJ/PK;
- iv. Ketua Jabatan di 68 (30.1%) PTJ/PK tidak melakukan pemeriksaan mengejut di bawah AP 309 sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan; dan
- v. hasil pemeriksaan mengejut di bawah AP 309 tidak direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut di 45 (19.9%) PTJ/PK.

**5.5.2. Ketua pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan.**

**5.6. SYOR AUDIT**

Bagi mengelakkan kelemahan yang dibangkitkan daripada berulang, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan yang terlibat hendaklah memastikan:

- 5.6.1. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
- 5.6.2. surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125; dan
- 5.6.3. pemeriksaan mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.



# **BAHAGIAN III**

## **PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PENILAIAN KHAS BAGI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN WANG AWAM**



## **BAHAGIAN III**

### **PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PENILAIAN KHAS BAGI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN WANG AWAM**

Selain menjalankan pengauditan bagi memenuhi kehendak undang-undang, Jabatan Audit Negara telah menjalankan penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi. Penglibatan Jabatan Audit Negara dalam perkara ini adalah seperti yang berikut:

#### **6. PENILAIAN KHAS TERHADAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI**

Jabatan Audit Negara telah membuat penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan pegawai Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Penilaian ini adalah untuk tujuan pengesahan jawatan mereka. Bagi tahun 2015, penilaian telah dibuat terhadap pengurusan kewangan di bawah kawalan 29 Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Agensi. Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan di bawah kawalan pegawai berkenaan adalah baik. Penglibatan Jabatan Audit Negara membuat penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada pengukuhan pengurusan kewangan Kerajaan memandangkan pegawai yang dinilai itu akan memastikan pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti di bawah jagaan mereka dibuat dengan lebih berakauntabiliti dan berintegriti.





## **BAHAGIAN IV**

## **PERKARA AM**



## BAHAGIAN IV

### PERKARA AM

#### **7. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2014 SERTA AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2014**

7.1. Perkara 107 Perlumbagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat. Mulai tahun 2013, Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan di Dewan Rakyat pada setiap kali Dewan Rakyat bersidang selaras dengan Program Transformasi Kerajaan 2.0 bagi inisiatif Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) untuk membanteras rasuah.

7.2. Sehubungan dengan itu, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2014 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 6 April 2015 manakala laporan Tahun 2014 Siri 2 pada 15 Jun 2015. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2014 Siri 3 serta Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Tahun 2014 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 23 November 2015.

#### **8. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

8.1. Pada tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah membentangkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) sebanyak 4 kali seperti jadual berikut:

**JADUAL 8.1**  
**TARIKH PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA KEPADA**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PADA TAHUN 2015**

BIL.	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA	TARIKH MESYUARAT
1.	LKAN Tahun 2014 Siri 1	06.04.2015
2.	LKAN Tahun 2014 Siri 2	15.06.2015
3.	Isu Tertunggak LKAN Tahun 2014 Siri 2	02.11.2015
4.	LKAN Tahun 2014 Siri 3 Serta LKAN Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Tahun 2014	23.11.2015


8.2. Sepanjang tahun 2015, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) telah mengadakan sebanyak 33 mesyuarat untuk membincangkan 30 perkara berkaitan dengan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara seperti jadual berikut:

**JADUAL 8.2  
PERKARA YANG DIBINCANGKAN DALAM  
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA TAHUN 2015**

BIL.	PERKARA DIBINCANGKAN	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI	TARIKH MESYUARAT
1.	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	• Kementerian Kewangan Malaysia • Unit Perancang Ekonomi	19.05.2015
		• Kementerian Kewangan Malaysia • Firma Audit Deloitte Malaysia	10.06.2015
		• Kementerian Kewangan Malaysia • Firma Audit KPMG Malaysia	17.06.2015
		• Jabatan Audit Negara	09.07.2015
		• Jabatan Audit Negara	10.07.2015
		• Jabatan Audit Negara	02.11.2015
		• Kementerian Kewangan Malaysia • Syarikat 1MDB	25.11.2015
2.	Perkhidmatan 1BestariNet	• Kementerian Pendidikan	17.03.2015
		• Kementerian Pendidikan • Sekretariat <i>Project Management Office</i> 1Bestarinet	16.06.2015
3.	Pengurusan Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	• Kementerian Kewangan Malaysia	18.03.2015
			25.05.2015
4.	Program 1Azam	• Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	24.03.2015
		• Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat • Yayasan Kebajikan Negara	25.05.2015
5.	Pengurusan Peruntukan Kewangan Bencana Banjir	• Kementerian Kewangan Malaysia • Majlis Keselamatan Negara	10.06.2015
			30.03.2015
6.	Projek Pembangunan Empangan Paya Peda, Besut, Terengganu	• Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	26.01.2015
7.	Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul, Kuala Lumpur	• Kementerian Dalam Negeri	27.01.2015
8.	Pengurusan Perolehan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	• FELDA	28.01.2015
9.	Pengurusan Permohonan Kelulusan Ejen Cukai	• Kementerian Kewangan Malaysia	19.03.2015
10.	Pengurusan Projek Pusat Berita Bersepadu	• Kementerian Komunikasi Dan Multimedia	25.03.2015
11.	Prestasi Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) Yang Tidak Memuaskan	• FINAS	26.03.2015
12.	Program Subsidi Benih Padi Sah	• Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	31.03.2015

BIL.	PERKARA DIBINCANGKAN	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI	TARIKH MESYUARAT
13	Pengurusan Projek Pembinaan Hospital Shah Alam	• Kementerian Kesihatan Malaysia	01.04.2015
14.	Projek Pengalihan Operasi Keretapi Tanah Melayu Berhad Dari Tanjung Pagar Ke Woodlands (Stesen), Singapura Dan Kempas Baru (Depoh), Johor Bahru	• Kementerian Pengangkutan	02.04.2015
15.	Pengurusan Mesin Pengimbas Kargo	• Jabatan Kastam Diraja Malaysia	06.04.2015
16.	Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan	• Jabatan Pengangkutan Jalan	06.04.2015
17.	Pengurusan Pengendalian Acara	• Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan	07.04.2015
18.	Penyewaan Tanah Persekutuan	• Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar • Ketua Pengarah Tanah Dan Galian	08.04.2015
19.	Penyambungan Laluan ERL Dari KLIA Ke KLIA2	• Kementerian Pengangkutan	30.04.2015
20.	Pengurusan Projek Pusat Bersepadu	• Kementerian Komunikasi Dan Multimedia	26.05.2015
21.	Pengurusan Lembaga Penyatuan Dan Kemajuan Tanah Persekutuan Berhad (FELCRA)	• Kementerian Kewangan Malaysia • FELCRA	27.05.2015
22.	Pengurusan Wisma Perwira ATM, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur	• Kementerian Pertahanan	28.05.2015
23.	Pengurusan Pembinaan Kompleks Kolej Tentera Udara Kepala Batas, Kedah	• Kementerian Pertahanan	28.05.2015
24.	Pengurusan Prasarana dan Kemudahan Wisma Transit Kuala Lumpur	• Kementerian Pertahanan	28.05.2015
25.	Pengurusan Perolehan Perabot Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am (PGA) Simpang Renggam	• Kementerian Dalam Negeri • Polis DiRaja Malaysia	11.06.2015
26.	Pengurusan Kuarters Polis DiRaja Malaysia	• Kementerian Dalam Negeri • Polis DiRaja Malaysia	11.06.2015
27.	Pengurusan Kuarters Jabatan Imigresen Malaysia	• Kementerian Dalam Negeri • Jabatan Imigresen Malaysia	11.06.2015
28.	Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2)	• Jabatan Kerja Raya • Lembaga Lebuhraya Malaysia	15.06.2015
29.	Pengurusan Subsidiari Pihak Berkua Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) - ESPEK Sdn. Bhd. - ESPEK Plantations Sdn. Bhd. - ESPEK Livestock Sdn. Bhd.	• Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah • RISDA	16.06.2015
30.	Pengurusan Program Akuakultur	• Jabatan Perdana Menteri • Pihak Berkua Pelaksanaan Koridor Utara (Northern Corridor Implementation Authority - NCIA)	18.11.2015





**PENUTUP**



## PENUTUP

Pada umumnya, tahap prestasi pengurusan kewangan di peringkat Kementerian bagi tahun kewangan 2015 menunjukkan penurunan berbanding dua tahun sebelumnya. Pada tahun 2015, sebanyak 16 (64%) daripada 25 Kementerian mencapai tahap cemerlang dalam penilaian Indeks Akauntabiliti berbanding 20 (83.3%) dan 23 (95.8%) daripada 24 Kementerian pada tahun 2014 dan 2013 masing-masingnya.

Prestasi pengurusan kewangan di 18 Jabatan Persekutuan yang diaudit secara tahunan pula menunjukkan peningkatan di mana 15 jabatan (83.3%) telah mencapai tahap cemerlang berbanding 13 jabatan (72.2%) pada tahun 2014 dan 14 jabatan (77.8%) pada tahun 2013. Manakala pada tahun 2015, sebanyak 7 (31.8%) daripada 22 jabatan yang diaudit secara pusingan mencapai tahap cemerlang. Analisis lanjut mendapati sebanyak 13 (59.1%) jabatan memperoleh markah yang lebih tinggi pada tahun 2015 berbanding tahun 2012/2013 iaitu pusingan pengauditan sebelum ini. Bagaimanapun, 9 (40.9%) daripada 22 jabatan yang diaudit mengalami penurunan markah pada tahun 2015 berbanding tahun 2012/2013. Prestasi pengurusan kewangan ini boleh dipertingkatkan sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan itu, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan Kementerian/Jabatan mengambil tindakan seperti berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan di Jabatan serta Pusat Tanggungjawab di bawah kawalannya untuk memastikan tindakan pembetulan diambil sekiranya berlaku kelemahan yang sama seperti dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu sahaja;
- b. bagi memperbaiki lagi tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut;
- c. Kementerian/Jabatan perlu memperkasakan peranan Unit Audit Dalam (UAD) antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan perlu disediakan dengan teliti supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi,

melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak dan *outcome* kepada organisasi;

- d. isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara hendaklah dibincangkan dengan terperinci dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit. Mesyuarat juga hendaklah membincangkan tindakan *corrective* dan *preventive* yang akan diambil bagi memastikan isu yang sama tidak berulang lagi;
- e. Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah mempengerusikan setiap *Exit Conference* bersama pegawai Jabatan Audit Negara supaya isu yang dibangkitkan diketahui lebih awal dan segera mengambil tindakan positif selain usaha penambahbaikan;
- f. Jabatan Akauntan Negara Malaysia memainkan peranan yang penting dalam memantapkan pengurusan kewangan Kerajaan iaitu dengan memastikan Unit Nazirannya menjalankan pemeriksaan di Pusat Tanggungjawab secara terancang;
- g. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem *check and balance*, menjalankan pusingan tugas, pemantauan yang rapi dan menjalankan pemeriksaan mengejut, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dalam bidang pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang berpengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan; dan
- h. rekod mengenai aset sentiasa dikemaskinikan oleh Kementerian/Jabatan sebagai persiapan Kerajaan Persekutuan ke arah pelaksanaan perakaunan berdasarkan akruan.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

27 April 2016

**LAMPIRAN A1**

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI**

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN**

**PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR**

**31 DISEMBER 2015**





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang merangkumi Penyata Kadudukan Kewangan Pada 31 Disember 2015, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Aktaui Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

*Tanggungjawab Pihak Berkuasa Kewangan Terhadap Penyata Kewangan*

Pihak Berkuasa Kewangan bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia. Pihak Berkuasa Kewangan juga bertanggungjawab menetapkan kawalan dalaman yang perlu diwujudkan bagi memberi jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan yang disediakan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juru Audit*

Tanggungjawab saya adalah untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan (elah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1967 dari piawaian pengauditan yang dilulusken di Malaysia. Piawaian tersebut menghenitaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.


Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit terhadap amaun yang dilaporkan dan pendedahan mengenainya dalam penyata kewangan. Pemilihan prosedur Audit termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada

penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan adalah bergantung kepada pertimbangan juruaudit. Pengauditiran juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan pakai oleh pihak berkuasa kewangan serta perseimbahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi menyatakan pendapat saya mengenai penyata kewangan ini.

*Pondapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan seksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Pelaporannya adalah selaras dengan piawalan perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

  
( TAN SRI HJ. AMBRIN BIN BUANG )

~~KETUA AUDIT NEGARA~~

MALAYSIA

PUTRAJAYA

14 APRIL 2016



## **LAMPIRAN A2**

- PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN DAN  
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
- PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2015**
- PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**
